

"HUBUNGAN negara kita adalah merupakan hubungan kekeluargaan yang sangat rapat yang telah terjalin sejak sekian lamanya. Ia amat wajar dipelihara dan dipupuk menerusi pelbagai kerjasama serta juga budaya kunjung-mengunjungi. Dengan cara ini akan membolehkan kita sentiasa dapat berbincang serta bersilaturahmi." - Titah semasa keberangkatan Lawatan Negara ke Malaysia pada 18 - 21 Rabiulawal 1426 / 27 - 30 April 2005.



"DAN janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan bayangkanlah dengan sebaik-baiknya segala usaha dan perbuatan kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 195.

Berangkat hadiri Majlis Santap Malam

KUALA LUMPUR, Jumaat, 27 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam bagi meraikan Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13 di Istana Negara, di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTMM Pengiran Isteri dijunjung oleh Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Pertabalan Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13; Yang Berbahagia Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil, Datuk Paduka Maharaja Lela (the Grand Chamberlain) dan lain-lain pembesar negara sebelum dijunjung ke Dewan Anjung Tengah, Istana Negara.

Di Dewan Anjung Tengah, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTMM Pengiran Isteri dialu-alukan oleh Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Kebawah DYMM Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan isteri.

Dari Dewan Kecil Anjung Tengah, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTMM Pengiran Isteri, Kebawah DYMM Raja-Raja Negeri dan Raja-Raja Permaisuri, Tuan-Tuan Yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar berbual mesra sejeurus sebelum Majlis Santap Malam bagi meraikan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah di Istana Negara. - Foto : Masri Osman. (Lagi berita dan gambar-gambar muka 8 & 9).

Terutama Yang Di-Pertuan Negeri dan Toh-Toh Puan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Malaysia dan isteri kemudian beredar ke Dewan Persantapan diiringi tiupan nafiri.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13 berlangsung pada hari Khamis, 26 April 2007 dalam istiadat penuh tradisi.

Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Kebawah DYMM Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan isteri.

Berangkat ke Istiadat Pertabalan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Utamakan keselamatan ketika berada di jalan raya:

170 ribu kenderaan telah dilesenkan

BERAKAS, Isnin, 23 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersabda, menurut perangkaan Jabatan Pengangkutan Darat terdapat lebih 170 ribu buah kenderaan telah dilesenkan dan aktif di negara ini dengan sebanyak lebih kurang 12 ribu permohonan pendaftaran kenderaan bagi setiap tahun.

Menyedari hakikat ini sabda Yang Teramat Mulia, perhatian dan langkah-langkah yang serius dari pelbagai sektor amat diperlukan terutama sekali para pengguna jalan raya sendiri dimana mereka sangat dituntut untuk mengamalkan sifat toleransi dan bertanggungjawab serta mengutamakan keselamatan ketika berada di jalan raya.

Jelas YTM dengan bilangan kenderaan dan pengguna jalan raya yang meningkat setentunya meningkatkan risiko yang sama di jalan raya di negara ini.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@ information.gov.bn

YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersabda demikian semasa merasmikan Sambutan 'First United Nations Global Road Safety Week' serta Pelancaran Laman Web Majlis Keselamatan Jalan Raya, Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Tambah YTM, di negara ini walaupun terdapat sedikit penurunan dari segi jumlah kemalangan jalan raya di tahun-tahun sebelumnya namun kadarnya masih tinggi berbanding dengan negara-negara lain.

Dalam tiga bulan pertama tahun ini, sabda YTM, sebanyak 16 kematian telah dicatatkan di negara ini dan hal ini sangat membimbangkan kerana ianya menunjukkan kadar peningkatan melebihi 100 peratus berbanding dengan tujuh kematian dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Oleh itu dalam mengurangkan kes kemalangan tersebut YTM me-

negaskan agar aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian termasuklah pendidikan, penyediaan infrastruktur mencukupi dan penggubalan serta pelaksanaan undang-undang dan peraturan lalu lintas yang lebih berkesan, di samping kempen-kempen jalan raya bagi meningkatkan disiplin di jalan raya termasuk penggunaan topi keledar, tali pinggang keselamatan dan sebagainya.

Perkara tersebut tekan YTM perlu dibuat secara berterusan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

YTM seterusnya bersabda, penglibatan kerjasama antarabangsa juga penting dalam membantu usaha Majlis Keselamatan Jalan Raya di negara ini kerana melalui per-kongsian dan pertukaran maklumat mengenai strategi dan program yang berjaya dilaksanakan di negara lain boleh dimanfaatkan.

Lihat muka 16

ANTARA KANDUNGAN

Hasrat Negara :

Belia berilmu mampu melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan

- Muka 2

Berangkat ke Konvokesyen Ke-13 MJPA PRSB

- Muka 5

Tinjauan: Radio Brunei akan masuki era Penyiaran Audio Digital

- Muka 6

Haluan: Media bertanggungjawab bantu kerajaan kekalkan ketenteraman

- Muka 10

Pelajar cemerlang terima hadiah

- Muka 12

Rumah Jong Batu juara Sukan Tahunan SM SMJA

- Muka 15

Sayangi dan hargai warga emas

- Muka 1 ANEKA

Mukim Kota Batu : 'Dua wajah sama cantik sama menarik'

- Muka 2 ANEKA

Kesan-kesan penggunaan sisha terhadap kesihatan

- Muka 3 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PADA tahun 1924 kereta pertama kepunyaan Residen telah mula sampai ke Bandar Brunei. Sejak itu negara ini terus mengimport kereta sebagai pengangkutan harian. Sehingga kini pada tahun 2006, sebanyak 13,529 buah kereta telah didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Darat. Dari jumlah tersebut, sebanyak 7,663 buah jenis kereta biasa, 4,307 buah jenis kereta wagon, 514 buah van, 41 buah 'trailer', 52 buah alat jentera bergerak, 146 buah bas, 581 buah motosikal, 211 buah trak dan 14 buah 'tanker'. - Sumber Jabatan Pengangkutan Darat.



2 MEI 2007 BERSAMAAN 1428 ربيع الأخير 14

WASPADA DAN BERHATI-HATI SKIM PELABURAN INTERNET

INGATAN Kementerian Kewangan mengenai skim pelaburan yang tidak diiktiraf yang tersebar luas melalui laman web dalam internet masa kini perlulah diberikan perhatian yang sewajarnya oleh orang ramai di Negara Brunei Darussalam. Teganya orang ramai tidak harus terpedaya dengan tipu muslihat pelbagai bentuk instrumen pelaburan melalui internet yang mendakwa kononnya 'berupaya' memberikan pulangan yang luar biasa tingginya yang terdapat dalam kaedah seperti skim piramid, jualan terus atau perdagangan pertukaran wang asing.

Jika kita teliti, pelaburan yang menjanjikan pulangan yang tinggi dalam masa singkat atau lebih sinonim skim cepat kaya termasuk yang beroperasi melalui internet itu adalah karut sama sekali.

Bukan saja tidak logik malah tidak masuk akal, sesuatu bentuk pelaburan yang mampu memberikan pulangan yang tinggi dan lumayan dalam sekelip mata serta dalam jangka waktu yang singkat. Perlu menjadi ingatan semua, apa jua jenis pelaburan memerlukan jangka 'hayat' yang panjang untuk 'menuai' hasil yang lumayan.

Lebih tidak munasabah skim pelaburan di internet yang nilai pelaburannya mencecah pulangan sehingga jutaan ringgit. Ini bukannya pelaburan tetapi jelas penipuan yang sangat berbahaya dan memberi kesan yang amat buruk jika tidak ditangani dengan sewajarnya.

Ke arah itu orang perlu sedar dan tidak mudah terpedaya dengan tawaran syarikat skim cepat kaya termasuk skim pelaburan internet, sebaliknya hendaklah menimbang soal keselamatan pelaburan serta pulangan dividen atau bonus yang munasabah dengan nilai yang dilabur dan bukannya 'mengaut keuntungan' dengan serta-merta.

Sememangnya skim yang menawarkan untung laba yang berlipat ganda tinggi setentunya menyebabkan kita hilang pertimbangan akal dan berakhir dengan terpedaya dan tipu muslihat yang mendatangkan kerugian dalam sekelip mata jua. Rasa ghairah untuk mengaut untung yang lebih tinggi menyebabkan kita mudah hilang punca dan cair dengan pujukan 'manis' serta rayuan dan menyerahkan wang kepada sindiket tersebut tanpa berfikir panjang.

Inilah sebenarnya 'kemajuan' yang diciptakan oleh globalisasi melalui kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Silap-silap melabur, kita akan menjadi 'papa kedana' dan hanya mengundangi malapetaka yang lebih besar kepada kita semua. Apa pun alasannya, skim kewangan melalui internet yang tidak diiktiraf jelas tidak terjamin jauh sekali untuk menjamin masa depan.

Orang ramai perlulah lebih berhati-hati dan waspada terhadap pelbagai skim yang mungkin menjurus kepada penipuan yang dipasarkan dalam pasaran kewangan masa kini.

Mereka dinasihatkan untuk menghubungi Kementerian Kewangan sebelum berurusan dengan seseorang atau badan yang menawarkan apa jua bentuk pelaburan kewangan. Bagi menangani gejala tidak sihat ini, maklumat orang ramai adalah perlu bagi memberantas kegiatan tersebut dari terus berleluasa di negara ini.

Kerajaan melalui Kementerian Kewangan akan bertindak kepada mereka yang menjalankan kegiatan yang tidak berlesen itu. Di bawah Perintah Sekuriti 2001, jika seseorang didapati sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi B\$1 juta, 10 tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Sementara itu di bawah Perintah Perbankan 2006 pula, denda tidak melebihi B\$10 juta, penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali dan jika kesalahan ini berulang boleh dikenakan denda tidak melebihi B\$100 ribu sehari.

Sebenarnya ada pelbagai produk pelaburan di pasaran yang dilesenkan di negara ini, dan orang ramai perlulah bijak memilih skim yang berwujud dan diluluskan oleh kerajaan. Salah satu pelaburan yang diusahakan oleh kerajaan ialah Sukuk Al-Ijarah jangka pendek yang telah beroperasi sejak tahun 2006, yang ternyata lebih menjamin masa depan kita semua daripada menyertai skim pelaburan melalui internet yang tidak diiktiraf dan tidak diketahui asal usulnya.

Semogalah orang ramai di negara ini tidak mudah ghairah dan terpedaya dengan pengaruh hebat skim pelaburan internet yang semakin berleluasa. Kita juga tidak seharusnya mencari jalan pintas untuk meraih kekayaan dengan menyertai skim pelaburan dalam internet, sebaliknya melaburkan wang dalam institusi kewangan yang dijamin oleh kerajaan. Ingatkan sebelum kena, jangan sampai terjadi seperti kata pepatah Melayu 'nasi sudah menjadi bubur'.

HASRAT NEGARA

BELIA BERILMU MAMPU LAKSANAKAN T'JAWAB DENGAN BERKESAN

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, wabihee nasta'eenu 'alaa umuroiddunya waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita menghadiri Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Kali Ke-4 pada malam ini.

Program serantau yang disertai oleh qari dan qariah belia ini dapat mengukuhkan persaudaraan ummah dan membantu meningkatkan amalan dan mutu bacaan Al-Qur'an di kalangan belia Islam Asia Tenggara.

Program interaksi belia seumpama ini perlulah ditingkatkan dengan perancangan yang teliti dan terarah bagi memperoleh manfaat yang maksima dalam mewujudkan semangat kerjasama dan setia kawan, semangat toleransi dan berbaik sangka, menjaga keharmonian dan kerukunan serta menghindari konflik dan salah faham.

Kitab Suci Al-Qur'an adalah menjadi panduan hidup yang menggabungkan manusia dengan pencipta seluruh alam dan menggabungkan manusia dengan masyarakat. Dari itu, umat Islam dituntut membaca Al-Qur'an dan memahami isinya supaya semua ajaran yang terkandung di dalamnya dapat dipatuhi dan diamalkan dengan sempurna.

Belia adalah pemimpin masa hadapan yang perlu mempersiapkan diri dari peringkat awal lagi. Negara sememangnya memerlukan sokongan belia yang tabah dan sentiasa bersikap positif, melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, berdikari dan memiliki jati diri. Dengan penguasaan pelbagai ilmu, belia akan dapat mengharungi apa jua cabaran dan tidak akan mudah tewas dengan pujukan persekitaran.

Pada lazimnya belia yang berilmu adalah mereka yang mempunyai akhlak yang baik dan mampu melaksanakan tanggungjawab dengan

berkesan berasaskan keimanan dan ketakwaan. Dengan itu, mereka akan dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan keupayaan yang ada pada mereka secara optima. Ini ialah potensi yang ada pada diri manusia, yang mempunyai keperibadian mulia dan keimanan yang kuat dan kukuh untuk mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Kita menyadari bahawa belia adalah merupakan sebahagian besar daripada jumlah penduduk sesebuah negara dan menjadi sumber tenaga yang penting. Justeru itu, penekanan disiplin terhadap golongan belia adalah wajar dalam membimbing dan mempersiapkan mereka sebagai golongan pelapis yang meyakinkan. Tanpa disiplin, tenaga belia sebagai aset negara tidak akan dapat dimanfaatkan secara optima ke arah menggerakkan pembangunan negara.

Kita maklum bahawa lebih berdisiplin belia, lebih mudah mereka dilatih, dan lebih tinggi sum-



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Majlis Perasmian Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Kali Ke-4 Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Rabu 24 Rabiulawal 1428 / 11 April 2007.

bangkan yang boleh mereka berikan kepada negara. Memandangkan kepada hakikat ini, maka Kerajaan Paduka Ayahanda mengambil berat secara berterusan kepada aspirasi golongan muda, dan berusaha melengkapkan mereka dengan segala pengetahuan dan kecakapan yang diperlukan bagi menghadapi gejala-gejala sosial dan cabaran-cabaran arus perkembangan masa mendatang.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'ad ayat 11 yang kira-kira bermaksud "Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu

kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka." Sejarah telah membuktikan bahawa asas kegemilangan tamadun Islam dahulu bukan sahaja terletak kepada aspek kebendaan dan pembangunan semata-mata tetapi merangkumi kekuatan rohani dan keimanan yang tinggi.

Belia adalah diseru menyedari tanggungjawab mereka dalam memanfaatkan masa dengan perkara yang berfaedah dan turut berperanan mengubah keadaan kepada yang lebih baik dalam bernegara dan bermasyarakat.

Ugama Islam menghen-

dan jujur dalam melaksanakan tugas serta taat setia kepada kepimpinan negara, bangsa, agama dan cinta kepada kebaikan.

Sehubungan dengan ini, peranan belia hari ini bukan sekadar membina kerjaya semata-mata tetapi mereka selayaknya turut sama menyumbangkan pemikiran, masa dan tenaga bagi sama-sama memartabatkan bangsa yang berbudaya, berilmu, dihormati dan digalati. Sesungguhnya letak indahnya bahasa itu adalah pada santunnya, dan letak aset negara adalah pada belianya.

Saya percaya banyak lagi wadah bagi belia kita untuk berinteraksi dengan belia serantau demi mewujudkan kebaikan bersama, menjalin hubungan silaturahmi, kerjasama dan persefahaman tanpa mengira perbezaan bahasa, bangsa, budaya dan kepercayaan.

Melalui 'networking' dalam bidang-bidang khusus yang berdasarkan matlamat musabaqah ini, ia adalah suatu yang bermanfaat dan perlu digalakkan. Sungguhpun begitu, dalam apa jua mekanisme 'networking' yang akan diambil, belia di negara ini mestilah berpegang teguh kepada semangat toleransi dan sifat kesederhanaan yang diutamakan dalam Islam.

Dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita merasmikan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Kali Ke-4.

Sekian Wabillahit Tawfiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Perutusan tahniah sempena keputeraan Raja Sweden

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden dan Tuan Yang Terutama Goran Persson, Perdana Menteri Sweden bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja Sweden.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira dan berpuas hati di atas hubungan mesra

dan persefahaman yang erat terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Sweden dan percaya keadaan sedemikian akan dipertingkatkan lagi demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Sweden akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada TYT Go-

ran Persson, Perdana Menteri Sweden, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Sweden bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja Sweden.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Sweden Netherlands serta percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Di samping itu, baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Goran Persson, Perdana Menteri Sweden dan rakyat Sweden akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Sweden, Tuan Yang Terutama Carl Bildt sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja Sweden.

Dalam perutusan itu, DYT melahirkan penghormatan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Carl XVI Gustaf berserta ahli kerabat diraja dan kerajaan serta rakyat Netherland sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja Sweden.

DYT juga menghargai hubungan persahabatan dan kerjasama yang telah lama terjalin di antara kedua-dua buah negara dan mengalu-alukan peluang-peluang untuk meningkatkan kerjasama dan persahabatan yang dikongsi bersama, di samping sebagai rakan kongsi dalam ASEM dan dalam Dialog ASEAN-EU.

Perutusan tahniah sempena 'Queen's Day'

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Koningin Beatrix Wilhelmina Armgard, Queen Netherlands dan Tuan Yang Terutama Jan Peter Balkenende, Perdana Menteri Netherlands bersempena dengan 'Queen's Day'.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat dan terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Netherlands dan percaya keadaan sedemikian akan dipertingkatkan lagi demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Koningin Beatrix Wilhelmina Armgard, Queen Netherlands sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Netherlands akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Jan Peter Balkenende, Perdana Menteri Netherlands baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Netherlands sempena dengan 'Queen's Day'.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Netherlands serta percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Di samping itu, baginda berharap semoga TYT Jan Peter Balkenende, Perdana Menteri Netherlands dan rakyat Netherlands akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Netherlands, Tuan Yang Terutama Maxime Verhagen sempena 'Queen's Day'.

Dalam perutusan itu, DYTM melahirkan penghormatan kepada ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Queen Beatrix berserta ahli kerabat diraja dan kerajaan serta rakyat Netherlands sempena 'Queen's Day' negara itu.

DYTM juga menghargai hubungan persahabatan dan kerjasama yang telah lama terjalin di antara kedua-dua buah negara dan berharap untuk terus meningkatkan hubungan kerjasama serta persahabatan di masa hadapan.

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



DULI Yang Teramat Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan meraihan Setiausaha Agung Komanwel, Tuan Yang Terutama Donald McKinnon dan Puan Clare de Lore di Majlis Santap Tengah Hari sejurus menerima mengadap.

Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah menerima mengadap Tuan Yang Terutama Donald McKinnon, Setiausaha Agung Komanwel dan Puan Clare de Lore di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia

seterusnya mengadakan jamuan santap tengah hari bagi Setiausaha Agung dan Puan Clare de Lore.

Berangkat sama ke jamuan santap tengah hari itu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-At-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Tuan Yang Terutama Donald McKinnon berada di negara ini bagi lawatan dua hari.

Menteri Perhubungan membuat lawatan kerja ke Republik Korea

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 April. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan rombongan bertolak ke Republik Korea bagi lawatan kerja dua hari selain menghadiri Persidangan Menteri-menteri IT dan 'IT Korea Show' di Seoul.

Antara institusi dan agensi yang akan dilawati oleh Yang Berhormat termasuklah 'Korea Post', 'National Information Society Agency' (NIA), 'Korea IT Industry Promotion Industry' (KIPA), 'Korea Information Society Development Institute' (KISDI), dan 'National Internet Development Agency of Korea' (NIDA).

Satu perjumpaan dua hala juga akan diadakan di Seoul di antara Yang Berhormat Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam bersama Menteri Maklumat dan Komunikasi, Republik Korea bagi mengukuhkan perhubungan dan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea.

Perjumpaan ini merupakan perbincangan lanjut selepas penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Maklumat dan Komunikasi, Republik Korea mengenai kerjasama dalam bidang Teknologi-teknologi Maklumat dan Komunikasi di Negara Brunei Darussalam pada bulan September lepas.

Menteri Perhubungan juga akan mengetuai delegasi ke Persidangan IT Menteri-menteri 2007 yang akan diadakan pada 19 April 2007 serta membuat lawatan ke 'Korea IT Show', pameran 'integrated' IT pertama di Republik Korea.

Rombongan disertai oleh Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Info-Komunikasi Perhubungan, Kementerian Perhubungan (AiTi), Awang Haji Ibrahim bin Haji Md. Ali; Pengarah Perhubungan, Kementerian Perhubungan, Pengiran Haji Mohd. Yakub bin Pengiran Haji Othman dan Pemangku Pengarah IT, Penyelidikan dan Perkembangan, Kementerian Perhubungan, Pengiran Haji Mohd. Zain bin Pengiran Haji Abdul Razak.

100 pokok tempatan ditanam sempena Hari Bumi Sedunia

Oleh : Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

Foto : Abdullah Haji Awang Damit

BERAKAS, Ahad, 22 April. - Hari Bumi Sedunia disambut oleh kebanyakan negara di dunia dengan pelbagai kegiatan yang bermanfaat khususnya dalam menghijaukan bumi supaya generasi akan datang dapat sama-sama menikmatinya.

Di negara ini sambutan Hari Bumi Sedunia tahun ini disambut dengan penanaman 100 pokok tempatan dan pokok buah-buahan di kawasan Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar yang kini

dalam fasa pertama pembinaan.

Berangkat ke sambutan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah.

Pada sambutan itu Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran mini mengenai perkembangan kawasan taman rekreasi berkenaan yang sedang dalam pembinaan.

Sambutan Hari Bumi



PEMANGKU Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny merasmikan Sambutan Hari Bumi Sedunia dengan menanam sepon pokok.



Sedunia dirasmikan oleh Pemangku Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein dengan memotong reben yang membawa tema sambutan 'Plant For The Planet' atau 'Tanam Tumbuhan Untuk Bumi'.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JAS-TRE), Awang Haji Omar bin Haji Muhd. Tahir dalam

annya antara lain menyatakan, sambutan itu bertujuan ke arah mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran awam mengenai isu pencemaran sejagat merentas sempadan.

"Program seperti ini diharap akan dapat menyuntik semangat 'civil society' untuk melibatkan diri dan turut serta memainkan peranan dalam memelihara alam sekitar dari apa jua ben-

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berkenan menyaksikan pameran mini mengenai perkembangan kawasan Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar.

tuk ancaman kegiatan yang boleh menggugat dan merosakkan kualitinya," jelasnya.

Katanya, kali ini tumpuan diberikan kepada isu pertukaran iklim disebabkan oleh pengeluaran dan kepulan gas seperti karbon dioksida, methane, nitrooksida berlebihan di atmosfera yang berpunca dari pembakaran 'fossil fuel' bagi mengeluarkan tenaga, pengangkutan, industri dan kegiatan manusia.

Tambahnya, salah satu dari kegiatan termasuklah mempertahankan dan memperluaskan sumber yang boleh mengurangkan kepulan karbon dioksida di atmosfera dengan penanaman pokok dan tumbuhan kerana proses fotosintesisnya akan menyedut karbon dioksida dari atmos-

fera dan mengeluarkan oksigen ke atmosfera.

Seratus pokok pokok kayu dan buah tempatan ditanam sekitar taman rekreasi seluas 30 hektar itu.

Fasa kedua taman itu nanti meliputi pembinaan jalan laluan, taman mini permainan, beberapa gelanggang sukan, kawasan berkhemah dan kemudahan asas seperti tandas dan kawasan letak kereta.

Kerja-kerja fasa kedua akan bermula sedikit masa lagi dan dijangka siap pada penghujung tahun ini, manakala kerja pembersihan kawasan taman telah bermula sejak pertengahan tahun lalu.

Pada masa ini, taman tersebut yang sedang dalam pembinaan itu belum di-

MPM dan MPK perlu bertindak selaku 'contributor'

Oleh : Zahrani Haji Bojeng
Foto : Abdullah Haji Awang Damit

BERAKAS, Rabu, 18 April.-Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) harus bergerak ke hadapan dan bersiap sedia menghadapi cabaran dalam pelbagai aspek dan bukan hanya menjadi penonton sahaja malah hendaklah bertindak selaku 'contributor'.

Sehubungan dengan itu, MPM dan MPK perlu bertindak selaku jentera penggerak utama dan pemangkin pembangunan yang mendukung sepenuhnya segala aspek berkaitan dengan negara termasuklah undang-undang, wawasan, hala tuju serta semua program pembangunan untuk kemakmuran negara ke arah menyumbang kestabilan dan 'survival' bangsa dan negara.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengelola MPM dan MPK menekankan perkara tersebut semasa memengerusikan Majlis Perjumpaan Ahli-ahli Lembaga Pengelola MPM dan MPK bersama penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang serta ahli-ahli MPM dan MPK bagi kawasan Kampong Ayer, Mukim Kota Batu, Mukim Lumapas dan kampung-kampung di bawahnya berlangsung di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Pe-

nyelamat di sini.

Menurut Yang Berhormat, MPM dan MPK perlu memainkan peranan sebagai tenaga pemikir yang berupaya untuk memperkenalkan inovasi atau idea-idea yang baru untuk dirancang dan dilaksanakan demi pembangunan dan kemajuan masyarakat serta negara.

Yang Berhormat berkata, MPM dan MPK bertindak sebagai landasan atau platform bagi rakyat dan penduduk di negara ini untuk bersama-sama bertanggungjawab dan berganding bahu dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan melibatkan diri serta menyumbang khidmat bakti dalam hal ehwal kesejahteraan, kemasyarakatan, kebajikan dan perekonomian kepada masyarakat setempat khususnya dan negara umum dalam bersama-sama memantapkan pembangunan, perpaduan, keharmonian serta menjaga kedaulatan, keselamatan dan keamanan negara.

Kewujudan MPM dan MPK seharusnya dilihat sebagai tulang belakang dan memperkukuhkan institusi penghulu mukim dan ketua kampung dengan mengadakan permuakarakahan bagi menyelesaikan permasalahan anak buah kampung, di samping merangka dan mengukuhkan program-program kerjasama ada yang berunsur kemasyarakatan, kebajikan, keagamaan, kesukanan terutama dari aspek perekonomian bagi memantapkan taraf hidup, perpaduan dan kesejahteraan masyarakat setempat khususnya dan negara umumnya.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan.

Yang Berhormat berharap agar MPM dan MPK akan aktif dalam melaksanakan program-program kerja yang dapat menaikkan imej dan kredibiliti MPM dan MPK sebagai landasan dalam sama-sama menuju ke tahap yang lebih cemerlang dan berdaya saing untuk mempertingkatkan kesejahteraan, kebajikan dan kecemerlangan di kawasan setempat.

Dalam ucapannya Yang Berhormat juga menyarankan agar penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah panjang serta ahli-ahli MPM dan MPK perlu bekerjasama dan berpadu dalam melaksanakan pembangunan dan kemajuan masyarakat serta negara.

ketua kampung, ahli-ahli MPM dan MPK serta rakyat dan penduduk di negara ini supaya akan sama-sama bertanggungjawab dan memberikan kerjasama yang padu kepada agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang dalam mencegah dan membanteras gejala-gejala negatif yang tidak diinginkan, apatah lagi yang bertentangan dengan undang-undang negara seperti kegiatan jenayah, penyalahgunaan dadah, kegiatan yang tidak bermoral, pesalah-pesalah imigrasi dan seumpamanya.

Taklimat ringkas mengenai Peraturan Lembaga Pengelola dan MPM dan MPK 2006 disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Awang Haji Adnan.

Beliau antara lain menyentuh perubahan Peraturan Lembaga Pengelola MPM dan MPK yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkuat kuasa mulai 1 Mei 2006.

Majlis juga diselenggarakan dengan sesi perbincangan dan sesi soal jawab bersama ahli-ahli MPM dan MPK yang hadir.

Perjumpaan antara lain bertujuan untuk sama-sama memberikan dan memberi penjelasan lebih lanjut mengenai peraturan baru bagi

Lembaga Pengelola MPM dan MPK 2006, di samping bertukar-tukar pandangan dan idea, berinteraksi serta mendengar apa jua permasalahan dan kemusykilan dalam sama-sama berusaha menggerakkan dan mengembangkan lagi MPM dan MPK di Daerah Brunei dan Muara supaya dapat berfungsi dengan sebaik-baiknya dengan penuh kesempurnaan seperti yang dihasratkan.

Perjumpaan itu merupakan susulan kepada Majlis Perjumpaan Ahli-ahli Lembaga Pengelola bersama penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua

rumah panjang seluruh negara yang telah diadakan pada bulan Mei tahun lepas.

Juga hadir di majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani yang juga selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengelola MPM dan MPK, Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Mohd. Mahdi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap serta wakil-wakil dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Penubuhan MPM dan MPK bertujuan untuk mengukuhkan keberkesanan institusi penghulu mukim dan ketua kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi, memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merancang serta mengusahakan rancangan-rancangan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk.



AHLI-AHLI Lembaga Pengelola MPM dan MPK bersama penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung di Kampong Ayer dan rumah panjang serta ahli-ahli MPM dan MPK bagi kawasan Kampong Ayer, Mukim Kota Batu, Mukim Lumapas dan kampung-kampung di bawahnya bersama sebahagian ahli yang hadir di majlis perjumpaan berkenaan.

Pengusaha besi buruk : PASTIKAN TIDAK MENERIMA BAHAN CURIAN

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,
Hatrul Hazmi Abdul Hamid

KATOK, Rabu, 25 April.-Orang ramai di negara ini diseru supaya tidak camah mata dan tidak membiarkan orang-orang atau perbuatan-perbuatan yang mencurigai dengan menghubungi balai-balai polis yang berdekatan.

Selain dari itu para pengusaha dan mereka yang terlibat dalam memproses besi-besi buruk supaya memberikan kerjasama dengan memastikan barang-barang atau bahan-bahan yang dibeli atau diantar sebagai besi buruk bukanlah barang-barang curian.

Menteri Tenaga, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya membuat seruan tersebut semasa membuat lawatan ke beberapa buah stesen elektrik yang mengalami kecurian baru-baru ini.

Yang Berhormat berkata, selagi ada jalan atau cara untuk menjual barang-barang curian ini selagi itu kegiatan ini akan berjalan.

Kesan dari perbuatan mencuri tersebut telah menyebabkan gangguan bekalan elektrik berlaku semalam dan ianya merupakan pertama kali bekalan elektrik terganggu secara meluas yang disebabkan oleh kecurian kabel tersebut.

Menurut Menteri Tenaga,



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya ketika meninjau kawasan kecurian Stesen Elektrik Gadong.

selalunya gangguan bekalan berlaku terjadi disebabkan oleh kabel rosak oleh jentera atau haiwan.

Antara stesen elektrik yang ditinjau ialah Stesen Elektrik Kampong Rimba, Kampong Katok dan kawasan tapak perindustrian Kampong Tanah Jambu.

Dalam satu siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri menyatakan, bahawa perbuatan mencuri tersebut adalah nyata merosakkan kemudahan awam dan harta benda kerajaan dan tidak bertanggungjawab serta melampaui atau melewati batas toleransi hidup bermasyarakat dan bernegara.

Selain itu perbuatan tersebut juga hendaklah diban-teras pada awa-awal ini sebelum perbuatan atau akibat perbuatan tersebut mendatangkan kemalangan dan

mungkin maut.

Perbuatan yang sememangnya menyalahi agama, tatasusila bermasyarakat dan bernegara ini juga menyalahi beberapa peruntukan undang-undang yang boleh membawa hukuman seperti panel kod Seksyen 379, akibat kecurian yang membawa penjara tiga tahun, denda didenda atau kedua-duanya sekali.

Dalam Seksyen 380 iaitu kecurian dalam bangunan boleh didenda dalam jangka masa tujuh tahun penjara dan denda atau kedua-duanya sekali manakala dalam Seksyen 381 iaitu kecurian yang diakibatkan oleh kakitangan dalam sesuatu badan jika sabit kesalahan dendanya tujuh tahun penjara, denda atau kedua-duanya sekali.

Dalam pada itu terdapat juga peruntukan bagi orang-orang yang menjaja iaitu

yang terkandung dalam Seksyen 411 bagi orang yang berurusan dengan barang-barang curian yang boleh membawa hukuman penjara sehingga lima tahun, denda atau kedua-duanya sekali dan dalam Seksyen 414 iaitu bagi yang membantu menyembunyikan barang-barang curi boleh dikenakan penjara tiga tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Berikutan kejadian kecurian tersebut Pasukan Polis Diraja Brunei sehingga kini masih menjalankan siasatan dan sehingga kini ada yang telah dihadapkan ke mahkamah.

Untuk mengelak berulang kembali kegiatan tersebut, Jabatan Perkhidmatan Elektrik kini peka dengan sering melakukan rondaan serta pemantauan ke atas bangunan-bangunan dan peralatan jabatan.



GAMBAR-GAMBAR di atas menunjukkan sebahagian daripada kabel-kabel yang telah dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Berkenan berangkat ke Konvokesyen Ke-13 MJPAPRSB

Oleh : Zahrani Haji Bojeng,
Maslina Awang Kurus
Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka
Haji Metassim

BERAKAS, Khamis, 19 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Konvokesyen Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatull Bolkiah (MJPAPRSB) Ke-13 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Pengetua MJPAPRSB, Dayang Hajah Thaibah binti Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis.

Berangkat sama ke majlis tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an secara muratal oleh seorang penuntut maktab tersebut, diikuti sembah alu-aluan oleh Pengerusi Bersama majlis, Pengetua MJPAPRSB.

Pada majlis itu YTM juga berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya mengurniakan sijil-sijil diploma dan rencana-rencana kepada para graduan.

Pengetua MJPAPRSB dalam sembah alu-aluannya berkata, sepanjang 20 tahun penubuhannya maktab tersebut telah berkembang pesat dan memberi impak yang positif termasuk peningkatan tahap pendidikan kejururawatan dan perbidanan di negara ini.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Konvokesyen Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatull Bolkiah (MJPAPRSB), pensyarah-pensyarah MJPAPRSB dan para graduan.

Tambahnya, integrasi pengalaman klinikal di luar negara ke dalam Program Diploma Pengkhususan dapat dimanfaatkan oleh para graduan yang secara langsung memberi pendedahan kepada kemudahan-kemudahan yang lebih komprehensif di luar negara.

Seramai 172 orang graduan bidang kejururawatan

dan perbidanan terdiri dari 85 Graduan Sijil Diploma Kejururawatan dan 75 Graduan Jururawat berdaftar Sijil Diploma Kejururawatan Lanjutan dari pelbagai pengkhususan serta 17 Graduan Program Diploma Perbidanan (direct entry) Pengambilan Pertama bagi sesi Pengajian 2003-2006 menerima sijil diploma dan rencana masing-masing.

YTM juga berkenan menyempurnakan Penganugerahan Khas Graduan-graduan Terbaik (Akademik) kepada Dayang Noorliza binti Abd. Hamid, Graduan Diploma Kejururawatan Kesihatan Mental sesi 2006 dan Ak. Mohd. Firdaus bin Pg. Haji Ali, Graduan Diploma Kejururawatan Pengambilan Ke-18; Graduan Terbaik (Klinikal), Hajah

Siti Aishah binti Haji Damit, Graduan Diploma Kejururawatan Kesihatan Masyarakat sesi 2006 dan Dayang Norizan Noren binti Murah, Graduan Diploma Kejururawatan Pengambilan Ke-18 dan Graduan Terbaik (Kemahiran Kepimpinan dan Organisasi), Hajah Saleha binti Basar, Graduan Diploma Kejururawatan Pembedahan ORL, Kepala dan

Leher dan Dayang Zaida binti Haji Shamsuddin, Graduan Diploma Kejururawatan Pengambilan Ke-18.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



YANG Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Konvokesyen Ke-13 MJPAPRSB sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri).

YTM berkenan mengurniakan Diploma Kejururawatan kepada seorang graduan MJPAPRSB (kanan).



Foto : Mohd. Zul-Isa Haji Duraman.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan mengurniakan hadiah kepada seorang pemenang Pertandingan Pendidikan Keselamatan Lalu Lintas Jalan Raya.

BERAKAS, Isnin, 23 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP) bersaba, lebih sejuta orang terbunuh dan 50 juta orang mengalami kecederaan dan kecacatan akibat kemalangan jalan raya setiap tahun di seluruh dunia.

Jumlah yang terbunuh sabda Yang Teramat Mulia, adalah yang paling tinggi berbanding dengan korban yang berpunca daripada sebab-sebab lain seperti penyakit kronik dan sebagainya.

Kenyataan tersebut sabda YTM menunjukkan lebih 40 peratus dari yang terbunuh itu

Kemalangan jalan raya penyebab kematian kedua tertinggi

Oleh :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

terdiri daripada golongan yang berumur di bawah 25 tahun.

Kecederaan akibat kemalangan jalan raya adalah merupakan penyebab kematian kedua tertinggi di kalangan para belia dan kanak-kanak yang berumur diantara lima hingga 25 tahun.

Dari segi kos YTM menjelaskan setiap tahun kemalangan jalan raya dianggarkan berjumlah AS\$518 bilion di mana ini melibatkan satu hingga 1.5 peratus dari 'Gross National Product' bagi negara-negara yang berpendapatan rendah dan sederhana, sementara dua peratus bagi negara-negara yang berpendapatan tinggi.

Kedua ini tegas YTM dijangka akan terus meningkat bagi tempoh tiga dekad akan datang kecuali langkah-langkah berkesan diambil oleh semua pihak.

YTM bersaba demikian semasa merasmikan sambutan 'First United Nations Global Road Safety Week' serta Pelancaran Laman Web Majlis Keselamatan Jalan Raya, Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Terdahulu dari itu YTM bersaba menerangkan bahawa sambutan minggu keselamatan jalan raya sejagat kali pertama ini adalah berdasarkan kepada Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diadakan

pada tahun 2005 iaitu ke arah 'Peningkatan Keselamatan Jalan Raya Sejagat'.

Resolusi tersebut jelas YTM telah menekankan pentingnya menumpukan perhatian kepada isu-isu mengenai keselamatan jalan raya dan seterusnya mengundangi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi sama-sama menganjurkan majlis ini.

Sebagai ahli komuniti antarabangsa Negara Brunei Darussalam, YTM menjelaskan bahawa negara ini tidak terkecuali untuk sama-sama bertanggungjawab dan memberikan sokongan bagi mencapai matlamat berkenaan dan langkah ini jelas YTM adalah kena pada waktunya di mana masyarakat antarabangsa pada masa ini sedang menghadapi masalah meningkatnya kadar kematian dan kecederaan serta kecacatan yang berpunca daripada kemalangan jalan raya.

Pada ketika ini jelas YTM, negara-negara ASEAN termasuk negara kita sedang melaksanakan pelan tindakan dan strategi keselamatan jalan raya ASEAN bagi tempoh lima tahun bermula 2005 hingga 2010.

Sementara dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) sabda YTM juga tidak ketinggalan memainkan peranannya di dalam membincangkan isu keselamatan jalan

raya sebagai satu agenda bagi menggalakkan ahli-ahlinya membentuk strategi secara menyeluruh dengan membuat pelan tindakan mengenainya.

Terdahulu dari itu keberangkatan tiba YTM ke majlis itu dijunjung oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar dan Setiausaha Tetapnya, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof selaku Pengerusi Bersama berserta Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras.

Dato Paduka dalam sembah alu-aluannya antara lain menjelaskan bahawa objektif yang ingin dicapai dalam sambutan ini antaranya ialah untuk meningkatkan lagi kesedaran tentang impak kecederaan dari kemalangan jalan raya di kalangan para pengguna jalan raya yang muda.

Tema sambutan yang julung-julung kali diadakan itu 'Road Safety Is No Accident' terangnya bukan sahaja dilihat sebagai satu penyertaan maksud mengenai sasaran yang harus dicapai untuk mencegah kemalangan jalan raya tetapi juga bertujuan bagi menyatukan tenaga dari semua pihak sektor awam, sektor swasta dan per-

tubuhan bukan kerajaan untuk sama-sama berusaha meningkatkan lagi keselamatan jalan raya.

Sambutan minggu keselamatan jalan raya itu jelasnya merupakan satu testimoni yang menandakan penglibatan semua pihak dan satu lagi wadah yang digunakan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya di negara ini untuk mempromosikan aspek-aspek keselamatan jalan raya di kalangan pengguna di negara ini.

Di majlis YTM juga telah berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah kepada pemenang pertandingan pendidikan keselamatan lalu lintas jalan raya yang dimenangi oleh Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Selepas itu YTM kemudiannya berkenan berangkat menyaksikan pameran keselamatan jalan raya yang diadakan di ruang lain di pusat berkenaan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis YTM berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya serta Ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras.



Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

YANG Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran keselamatan jalan raya yang diadakan di ruang legar Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

TINJAUAN

TEKNOLOGI transmisi gelombang Radio Brunei secara analog, kini menghadapi perubahan secara digital. Radio Brunei mengikut rancak dengan perkembangan terbarunya, yang akan dilancarkan iaitu Penyiaran Audio Digital atau Digital Audio Broadcast (DAB) tidak lama lagi.

Pemangku Ketua Rancangan-rancangan Radio, Awang Haji Bahmin bin Haji Hamdan dalam sidang akhbar bersama pihak media baru-baru ini menerangkan perkembangan terbaru ini adalah dikenali 'audience radio' di mana radio boleh didengar menerusi rangkaian sebagai menghadapi proses evolusi dan perubahan yang kian didesak oleh kemajuan persekitarannya yang mencabar dan teknologi yang semakin berkembang.

"Sebenarnya DAB adalah dalam percubaan insya-Allah jika berjalan lancar, kita akan melancarkan sebagai produk yang terbaru selepas pelancaran 'net radio'. Dengan perkembangan net radio pada tahun 2001, para penggemar radio seluruh dunia terutama sekali penuntut dan rakyat negara ini yang berada di luar negara sama ada di benua Asia, Afrika, Eropah, Amerika dan Australia akan menerima maklumat positif, di samping menghibur dan mendidik dengan sasaran yang boleh mencapai ke pelusuk dunia," tegasnya.

Sejauh ini dengan pe-

lancaran net radio, Radio Brunei tahun lalu telah menerima pelbagai peminat pendengar dalam negara dan luar negara dan organisasi pendengar di pelbagai

Radio Brunei akan masuki era Penyiaran Audio Digital

Oleh :

Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Foto : Abdullah Haji Awang Damit,
Pg. Ibni Pg. Haji Hidup

Siri Akhir

bahasa Melayu dan ¾ jam bagi bahasa Inggeris.

Menurutnya setahun berikutnya, iaitu pada tahun 1958 Radio Brunei memulakan perkhidmatan ke beberapa buah daerah di negara ini apabila alat pemancar gelombang sederhana bertenaga 20kw dipasang di Pekan Tutong dan dalam tahun itu juga Radio Brunei membuka lembaran sejarahnya dengan menyiarkan rancangan siaran luar pertama bagi Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Dengan menjangkau usianya 50 tahun hari ini, Radio Brunei tetap merencanakan secara berperancangan bagi menjana proses tahap kematangan dan kede-wasaan dalam langkah mendekati masyarakat agar mereka lebih memahami peranan dan tanggungjawab kerajaan dan negara melalui radio.

Dalam sidang akhbar itu, Pemangku Penolong Ketua Rancangan-rancangan Radio, Awang Haji Ali bin Haji Aji mengemukakan sumbangan orang ramai berbentuk fikiran dan penulisan bagi sama-sama meningkatkan mutu dan persembahan Radio Brunei.



PEMANGKU Ketua Rancangan-rancangan Radio, Awang Haji Bahmin bin Haji Hamdan dan Pemangku Penolong Ketua Rancangan-rancangan Radio, Awang Haji Ali bin Haji Aji di Sidang Akhbar baru-baru ini.

SUARA-SUARA UDARA (Sajak Sempena Sambutan Jubli Emas Radio)

*Dalam suara kabus
Meniti langkah usia*

*Bicaramu,
Dengan warna-warni bahasa
Penambat jiwa
Kini,
Kau telah dewasa
Indah dan menawan
Atas kehebatan nama mu
Radio Brunei.*

*Di sini,
Kau tiada pernah mendabik dada
Bila tanganmu terluka
Dalam genggamannya
Penuh suka duka
Dan nafas sesak
Merdu menggoda.*

*Mendengar suara-suara di udara
Tekadku,
Bahawa aku tak akan rebah
Dalam sentuhan alunanmu
Kerana tangan yang berdarah
Masih mampu menggapai impian
Demi mu,
Sanjungan tiada bermakna.*

Hasil karya:
Dk. Masqulin binti Pg. Ladun,
RTB.

tempat seluruh dunia mencapai lebih sejuta untuk mengenal Brunei.

Dengan produk terbaru DAB ini, orang ramai terutama pendengar dan penonton boleh juga bertanya nama lagu dan biodata penyanyi kesukaan mereka dan mendapat jawapan dalam masa yang pantas.

Ketua Perkhidmatan Radio Brunei juga menyentuh mengenai kematangan Radio Brunei semakin menyerlah dalam menjejaki peredaran masa dan dengan keadaan yang begitu cepat dan pantas dengan perubahan serta keinginan para pendengarnya yang bermula dari kewujudannya pada 2 Mei 1957 yang dirasmikan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (bertepatan semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri). Siaran terhad lima batu keliling dari kawasan transmitter. Siarannya terhad dua jam empat puluh lima minit setiap hari dalam bahasa Melayu dan Inggeris iaitu 1 ½ jam bagi



PG. HAJAH INTAN BINTI PG. DATU PENGHULU PG. HAJI APONG : Juruhebah kumpulan pertama dalam tahun 1957. Beliau juruhebah pertama yang mengumandangkan suara ke udara dengan perkataan 'Inilah Radio Brunei' sebagai semboyan keramat yang memulakan interaksi pihak kerajaan dan rakyat (orang ramai) melalui radio (atas).

AWANG HAJI RAMLEE BIN HAJI MOHD. SAID : Juruhebah selepas kumpulan pertama yang menghidupkan suasana Perkhidmatan Radio dalam tahun 50-an dan sepanjang perkhidmatannya. Dalam perkhidmatan di radio beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengelola Bahagian Melayu (1976 - 1982) dan Ketua Pengelola Rancangan Radio / Ketua Rancangan-rancangan Radio (1983 - 1997) (kiri).



"50 TAHUN umur Radio Brunei banyak kemajuan dan perkembangan dari semasa ke semasa telah dibuat. Sebagai warganegara dan pendengar, komen saya agar penyampai atau DJ radio di stesen-stesen radio akan mengekalkan identiti calak Brunei yang terkenal bersopan santun, awar galat kitan, kerana apa jua yang diucapkan akan ke udara, jangan terikut-ikut DJ negara luar. Tahniah kepada Radio Brunei, mudah-mudahan akan mempertingkatkan lagi mutu persembahan dan menerbitkan rancangan-rancangan yang berkualiti untuk masyarakat khususnya di negara ini."

"Rangkaian Harmoni adalah antara lima rangkaian di RTB. Rangkaian ini memang saya gemari kerana ia lebih 'niche' kepada siaran lagu-lagu berirama Melayu baru dan lama. Lagu-lagu yang dipilih adalah lagu-lagu 1980-an ke bawah hingga kini daripada pelbagai rentak," pandangan Awang Haji Rahime bin Haji Anuar.



"RANGKAIAN Pelangi berjaya dan mendapat sambutan ramai dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni untuk nasihat para remaja, melalui lagu-lagu masa kini serta mengekalkan keunggulan irama Melayu, di samping berpeluang mendengar lagu-lagu Inggeris dan antarabangsa," ujar Dayang Fadillah binti Fata (atas).



"SAYA mencadangkan agar Radio Brunei akan terus mengadakan lebih banyak jerayawara bagi mendekatkan diri dengan masyarakat, di samping menemu bual orang ramai melalui rancangan 'talk show'. Sebagai peminat tetap Rangkaian Harmoni saya juga berharap agar rancangan-rancangan yang sedia ada sekarang termasuk hiburan, sukan, drama, hal ehwal semasa, pembangunan dan agama, berita dan siaran langsung, di samping lagu-lagu kontemporari Melayu pelbagai rentak dan klasik yang tetap akan menjadi ingatan, nostalgia yang menggigit memori," kata Dayang Hajah Zainah binti Haji Takong (atas tengah).



"SAYA meminati program-program yang sedia ada di Rangkaian Pelangi dan Harmoni, termasuk berita, diperkuatkan lagi demi menyampaikan maklumat yang lebih berkesan kepada para pendengar. Kedua-dua ini sangat santai dan begitu ceria dengan lagu-lagu berirama Melayu termasuk penyanyi-penyanyi dari Brunei dan Malaysia yang secara tidak langsung akan menghibur, di samping memberi informasi yang lebih menarik, kalau boleh banyakkkan rancangan remaja seperti remaja contoh," pendapat Dayang Norhafizah binti Haji Ibrahim.

*Radio Brunei pengubat sepi,
di kala sunyi engkau lah teman,
hiburan harmoni dan pelangi
penuh sensasi,
moga kekal sepanjang zaman.*

**'Selamat Menyambut Jubli
Emas Radio Brunei'.
(gambar kanan).**



Kegagalan perniagaan punca kemuflian meningkat

JERUDONG, Rabu, 18 April. - Tiga perintah penghakiman bagi kemuflian telah dikeluarkan pada tahun 1996 dan juga pada tahun 2006 di Negara Brunei Darussalam.

Menurut statistik mahkamah perangkaan ini meningkat sebanyak 38 kali ganda seperti yang dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid di Majlis Makan Tengah Hari Bengkel dan Jaringan Kerja Pengusaha Program SME ASEAN Inc. Forum 2007 yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Dato Paduka Haji Mohd. Hamid seterusnya berkata, data-data penyebab kepada kegagalan perniagaan di Negara Brunei Darussalam adalah tidak mencukupi.

Dalam hubungan ini kementerianya begitu mengambil berat mengenai dengan perkara sedemikian dan sentiasa berusaha untuk mencari jalan dalam

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
jefferi.durahman@information.gov.bn

mengurangkan kadar kegagalan perniagaan di negara ini dan salah satu cara serta tindakan bagi mengurangkan masalah ini adalah dengan mengadakan program yang berkait rapat dalam mengenal pasti punca kegagalan berkenaan.

Beliau merujuk kajian yang telah dibuat di Amerika Syarikat yang menunjukkan bahawa punca utama kegagalan perniagaan adalah disebabkan oleh pengurusan yang tidak cekap, pengalaman perniagaan yang tidak tetap dalam bidang perniagaan yang diceburi.

"Kajian ini juga menunjukkan kecuai, penipuan dan malapetaka adalah juga punca kepada kegagalan dalam perniagaan," tambah beliau.

Menurut kajian kata beliau lagi, kira-kira 61 peratus kegagalan perniagaan adalah berpunca daripada pengurusan yang kurang

berupaya mengurus syarikat dengan membuat keputusan yang tidak tepat serta menyediakan matlamat perniagaan yang sukar untuk dicapai.

"Sementara itu kira-kira 10 peratus pula jumlah kegagalan adalah disebabkan oleh pengurusan syarikat yang tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam perniagaan yang diceburi," tambah beliau.

Menurut beliau lagi, pengalaman yang tidak seimbang juga turut menjadi punca di mana 22 peratus kegagalan perniagaan dengan pengurus syarikat gagal untuk mengendalikan fungsi penting dalam menjalankan perniagaan termasuk penjualan dan pemasaran.

Dato Paduka menjelaskan masalah kegagalan dalam perniagaan ini boleh dikurangkan melalui program khusus terutama dalam pembangunan sumber manusia.

Beliau juga menjelaskan bahawa pada masa ini program latihan yang dianjurkan oleh kementerian adalah tertumpu dalam mengatasi dua penyebab utama kepada kegagalan perniagaan ini.

Melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan, Sinaut, kementerianya sudah mengadakan kira-kira 30 program latihan bagi PKS yang ditumpukan kepada pelbagai bidang bagi memulakan dan menjalankan perusahaan berkenaan dan program latihan ini juga merangkumi latihan pengurusan perniagaan, pengurusan kualiti dan piawaian, pemasaran, kewangan, pengurusan kebarangkalian, kemahiran berbilang, asas perakaunan dan aplikasi IT dan ianya berjaya menarik penyertaan kira-kira 700 peserta setiap tahun sejak 2002.

Beliau seterusnya menjelaskan, kementerian berkenaan juga turut menyediakan program inkubator perniagaan yang pada masa ini disertai oleh 19 orang dari PKS yang bertujuan

untuk membantu mereka dalam perusahaan baru dalam bidang pertanian, akuakultur, pembuatan pakaian dan rekaian dalam dan untuk mendapatkan pengalaman dan keyakinan bagi menjalankan perusahaan mereka dengan jayanya di dalam suasana perniagaan yang kompetitif.

Di samping itu juga Dato Paduka juga menyarankan kepada PKS tempatan supaya mempunyai sikap inovasi yang tinggi untuk terus bersaing serta memberikan kelainan kepada pelanggan mereka.

"Menerusi penghasilan produk yang inovatif, PKS tempatan dapat memberikan produk baru dengan rekaian yang menarik kepada pelanggan serta perkhidmatan yang menggunakan proses produksi, pengurusan dan pemasaran yang efektif," tambah beliau.

Kerajaan, kata beliau lagi dalam hasrat untuk membantu PKS tempatan mencapai kejayaan dalam perniagaan yang diceburi



Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid ketika berucap merasmikan Bengkel dan Jaringan Kerja Pengusaha Program SME ASEAN yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club.

bukan sahaja menyediakan Program Pembangunan Sumber Manusia malah turut menyediakan pelbagai program termasuklah skim kewangan, tapak perindustrian dan pengeluaran, kemudahan penyelidikan dan pembangunan, makmal kajian dan program peningkatan kualiti dan piawaian.

Bengkel ini merupakan salah satu program anjuran Asia Inc. Forum bersama Bank Baiduri Berhad, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan Syarikat Minyak Brunei Shell yang disokong oleh Kementerian Perindustrian dan

Sumber-Sumber Utama dan Persatuan Usahawan Muda Brunei Darussalam adalah bertujuan untuk mendidik dan mengembangkan lagi para PKS di negara ini terutama bagi yang baru menceburi dunia perniagaan.

Program kali ini mengenengahkan bengkel perniagaan mengenai cara pengurusan dan mengembangkan perniagaan serta cara mengatasi masalah perniagaan menjadikan kegagalan kepada kejayaan yang disampaikan oleh Nanz Chong-Komo seorang pengusaha dari Republik Singapura.

BIBD perkenal 'fleet card'

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melangkah setapak ke hadapan dalam memperkenalkan 'fleet card' komersial iaitu sistem pengurusan 'fleet card' setelah dengan jayanya melancarkan kad inden oleh jabatan kerajaan pada Jun tahun lepas.

Sehubungan itu jerayawara bagi menandakan pelancaran kad tersebut telah diadakan hari ini yang dihadiri oleh Pengarah Urusan BIBD, Awang Haji Muhammad Syaipuddin bin Haji Abdullah dan Pengarah Urusan Pemasaran Minyak Brunei Shell, Pengiran Haji Yasmin bin Pengiran Haji Mohammad berserta tetamu-tetamu undangan dan syarikat-syarikat tempatan.

Jerayawara selama tiga hari ini adalah semata-mata bagi memperkenalkan penggunaan kad berkenaan yang diadakan di Ibu Pejabat BIBD di ibu negara dan dibukakan kepada kunjungan gabungan syarikat berdaftar di negara ini.

Dengan pelancaran kad ini secara langsung menyediakan sistem pembayaran alternatif bagi pembelian minyak yang memenuhi konsep syariah iaitu mudah dan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

cepat.

Pengenalan sistem ini adalah bagi menggantikan pembayaran baucer secara manual atau transaksi wang tunai kepada sistem 'fleet card' yang lebih mudah.

Penggunaan kad ini juga boleh digunakan bagi pembelian yang berkaitan dengan produk minyak serta berpeluang untuk menikmati kadar potongan istimewa dalam perkhidmatan kenderaan, pembelian tayar baru dan memperbetulkan susunan tayar di Sin Hup Huat Co.

Borang permohonan kad fleet boleh didapati di Pusat Perkhidmatan Kad BIBD, Tingkat Tiga, Kompleks Setia Kenangan atau mana-mana cawangan BIBD yang berdekatan dan tarikh penghantaran borang adalah pada 19 April.

Ketika ini 'fleet card' hanya dapat digunakan di 20 buah stesen minyak di keempat-empat daerah dan ia akan ditambah menjelang hujung tahun.



Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

SEORANG pegawai dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menerangkan sistem pengurusan 'fleet card'.

'Moratorium' dikuatkuasakan tahun depan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, 12 April. - Bermula 1 Januari tahun depan, Jabatan Perikanan akan melaksanakan dan menguatkuasakan 'moratorium' ke atas operasi menangkap ikan di zon 1 (antara 0 hingga 3 batu nautika dari kawasan pantai termasuk Teluk Brunei).

Ianya sebagai salah satu program pengurusan perikanan di dalam me-

nangani kepupusan atau penurunan sumber perikanan marin di Negara Brunei Darussalam. Sehubungan itu, jabatan berkenaan telah mengadakan jerayawara bagi menyampaikan penjelasan dan maklumat betul kepada orang ramai khususnya para nelayan tentang pelaksanaan 'moratorium' tersebut.

'Moratorium' dilaksa-

nakan ekoran daripada potensi perikanan telah menurun sebanyak 43 peratus terutama di kawasan zon terbabit. Perkara tersebut berdasarkan hasil kaji selidik jabatan berkenaan yang telah dijalankan sejak tahun 1982 sehingga sekarang.

Hasil daripada kaji selidik itu juga mendapati penggunaan beberapa alat menangkap ikan seperti ancau, andang, bubu, lintau, pukut, rambat, selambau dan tugu telah melebihi had maksima dari jumlah yang dikekalkan

yang boleh menampung penerokaan sumber perikanan di kawasan zon terbabit.

Jerayawara kali kedua itu diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampong Pandan telah disempurnakan oleh Pegawai Perikanan Kanan Jabatan Perikanan, Awang Haji Ajamain bin Haji Sawal dengan dihadiri 100 orang nelayan yang bersyariat, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Mereka mendengar taklimat tentang 'moratorium' ke atas operasi me-

angkap ikan di zon 1 disampaikan oleh Pegawai Perikanan Kanan, Dayang Ranimah binti Haji Abdul Wahab, manakala taklimat 'moratorium' ke atas operasi menangkap ikan di zon 1 dari segi perundangan disampaikan oleh Penolong Pegawai Perikanan, Awang Ishak bin Haji Jaruddin.

'Moratorium' bermaksud penggantungan atau penangguhan aktiviti penangkapan ikan buat sementara sehingga sumber perikanan marin kembali ke tahap berkekalan.



PEGAWAI Perikanan Kanan Jabatan Perikanan, Awang Haji Ajamain bin Haji Sawal menyempurnakan jerayawara kali kedua mengenai operasi penangkapan ikan.



BERANGKAT SEMPEN YANG DI-P

KUALA LUMPUR, Khamis, 26 April. Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Baginda Raja Isteri Pengiran Anak H. Lumpur, Malaysia bagi menghadiri Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Rais



1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13 di Majlis Santap Malam sempena Istiadat Pertabalan.
2. KEBERANGKATAN tiba baginda di Istana Negara dijunjung mesra oleh Kebawah DYMM Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13.
3. BAGINDA berkenan bergambar kenangan bersama Kebawah DYMM Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan raja-raja Melayu.

4. BAGINDA dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri selamat berangkat tiba di Kuala Lumpur.

5. BAGINDA dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang sama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur.

6. KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYT Pengiran Isteri bergambar kenangan bersama Kebawah DYMM Raja Permaisuri Agong dan kerabat-kerabat diraja yang lain.

7. BAGINDA dan YTM menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur.



Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat

KUALA LUMPUR, Jumaat, 27 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyertai rakyat Malaysia terutama yang berdekatan kawasan masjid untuk menunaikan ibadat Sembahyang Fardu Jumaat di Masjid Jamek Kampung Baru di sini.

Berangkat bersama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Malik.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berada di ibu kota Malaysia, Kuala Lumpur bagi menghadiri Majlis Santap Malam bagi meraikan Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13.



AT KE MALAYSIA A PERTABALAN TUAN AGONG KE-13

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13 dan Datin Seri; Yang Berbahagia Dato' Haji Wan Mohd. Safiain Haji Wan Hasan, Datuk Pengelola Diraja, Tengku Farok Hussin bin Abdul Jalil, Datuk Paduka Raja Lela dan Yang Berbahagia Engku Sri Dato' Sri Ibrahim bin Engku Ngah, Empuan Mohor Besar Raja-Raja serta lain pembesar kerajaan negeri dan ketuan.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, turut hadir di lapangan terbang akan dijunjung dan dialu-alukan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Tuan Terutama Dato Seri Setia Dr. Ustaz Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dato Paduka Haji Abdul Rahim, Suruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia dan Datin serta wai dan kakitangan Suruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Malaysia.

Berangkat ke Istiadat Pertabalan

KUALA LUMPUR, Khamis, 26 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat menghadiri Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Al-Mahrum Sultan Mahmud Al-Mustaafa Billah, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke-13 yang berlangsung di Istana Negara, Malaysia.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Istana Negara telah dijunjung oleh Yang Berhormat Seri Dr. Rais Yatim selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Pertabalan dan Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin Abas, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Khas Pertabalan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudiannya dijunjung oleh Khas Diraja bersama-sama tetamu-tetamu diraja yang lain telah dijunjung dan diiringi masuk ke Balai Rong Seri, Istana Negara bagi upacara Istiadat Pertabalan.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersama-sama tetamu-tetamu diraja yang lain telah dijunjung dan diiringi masuk ke Balai Rong Seri, Istana Negara bagi upacara Istiadat Pertabalan.

Mahrum Tengku Seri Setia Raja, wakil-wakil Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan isteri, Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Bariah binti Al-Mahrum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj serta Yang Teramat Mulia Tengku Besar Terengganu Sharifah Nong Al-Sogoff.

Sejurus keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di pekarangan Istana Negara.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersama-sama tetamu-tetamu diraja yang lain telah dijunjung dan diiringi masuk ke Balai Rong Seri, Istana Negara bagi upacara Istiadat Pertabalan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin diisytiharkan sebagai Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13 pada 13 Disember 2006 untuk menggantikan Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail. Baginda adalah merupakan Raja Terengganu yang ke-17.

Berangkat sama bagi mengiringi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.



8. BAGINDA, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYTM Pengiran Isteri berangkat di Majlis Santap Malam sempena Pertabalan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13 di Istana Negara.
9. KEBAWAH DYMM Raja Isteri dan Kebawah DYMM Raja Permaisuri Agong berbual mesra menuju Dewan Persantapan Istana Negara.
10. DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar bersama Permaisuri Kesultanan Melayu berangkat menuju Dewan Persantapan Istana Negara.

Foto : Masri Osman



11. DULI Yang Teramat Mulia berangkat bersama raja-raja Melayu yang lain di Istiadat Pertabalan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13 di Istana Negara.



12. DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berbual mesra bersama Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan dan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Muda Johor.
13. BERANGKAT sama di Majlis Santap Malam bagi meraikan pertabalan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, dalam bulan Rabiulawal, bulan penuh cahaya dengan kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita telah dapat berhimpun pada hari ini semata-mata untuk mengeratkan lagi silaturahmi antara pihak media dengan pegawai-pegawai perhubungan awam.

Dalam kesempatan yang relatif singkat ini, saya ingin menggariskan beberapa peringatan menyangkut peranan pihak media dan pegawai perhubungan awam sekali gus bagaimana interaksi antara keduanya perlu harmoni dan sehaluan meskipun pelaksanaan tugas masing-masing melalui laluan yang berbeza.

Kita tidak menafikan, pihak media boleh mencorak dan mewarnai pandangan masyarakat. Landasan yang sering diuar-uarkan ialah 'kebebasan akhbar' atau 'freedom of the press' yang juga sering disalahertikan sebagai lesen untuk memuat apa sahaja bahan untuk pembacaan orang ramai. Ingin saya jelaskan di sini bahawa, kebebasan akhbar bukanlah tugas media; tugas media ialah memberi maklumat yang betul, tepat dan cepat dengan sikap profesional, beretika dan bertanggungjawab.

Justeru itu, amat perlu bagi mereka yang berperanan dalam bidang media dan perhubungan awam membezakan antara pengertian tanggungjawab dengan tafsiran kebebasan. Contoh yang dapat dijadikan iktibar ialah: Ilustrasi karikatur watak Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang secara tidak bertanggungjawab telah digunakan bagi mengekspresi kebebasan bersuara.

Insiden tersebut telah menimbulkan kemarahan dan keresahan umat Islam di seluruh dunia dan provokasi yang tidak bertanggungjawab ini telah memburukkan lagi kesalahfahaman terhadap Islam yang sememangnya tidak ada justifikasi atau kemunasabahan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa menyambut perayaan ulang tahun ke-22 Hari Kebangsaan negara pada tahun lalu, telah menitikberatkan mengenai pentingnya peranan memelihara dan menani keselamatan awam dari kebebasan akhbar. Titah baginda "...apalah yang ada pada kebebasan jika ia digunakan untuk menyakiti hati serta untuk meng-haru-birukan dunia?"

Media yang tidak bertanggungjawab atau bertabiat menitikberatkan sensasi dan penjualan hanya akan melakukan kesilapan yang kemudiannya mengeliru dan mengakibatkan suasana tuding-menuding dan pergeseran dalam sebuah masyarakat.

Salah satu contoh ialah bila mana sebuah majalah membuat laporan palsu mengenai pencemaran ayat suci Al-Qur'an di sebuah tempat tahanan. Laporan ini bukan saja telah menyebabkan reaksi berantai yang panas di seluruh dunia malahan, dilaporkan kekecohannya telah mengakibatkan kematian di beberapa buah negara. Mereka dalam bidang media harus sentiasa waspada dan jangan mempermainkan sentimen orang ramai, apatah lagi dengan pemberitaan-pemberitaan yang palsu dan sensitif.

Media perlu membezakan antara kepentingan pengetahuan awam (public knowledge) dan keselamatan awam (public security). Di salah sebuah negara jiran tidak lama dulu, satu peristiwa perkauman di sebuah kawasan telah dikongkong dari liputan pihak media. Langkah ini sewajarnya adalah untuk menghalang sentimen perkauman berubah menjadi kerusuhan dan seterusnya merebak ke kawasan-kawasan lain di negara berkenaan.

Dalam hubungan ini konteks keselamatan awam adalah isu prioritas

MEDIA BERTANGGUNGJAWAB BANTU KERAJAAN KEKALKAN KETENTERAMAN

dan lebih penting berbanding dengan keperluan media untuk memberi pengetahuan kepada pihak awam. Pihak media perlu menerima hakikat ini kerana kegagalan mereka dapat dilihat sebagai perbuatan memercik minyak kepada api yang sedang menyala dalam lain perkataan pihak media jangan main api.

Menyentuh tentang sikap profesionalisme, pihak media sudah selayaknya bertanggungjawab menyediakan maklumat dari pihak-pihak yang berkenaan supaya laporan yang termuat adalah adil dan tidak berbentuk sebelah pihak sahaja.

Pada waktu yang sama, mereka perlu menerima dan perlu menghormati keputusan pihak kerajaan untuk tidak mengemukakan maklumat yang dikategorikan sensitif yang boleh memberi kesan negatif kepada keharmonian rakyat dan penduduk negara ini. Tidak ambil pusing terhadap tata amalan atau garis panduan yang ditentukan pihak kerajaan boleh ditafsir sebagai

provokasi malah dalam konteks tertentu perbuatan itu menjurus kepada aktiviti subversif.

Media yang mengamalkan sikap bertanggungjawab dan sentiasa berperanan objektif boleh menjadi 'sosial engineer' dan ejen perubahan yang efektif. Peranan sedemikian adalah perlu dimanfaatkan kerana selain menyebarkan maklumat dan pengetahuan, media berkenaan juga boleh menggalak partisipasi warga masyarakat setempat. Ke arah ini, adalah penting bagi media tempatan untuk lebih berpengetahuan, kreatif dan berdaya maju. Laporan-laporan mereka hendaklah dipastikan tidak hambar, tidak monotonous dan penulisannya juga bermutu tinggi. Bahan-bahan berita juga haruslah dihindangkan dalam bentuk yang sesuai dengan kehendak penonton, pendengar dan pembaca serta mengambil kira kesahihan sumber maklumat yang diperolehi.

Di negara ini, media mengemban tugas dan tanggungjawab untuk membantu kerajaan dalam usaha

mengekalkan ketenteraman dan perpaduan masyarakat, di samping mengukuhkan lagi institusi masyarakat yang pemedulian. Sebagai negara yang membangun, kita memerlukan laporan yang lebih objektif dan berkualiti supaya imej negara yang baik akan dapat ditonjolkan. Secara tidak langsung pula pihak media tempatan adalah bertindak sebagai 'duta' negara kepada masyarakat antarabangsa melalui rangkaian kerja mereka dengan agensi-agensi berita di luar negeri.

Dalam hubungan itu, mereka hendaklah meneroka ruang-ruang pembaikan untuk menghasilkan laporan dan maklumat yang bermutu tinggi. Mereka juga perlu mengetahui undang-undang dan tata amalan yang menjadi landasan perkhidmatan mereka seperti akta-akta hasutan dan penerbitan-penerbitan yang tidak diingini.

Secara umum pegawai-pegawai perhubungan awam pula, adalah berperanan sebagai orang dalam organisasi. Mereka perlu mengetahui perihal organi-

sasi dan berkebolehan merancang dan melaksana saluran maklumat secara berkesan mengenai organisasi masing-masing kepada orang ramai. Terdapat kes di mana dasar dan program pembangunan kerajaan hanya diketahui secara samar-samar sahaja oleh warga masyarakat dan hal sedemikian jelas menunjukkan bahawa hubungan awam tidak berfungsi bagaimana selayaknya.

Sebagai pegawai yang dimandatkan untuk memberikan maklumat dan penerangan kepada orang ramai, pegawai perhubungan awam mestilah bersikap proaktif dalam mencetuskan bahan-bahan yang boleh dijadikan berita media. Tujuan kita bukanlah untuk semata-mata mencanang atau 'glamourise' dasar dan program kerajaan tetapi untuk memastikan bahawa masyarakat memahami kemungkinan adanya cabaran-cabaran dan hambatan-hambatan dalam pelaksanaan dasar dan program berkenaan.

Kefahaman sedemikian akan dapat mengekalkan

kekeliruan dan keresahan masyarakat dan seterusnya itu adalah sumbangan bagi usaha mengekalkan keharmonian negara. Dalam hubungan ini peranan pegawai perhubungan awam itu tidak hanya terhad kepada pihak media malah mereka juga berperanan sebagai mekanisme penghubung antara masyarakat dengan kerajaan.

Seterusnya, bagi melicinkan lagi proses pemberian ini pegawai perhubungan awam perlu mengadakan aktiviti-aktiviti bersama pihak media seperti lawatan media ke organisasi masing-masing. Bahan-bahan berita tidak semestinya meliputi kepada acara-acara organisasi semata-mata atau ditumpukan kepada eksais hubungan awam sahaja.

Mana-mana produk organisasi terutamanya

Kedua-dua sektor saling memerlukan antara satu sama lain dan seharusnya membina perkongsian yang bijak dan konstruktif. Perkongsian ini mungkin akan dapat diinstitusikan melalui penubuhan Kelab Akhbar seperti yang terdapat di beberapa buah negara lainnya.

Sebagaimana juga dengan pihak media, pegawai-pegawai perhubungan awam juga perlu sentiasa meningkatkan kapasiti serta amalan berfikir dengan matang, tajam dan jauh ke hadapan. Mereka perlu menggunakan teknologi sebagai pemudah cara dalam berhubung dengan pelanggan dan masyarakat. Tahap profesionalisme penting sekali dipertingkatkan supaya integriti mereka tidak dipertikai dan kesahihan produk kerja tidak diragui pelanggan. Mereka adalah pemelihara imej organisasi masing-masing dan jika imej ini tidak dikendalikan dengan baik dan sempurna maka dengan sendirinya imej kerajaan juga akan terjejas.

Sebagai kesimpulan, pihak media dan perhubungan awam sama-sama berperanan menyatukan masyarakat mendukung pembangunan negara. Dalam melaksanakan peranan tersebut keduanya mestilah penuh bertanggungjawab dalam menghidangkan maklumat yang bermanfaat kepada orang ramai dan kerajaan. Kata kunci dalam pelaksanaan peranan ini ialah maklumat dalam erti kata maklumat yang tepat, cepat dan objektif akan menimbulkan kefahaman, kefahaman boleh menggalakkan sokongan masyarakat, sementara sokongan masyarakat pula akan meningkatkan perpaduan dan ketenteraman.

(Information creates understanding, understanding generates support and support promotes unity).

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu-'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



UCAPAN Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki bin Haji Ismail, di Majlis Ramah Mesra Bersama Media di Dewan Indera Kayangan Empire Hotel and Country Club, Jerudong, pada hari Rabu, 16 Rabiulawal 1428 / 4 April 2007.



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah menyampaikan sijil kepada seorang peserta Perkhemahan Belia.

Majlis penghargaan ahli KRLL

LUMUT, Jumaat, 13 April. - Kira-kira 200 orang menghadiri Majlis Penutup Rasmi Perkhemahan Belia yang diadakan baru-baru ini dan penghargaan kepada Ahli-ahli Sukarelawan Kelab Rekreasi Liang Lumut (KRLL).

Hadir selaku tetamu kehormat Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah yang juga selaku Penasihat Jawatankuasa Eksekutif kelab tersebut telah menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta belia yang menyertai perkhemahan tersebut.

Presiden kelab, Haji Matsatejo Sokiah dalam ucapan alu-aluannya menyatakan beberapa kemudahan baru telah disediakan seperti sebuah padang bola sepak, gelanggang bola tampar dan bola sepak pantai serta pengubahsuaian bilik orang kenamaan.

Juga dalam proses pembinaan gelanggang permainan futsal, bola keranjang, bola jaring, restoran dan kedai. Semua itu tamahnya bertujuan untuk menjadikan kelab tersebut sebagai pusat kemudahan sukan dan rekreasi tepi pantai yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai.

Menurutnya lagi bagi mempromosikan kegiatan dan kemudahan di kelab itu, satu 'newsletter' kelab juga diterbitkan untuk kegunaan dan pengetahuan orang ramai. Selain itu satu pelan tindakan jangka pendek dan panjang sedang dirangka bagi

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

menubuhkan pasukan olahraga, kelab muzik, tarian dan soka-relawan yang terdiri dari belia-belia di mukim itu bagi sama-sama menggerakkan pelbagai kegiatan di kelab tersebut.

Kelab tersebut telah dibina oleh Brunei LNG sebagai sumbangan pelaburan sosial syarikat berkenaan untuk penduduk Mukim Liang dan telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada 12 Julai 2004.

Kelab tersebut mempunyai dewan serbaguna yang boleh menampung kira-kira 700 orang, sebuah kolam renang, kawasan permainan kanak-kanak, bilik mesyuarat, bilik ibadat dan 12 buah pondok rehat. Kelab berkenaan sering digunakan oleh agensi kerajaan dan swasta, sekolah serta penduduk mukim dan kampung bagi kegiatan sukan, rekreasi dan majlis-majlis rasmi.

Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, menyampaikan sijil kepada peserta Perkhemahan Belia.

PENDIDIKAN

PELAJAR CEMERLANG TERIMA HADIAH

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

LUMUT, Khamis, 19 April. - Pengarah Peperiksaan Kementerian Pendidikan menyatakan banyak faktor yang menyumbang dalam peningkatan pencapaian sesebuah sekolah antaranya tumpuan para pelajar untuk memahami perkara yang diajar semasa proses pembelajaran di bilik darjah.

Dalam hal tersebut penguasaan bahasa sangat penting bagi kemahiran membaca dan berfikir. Pengarah Peperiksaan Kementerian Pendidikan, Dayangku Hajah Mastoli binti Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail menyatakan demikian di Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang Tahun 2006 bagi sekolah-sekolah Mukim Liang yang diadakan di Kelab Rekreasi Liang Lumut.

Sehubungan itu katanya sejak tahun lalu Kementerian Pendidikan telah melancarkan pendekatan budaya membaca bagi menggalakkan para pelajar supaya gemar membaca dan hampir semua sekolah telah mengadakan aktiviti membaca buku cerita sebelum waktu mengajar dan memastikan pelajar-pelajar berjaya membaca mengikut sasaran.

"Guru-guru khususnya perlulah mewujudkan suasana belajar yang ceria, aktif, riang dan berinteraksi di mana pelajar-pelajar akan belajar dalam suasana yang mengembirakan dan tidak membosankan mereka serta dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang terdidik dan berdisiplin," katanya.

Di samping itu tambahnya ibu bapa sama-sama mengambil peranan penting ke arah kejayaan projek-projek Kementerian Pendidikan kerana perancangan yang teliti tidak mencukupi tanpa dedikasi dan komitmen sepenuhnya serta penglibatan yang aktif dari pihak pentadbiran sekolah, pengetua, guru-guru besar, guru-guru dan ibu bapa.

Menyentuh mengenai pencapaian murid-murid dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun lalu bagi sekolah-sekolah di Mukim Liang, beliau menyatakan ketiga-tiga buah sekolah telah mencapai di antara 96.2 peratus dan 100 peratus lulus yang menunjukkan peningkatan peratus lulus daripada tahun sebelumnya lebih-lebih lagi Sekolah Rendah Sungai Tali telah mencapai 100 peratus lulus.



TETAMU kehormat bergambar ramai bersama pelajar-pelajar yang menerima hadiah pada hari tersebut.

Ketiga-tiga buah sekolah tersebut katanya telah berjaya menghasilkan murid-murid yang mendapat gred A dalam lima mata pelajaran, manakala Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah juga menunjukkan peningkatan peratus lulus di antara 0.44 peratus hingga 3.69 peratus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, di samping mata pelajaran Perancis dan Kraf Tangan 100 peratus lulus.

Beliau juga menyentuh mengenai kemajuan globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat (IT) yang semakin hebat dan

mempengaruhi hal-hal kehidupan sehari-hari pada masa ini.

Bagi melengkapkan diri dalam proses kemajuan dan perkembangan itu beliau menggesa guru-guru dan pelajar-pelajar agar melibatkan diri dan mengikutinya dengan demikian mereka akan mempunyai maklumat yang diperlukan dan mereka tidak akan ketinggalan dengan arus globalisasi dan perkembangan IT.

Majlis tersebut merupakan projek tahunan anjuran Brunei LNG dikelolakan oleh Sekolah Rendah Sungai Liang dan Sekolah Ugama Sungai Liang bertujuan untuk meningkatkan

kualiti pembelajaran dan memberi galakan kepada pelajar agar belajar dengan lebih gigih dan memperoleh keputusan yang cemerlang.

Seramai 51 orang pelajar dari sekolah rendah, menengah dan sekolah agama di Mukim Liang telah menerima sijil kepujian Brunei LNG. Mereka terdiri daripada pelajar yang mencapai 90 peratus ke atas di akhir tahun persekolahan dan memperoleh lima A dalam peperiksaan awam PSR, lapan A dalam PMB, BGCE 'O' lapan dan mendapat kepujian satu atau dua dalam mata pelajaran

Matematik, Bahasa Inggeris atau Sains serta Sijil Sekolah Rendah Ugama Darjah Enam dengan mendapat pangkat satu dan mendapat kepujian satu dalam mata pelajaran Al-Qur'an.

Tetamu kehormat telah menyampaikan hadiah kepada pelajar cemerlang bagi peperiksaan awam, PSR, PMB dan Peringkat 'O' serta dua orang pelajar dari Sekolah Rendah Sungai Liang, Dayang Madihah binti Haji Mohd. Naim dan Dayang Amirah Zamain dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Pelajar Cemerlang Kokurikulum 2006.

Sementara itu Pemangku Pengarah Urusan Brunei LNG, Haji Matsatejo So-kiaw menyampaikan hadiah kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah agama Darjah Satu hingga Lima.

Majlis diserikan dengan persembahan tarian oleh murid-murid Sekolah Rendah Lumut dan Sekolah Chung Lian. Tetamu kehormat seterusnya menyaksikan pameran daripada sekolah-sekolah kerajaan dan bukan kerajaan di Mukim Liang. Juga turut menyertai pameran tersebut ialah daripada jabatan kerajaan, masjid dan kampung di mukim itu.

NMO 2007 memajukan keupayaan intelek dalam matematik

Oleh : Maslina Awang Kurus

JALAN MUARA, Selasa, 17 April. - Objektif Pertandingan Matematik Olympiad Kebangsaan (NMO) 2007 adalah untuk membina bakat dan minat pelajar-pelajar dalam matematik selain meningkatkan motivasi pelajar-pelajar sekolah menengah dalam memajukan keupayaan intelek dan kemahiran-kemahiran mereka dalam pendidikan matematik.

Ia juga menjadi wadah kepada pelajar-pelajar menengah untuk belajar dan mengaplikasikan matematik dalam persekitaran yang mencabar dan bermakna.

Negara Brunei Darussalam mengadakan Pertandingan NMO 2007 Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 dikendalikan oleh Pusat Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Pusat Perkongsian (Pusat STEP) Kementerian Pendidikan, dengan kerjasama Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. dan Jabatan Matematik, Fakulti Sains Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Tumpuan pertandingan tersebut diberikan keutamaan kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam Bawah dan berusia tidak melebihi 17 tahun pada 1 Januari 2007.

Pertandingan akademik ini diharapkan dapat meningkatkan minat dan pengetahuan pelajar-pelajar




Foto : Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidayat.

TEKUN ... Para peserta berhati-hati menjawab soalan di Pertandingan Matematik Olympiad Kebangsaan (NMO) 2007.

dalam mengaplikasikan matematik selain pertandingan tahunan ExploMaths yang hanya disediakan untuk pelajar rendah dan menengah sejak beberapa tahun lepas.

NMO hanya diadakan satu pusingan tetapi penuntut dikehendaki menduduki dua kertas ujian, ujian bagi jawapan pendek dan ujian keupayaan bertulis yang dikendalikan dua hari berturut-turut (17 dan 18 April).

Kedua-dua kertas peperiksaan tersebut diselenggarakan oleh Pensyarah Matematik, Jabatan Matematik Fakulti Sains UBD, Dr. Awang Saiful Azmi bin Haji Awang Husain yang juga selaku Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD.

Seramai 35 peserta dari sekolah-sekolah Tingkatan Enam seluruh negara menyertai NMO akan menduduki kedua-dua kertas ujian di Dewan Serbaguna, Asrama Puteri Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, di sini.

SSSO 2007 pupuk bakat dan minat

Oleh : Maslina Awang Kurus

JALAN MUARA, Sabtu, 21 April. - Pertandingan Sains Olympiad Sekolah Menengah (SSSO) 2007 antara lain bertujuan untuk memperbaiki keupayaan, membangunkan bakat dan minat serta memotivasi para pelajar dalam mengembangkan keupayaan intelek mereka dan kemahiran-kemahiran dalam sains.

Ke arah itu Pertandingan Sains Olympiad 2007 Peringkat Kebangsaan Kali Ke-2 kelolaan

Pusat Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Pusat Perkongsian (STEP) Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. dan Jabatan Matematik, Fakulti Sains UBD berlangsung di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), di sini.

Pusingan awal pertandingan ini diadakan di MSPSBS, Daerah Brunei dan Muara dan Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait pada hari

Selasa 13 Mac lepas.

Pertandingan diadakan dua peringkat iaitu pusingan awal dan pusingan akhir.

Seramai 143 penuntut dari 38 buah sekolah kerajaan dan bukan kerajaan seluruh negara menyertai pusingan awal di mana 25 penuntut telah dipilih menduduki pusingan akhir pertandingan itu.

Pusingan akhir menyedikan dua kertas berbeza iaitu kertas teori yang diadakan 21 April dan kertas percubaan yang akan diadakan pada 26 April.



Foto : Harnie Sullana Haji Othman.

TUNJUK MINAT ... Sebahagian penuntut yang menyertai Pertandingan Sains Olympiad Sekolah Menengah (SSSO).

AGAMA



Foto : Abdullah Haji Awang Damit

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kelolaan Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Jabatan Penjara juara Dikir Syarafil Anam

Oleh :
Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Jumaat, 13 April. - Jabatan Penjara tahun ini menjuarai Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawah dengan mengalahkan sembilan jabatan yang lain.

Pertandingan yang disertai oleh sepuluh buah pasukan dari jabatan-jabatan di bawah KHEDN diadakan sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu dikendalikan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Menduduki tempat kedua ialah pasukan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Buruh.

Pertandingan yang berlangsung di Dewan Serba-



Foto : Mohd. Zul-Isi Haji Duraman

MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menjadi tetamu kehormat pada Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

guna Jabatan Bomba dan Penyelamat itu dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan yang juga berkesudian menyem-

purnakan penyampaian hadiah.

Juga hadir di majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato

Paduka Haji Awang Dani dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari kementerian berkenaan.

Atur cara majlis juga diserikan dengan persembahan Asyraqal oleh para peserta.

Amalkan berselawat ke atas Nabi



PERSEMBAHAN Dikir Marhaban yang terdiri dari kumpulan dikir pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan memeriahkan lagi sambutan.

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn
Foto : Ak. Amirul Nizam Pg. Haji Mohd. Ali.

BERAKAS, Sabtu, 7 April. - Jabatan Penerangan menyemarakkan kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan Majlis Sambutan Maulud Rasul berlangsung di dewan jabatan berkenaan di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni.

Atur cara majlis diisikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanul Bolkiah, Ustaz Haji Anwari bin Haji Rawi yang antara lain mengingatkan kepada kita supaya jangan lupa memperbanyakkan membaca selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana beliau seorang Nabi yang membawa rahmat kepada umat manusia dan alam seagat ini.

Majlis juga diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban beramai-ramai yang dipimpin oleh Kumpulan Dikir Jabatan Penerangan.

Selain bertujuan memperingati peristiwa bersejarah kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sambutan itu juga dihasratkan dapat mengeratkan tali silaturahmi di kalangan warga jabatan berkenaan.

Kementerian Pembangunan raikan sambutan Maulud Nabi

Oleh : Maslina Awang Kurus

JALAN KEBANGSAAN, Khamis, 12 April. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Maulud Rasul kelolaan Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya berlangsung di Dewan Bertabur, bangunan kementerian tersebut, di sini.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussien.

Sambutan Maulud Rasul tersebut diisikan dengan ceramah khas bertajuk 'Memperkasakan Iltizam Kehidupan Beragama' disampaikan oleh penceramah unda-

ngan, Penyelaras Ijazah Lanjutan, Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Zainuddin bin Haji Jaffar.

Dalam ceramahnya beliau antara lain menjelaskan bahawa kerja harian yang boleh menjadi ibadah hendaklah selaras dengan kehendak syarak dengan niat yang sah dan murni.

Tambahnya kerja itu haruslah ditunaikan dengan cemerlang, dijaga had dan batasan menurut hukum Allah serta memastikan dari terabainya tanggungjawab agama terutama solat.



Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah

MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya hadir di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Jadikan perjuangan Rasulullah sebagai teladan

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn

Dato Paduka Haji Abdul Wahab bin Junced.

TUNGKU, Jumaat, 13 April. - Penghayatan ke atas perjalanan hidup, perjuangan, pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah bukti untuk dijadikan sebaik-baik teladan serta ikutan para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam (PA) dalam menanganikan bukan sahaja isu-isu PA bahkan semua aspek kehidupan.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Dato Paduka Haji Wahid bin Haji Salleh menegaskan perkara itu ketika berucap di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Jabatan Perdana Menteri dan

jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini.

Beliau yang juga selaku Pengerusi majlis seterusnya berharap supaya perhimpuan itu akan dapat meningkatkan lagi perpaduan dan menambahkan lagi iltizam pegawai dan kakitangan PA dalam menjalani kehidupan beragama.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya dan Pengerusi Suruhanjaya SPA,

Majlis sambutan yang diselenggarakan oleh Pejabat SPA dengan kerjasama UBD itu bertujuan untuk memanfaatkan kepakaran UBD dalam bidang pengajian agama Islam terutama dalam hal dan ciri-ciri kepimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam mentadbir negara dan memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Ceramah khas bertajuk 'Memperkasakan Iltizam Kehidupan Beragama Dalam Perkhidmatan Awam' telah disampaikan oleh Dekan Jabatan Pengajian Islam, Institut Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Profesor Madya Dr. Haji Mohd. Som Sujimon.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni menyampaikan cenderamata kepada penceramah undangan, Ustaz Haji Anwari.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika meninjau prasarana-prasarana di Mukim Sengkurong.

Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Buah fikiran konstruktif dan positif dialu-alukan

SENGKURONG, Sabtu, 14 April. - Untuk melihat lebih dekat dan jelas lagi perkembangan-perkembangan dan kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan dari segi infrastruktur, prasarana-prasarana di Mukim Sengkurong satu lawatan kerja telah dibuat oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ke mukim tersebut.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan mula-mula mengunjungi rumah kediaman Awang Haji Untong bin Haji Abdul Rahman, Penghulu Mukim Sengkurong, rumah kediaman Awang Haji Musa bin Haji Tahir, Ketua Kampong Sengkurong 'B'; Awang Haji Seruddin bin Haji Nasir, Ketua Kampong Sengkurong 'A' dan Awang Haji Rais bin Haji Ishak, Ketua Kampong Jerudong.

Di sini Yang Berhormat telah mengadakan sesi dialog dengan ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampong (MPMK) dan mendengar permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak buah kampung dan mengalu-alukan apa jua pandangan dan buah fikiran dari masyarakat kampung yang konstruktif dan positif sebagai usaha berterusan dalam mengukuhkan lagi keberkesanan MPMK supaya bergerak aktif dalam memantapkan lagi pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Selain membuat kunjungan ke rumah-rumah para penghulu dan ketua-ketua kampung, Yang Berhormat seterusnya berkesempatan membuat tin-

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durhaman
jefferi.durhaman@information.gov.bn

jaun ke beberapa buah tempat di mukim tersebut iaitu Pasar Daging Sengkurong dan Dewan Kemasyarakatan bagi meninjau kemudahan-kemudahan yang disediakan di kawasan tersebut, di samping melawat ke kediaman orang yang kurang berkemampuan iaitu Awang Hassan bin Mahal@ Jamaluddin di Kampong Jerudong.

Antara lain tujuan lawatan kerja dibuat ialah untuk melihat secara dekat lagi perkembangan dan kemudahan-kemudahan yang ada di kampung tersebut, selain untuk bertukar-tukar fikiran, pandangan dan idea serta mengadakan perjumpaan, berinteraksi dan mendapatkan maklumat dari penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli MPMK.

Selain itu ianya untuk mendengar apa jua permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat setempat dalam usaha bersama-sama menggerakkan dan mengembangkannya kampung-kampung di mukim ini.

Perjumpaan ini juga bertujuan mengeratkan tali silaturahim, kerjasama dan jalinan persefahaman dengan Ahli-ahli MPMK meninjau dan mengetahui kegiatan-kegiatan yang diupayakan oleh MPMK sama ada berbentuk perekonomian, kemasyarakatan, keagamaan dan kesukanan bagi faedah, kemanfaatan dan kesejahteraan penduduk penduduk mukim dan kampung.

Mukim Sengkurong

mempunyai keluasan 75.9799 kilometer persegi dan kampung-kampung yang terdapat di Mukim Sengkurong ini ialah Kampong Jerudong, Kampong Sengkurong 'A', Kampong Sengkurong 'B', Kampong Lugu/Katimahar, Kampong Mulaut, Kampong Kulapis dan Kampong Tanjong Nangka.

Mukim Sengkurong mempunyai keramaian penduduknya sejumlah 19,766 orang. Antara kemudahan-kemudahan asas yang terdapat di mukim ini ialah jalan raya, bekalan air, bekalan api elektrik, talian telefon, pembuangan sampah dan perkhidmatan bas.



PEMANGKU Pegawai Kemajuan Perumahan Kanan Cawangan Temburong, Awang Gani bin Haji Ibrahim ketika diwawancara sempena Hari Pelanggan jabatan tersebut (atas).

ORANG ramai yang menyaksikan pameran sempena Hari Pelanggan Jabatan Kemajuan Perumahan Daerah Temburong yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kampong Rataie (kanan).

Pasar baru KB siap Oktober ini

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Hj. Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Khamis, 12 April. - Sebuah pasar baru akan dibina di Jalan Sungai, Kuala Belait di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-8.

Sehubungan itu Majlis Perletakan Batu Asas bagi projek tersebut berlangsung di tapak pembinaan pasar baru bekas Bengkel JKR disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan.

Kerja-kerja pembinaan projek bernilai \$4.1 juta itu bermula 21 Oktober tahun lalu dan dijangka siap pada 20 Oktober tahun ini. Dengan tapak seluas tiga ekar, pasar baru itu nanti akan mempunyai kemudahan letak kereta, tempat pemunggalan, tempat penyejukan, tandas awam dan 45 buah bangku penjualan sayur, sembilan buah bangku kuih, 13 buah bangku daging dan 17 buah bangku ikan serta lapan buah bangku ayam ditempatkan di aras bawah, manakala aras atas pula menempatkan ruang pejabat, bilik ibadat, tempat berhudud, tempat menunggu dan tandas.

Di majlis tersebut Yang Berhormat menyaksikan pameran dan mendengar penerangan mengenai kerja-kerja pembinaan projek yang disampaikan oleh wakil dari Abd. Ghani Arkitek dan seterusnya diikuti dengan penanaman po-

kok di kawasan projek.

Turut hadir di majlis tersebut Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Yang Berhormat juga berkesempatan membuat lawatan kerja ke beberapa projek di bawah Jabatan Bandar Kuala Belait dan Seria antaranya Gerai Tudung Saji yang pada ketika ini kerja-kerja penambahbaikan sedang dilaksanakan seperti pemasangan jubin dan kanopi bagi menaikkan taraf gerai tersebut dan juga melawat ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan serta Jabatan Buruh Cawangan Kuala Belait.

Semasa lawatan itu Yang Berhormat mem-



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan memulakan perletakan batu asas bagi projek pasar baru Kuala Belait.

berikan pandangan dan cadangan mengenai ke-berkesanan dan prosedur-prosedur kerja dalam

memberikan perkhidmatan bermutu dan terbaik kepada para pelanggan dan orang awam.



YANG Berhormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mendengar luahan salah seorang peniaga di Gerai Tudung Saji.

50 buah rumah akan dibina di bawah RPN Kg. Rataie

TEMBURONG, Sabtu, 14 April. - Jabatan Kemajuan Perumahan dijangka akan membina sebanyak 50 buah rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) di Kampong Rataie pada tahun 2007/2008.

Rancangan yang kini dalam proses penelitian tawaran dijangka akan menawarkan tiga jenis perumahan dua tingkat seperti 'Rataie Deluxe' yang berharga kira-kira \$75,000.00, 'Rataie Standard' berharga

\$52,000.00 dan 'Rataie Basic' senilai \$62,000.00.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pegawai Kemajuan Perumahan Kanan Cawangan Temburong, Awang Gani bin Haji Ibrahim dalam satu wawancara semasa Hari Pelanggan Jabatan Kemajuan Perumahan Cawangan Daerah Temburong yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampong Rataie di sini.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim

Hari Pelanggan yang diadakan selama sehari itu merupakan susulan dari Hari Pelanggan Jabatan Kemajuan Perumahan di Ibu Pejabat Lapangan Terbang Lama Berakas yang telah diadakan pada 5 Mac lalu.

Hari Pelanggan tersebut dibukakan bagi kunjungan semua penduduk di daerah ini untuk mengetahui apa peranan jabatan berkenaan.

Hari Pelanggan ini juga antara lain bertujuan untuk memasarkan perkhidmatan dan produk utama Jabatan Kemajuan Perumahan, memberikan pendedahan kepada orang ramai mengenai proses-proses pemberian perkhidmatan, di samping memberi peluang kepada orang ramai melihat perkhidmatan dan produk jabatan ini.

Selain itu jerayawara ini juga bertujuan untuk membantu pegawai dan kakitangan yang berurusan dengan orang ramai agar memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta memupuk budaya kerja yang mesra pelanggan di semua peringkat pegawai dan kakitangan dalam berurusan dengan orang ramai.

Rancangan Perumahan Negara Kampong Rataie merupakan satu-satunya kawasan perumahan di Daerah Temburong dan sehingga kini sebanyak 195 buah rumah telah didiami oleh pemohon dengan menawarkan sebanyak lima buah jenis rumah, sementara sebanyak 32 buah rumah telah dibina di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ).



SUKAN



KETUA Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Mahali bin Haji Momin menyertai acara walkaton sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Kadet Polis.

Walkaton sempena ulang tahun penubuhan Kadet Polis

Oleh :
Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

GADONG, Ahad, 22 April. - Kira-kira 200 orang Ahli Pasukan Kadet Polis dari sekolah-sekolah seluruh negara telah menyertai

acara walkaton sempena ulang tahun penubuhan Pasukan Kadet Polis yang ke-30 yang berlangsung di Pusat Latihan Polis di sini.

Walkaton itu disertai oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Mahali bin Haji Momin selaku tetamu kehormat dan Timbalan Pengarah Gerakan, Pemangku Penolong Pesuruhjaya Polis Pengiran Haji

Asli bin Pengiran Haji Ismail.

Acara bermula dengan memanaskan badan dengan senamrobik yang diketuai oleh Koperal Mohd. Khairul dan seterusnya diikuti dengan acara walkaton sejauh 6.5 kilometer.

Rumah Jong Batu juara sukan tahunan SM SMJA

Oleh :
Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 19 April. - Leong Kwok Jie dan Dayang Nurul Sima Inhut dipilih sebagai Olahragawan dan Olahragawati Terbaik 2007 di akhir Sukan Tahunan Antara Rumah-rumah Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA), manakala Rumah Jong Batu menjadi juara keseluruhan dengan mengutip 16 pingat emas, 18 perak dan 11 gangsa.

Leong Kwok Jie dari pasukan lelaki 'B' mewakili Rumah Berambang dan Nurul Sima Inhut dari pasukan perempuan 'B' dari Rumah Jong Batu.

Rumah Jong Batu juga memenangi pasukan lelaki dan perempuan terbaik dengan mengenepikan Rumah Berambang, Lumut Lunting dan Pulau Chermin.

Sukan Tahunan SM SMJA Ke-27 yang berlangsung di Balapan dan Pa-

dang, Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanah Bolkiah, dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni.

Ketika berucap beliau antara lain mengingatkan para pelajar supaya memanfaatkan kemudahan yang ada semaksimal mungkin untuk mencapai kejayaan yang diidam-idamkan, baik dalam bidang akademik mahupun bidang ko-kurikulum.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan jelasnya, telah menyediakan prasarana pendidikan yang terbaik di sekolah-sekolah maka terpujilah kepada para pelajar untuk memanfaatkan kemudahan yang ada dengan sebaiknya.

Tambahnya, penglibatan mereka dalam bidang ko-kurikulum sangat membantu para pelajar mengembangkan sahsiah diri dalam aspek pergaulan sosial yang sehat selain pengembangan bakat dan kemahiran yang diminati sebagai persediaan masa depan yang berinovatif.

Sementara itu dalam



JUARA ... Pasukan Rumah Jong Batu meraikan kejayaan selepas mengutip 16 pingat emas, 18 perak dan 11 gangsa.

temu bual PELITA BRUNEI bersama Pegawai Kegiatan Ko-Kurikulum (CCA) dari SM SMJA, Awang Jaya bin Haji Butir menjelaskan, tahap CCA di sekolah itu mencapai peringkat yang baik berbanding dari tahun-tahun sebelumnya.

Katanya, dua orang

pelajar dari sekolah itu telah mewakili negara dalam sukan renang dan pada sukan tahunan kali ini beberapa pelajar dalam acara trek menunjukkan peningkatan dan boleh diserapkan sebagai pelapis bagi sukan tersebut.

Bagi perkembangan dan kemajuan CCA di sekolah

itu katanya, Sukan Kendo juga telah diperkenalkan dan setakat ini berjaya menarik minat para pelajar menengah atas.

Di samping itu tambahan, sukan tenis juga diperkenalkan dan diadakan setiap hari Rabu dengan bimbingan jurulatih Persatuan Tenis Kebangsaan meng-

gunakan gelanggang tenis Stadium Negara Hassanah Bolkiah.

Sukan tahunan ke-27 yang mempertandingkan 12 acara sukan itu dibahagikan kepada acara balapan dan padang disertai oleh pelajar lelaki dan perempuan 'A', 'B' dan 'C'.



TETAMU kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni ketika mengalungkan pingat kepada seorang pemenang.

Atlet Projek Brunei Gold berazam mencipta kejayaan

Oleh :
Haji Ahat Haji Ismail

ahat.ismail@information.gov.bn

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

ATLET-ATLET yang terpilih menyertai Projek Brunei Gold berazam untuk meningkatkan pencapaian prestasi masing-masing pada penyertaan-penyertaan di temasya sukan serantau dan antarabangsa.

Mereka menyatakan, penyertaan diprojek tersebut memberikan peluang terbaik untuk meningkat-

kan prestasi melalui corak latihan dari jurulatih, pakar melalui kaedah sains sukan sepenuh masa secara berterusan dan saintifik di dalam dan luar negeri.

"Saya pasti, dengan pendekatan latihan yang terarah dalam projek ini serta pendedahan-pendedahan latihan dan penyertaan kejohanan di luar negeri, kami pencapaian

kami pasti akan membuahkan hasil yang membanggakan," ujar atlet Boling Padang, Haji Naim Ibrahim.

Pandangan yang sama juga diungkapkan oleh atlet Karatedo, Fazil Rewandie Mohd. Faizal, yang menyatakan penyertaan dalam projek tersebut memberikan peluang kepadanya untuk menimba pengalaman bersama jurulatih dan pakar sukan dalam meningkatkan pencapaian prestasi.

Peluang ini katanya, sukar diperolehi manakalannya banyak

manfaatnya terhadap kejayaan atlet dalam menuju ke arah kecemerlangan sukan.

Beliau yang pernah mencapai kejayaan pingat gangsa di Sukan SEA 1999, Kejohanan Karatedo di Taiwan, Terbuka Malaysia dan Indonesia menjelaskan bahawa "Manfaat daripada penyertaan projek ini agak banyak terutama dalam meningkatkan 'power, speed, endurance' dan pengalaman."

Beliau berharap dengan latihan dan pendedahan yang jitu dalam projek ini, akan dapat membantunya



BOLING Padang, Haji Naim Ibrahim.

menyumbangkan kejayaan untuk negara pada penyertaan ditemasya-temasya sukan serantau dan antarabangsa akan datang.

Atlet olahraga, Shahjohan Haji Shari pula menyatakan bahawa penyertaan melalui projek ini dapat membantu meningkatkan prestasi dan fizikal,



KARATEDO, Fazil Rewandie Mohd. Faizal.

di samping memantapkan lagi 'strength' dan 'conditioning'.

Lebih ketara lagi tamabahnya ialah kekuatan fizikal lebih meningkat pada fasa pertama 60 hari program latihan dijalankan dan jika keadaan ini berterusan akan dapat meningkatkan



OLAHRAGA, Shahjohan Haji Shari.

keupayaan dalam pertandingan.

Justeru itu dengan latihan dan pendekatan yang terarah ini katanya, peluang untuk mencatitkan satu-satu kejayaan akan dapat dicapai seandainya menjalani latihan berterusan.

Timbalan Sultan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah bagi perantukan Yang Dipertua Hakim Mahkamah Rayuan dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Mahkamah Besar yang baru bagi tempoh dua tahun. Yang Arif adalah juga Hakim Mahkamah Rayuan.

Majlis tersebut bermula dengan pembacaan surat perantukan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

Mendahului Majlis Mengangkat Sumpah ke hadapan majlis Timbalan Sultan ialah Yang Arif Sir Noel Plunkett Power sebagai Yang Dipertua Ha-

kim Mahkamah Rayuan yang baru bagi menggantikan Yang Arif Dato Seri Paduka Sir Derek Cons yang telah menamatkan lantikan beliau pada 6 Disember 2006 yang lalu.

Majlis kemudian diikuti dengan mengangkat sumpah oleh Yang Arif Henry Denis Litton sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar yang baru bagi tempoh dua tahun. Yang Arif adalah juga Hakim Mahkamah Rayuan.

Turut hadir di majlis itu ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kefli, Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif John Barry Mortimer dan Pesuruhjaya Kehakiman dan Ketua Pendaftaran Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Hairilarni bin Haji Abdul Majid.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar berkenan menerima kunjungan perpisahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah sebelum berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia. - Foto : Masri Osman.

Menerima kunjungan perpisahan

KUALA LUMPUR, Ahad, 29 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar berkenan

menerima kunjungan muhibah daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah di tempat persemayaman Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam semasa berada di Kuala Lumpur, Malaysia. Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan DYT Pengiran Isteri berangkat meninggalkan Kuala Lumpur, Malaysia setelah menghadiri Majlis Santap Malam Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-13.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menerima sumpah ikrar bagi perantukan Yang Dipertua Hakim Mahkamah Rayuan, Yang Arif Sir Noel Plunkett Power. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menerima sumpah ikrar bagi perantukan Yang Arif Henry Denis Litton sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar. - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Dari muka 1

YTM seterusnya bersabda, penglibatan kerjasama antarabangsa juga penting dalam membantu usaha Majlis Keselamatan Jalan Raya di negara ini kerana melalui per-kongsian dan pertukaran maklumat mengenai strategi dan program yang berjaya dilaksanakan di negara lain boleh dimanfaatkan.

"Dalam pada itu, sasaran bagi menjadikan Negara Brunei Darussalam mempunyai kadar kematian kemalangan jalan raya di tahap paling minima sebanding dengan negara-negara maju dan selaras dengan hasrat resolusi PBB, hendaklah dijadikan matlamat utama Majlis

Keselamatan Jalan Raya kita. Perkara ini harus dijadikan tanggungjawab bersama semua pihak," sabda YTM.

Ke arah itu YTM mengusulkan agar sasaran-sasaran bagi keselamatan jalan raya perlu berbentuk kuantitatif dan dari pelbagai sektor serta pencapaian hendaknya boleh diukur dan dinilai.

Justeru itu adalah mustahak bagi kita terus mengumpul maklumat tahunan dan menganalisa pencapaian ke atas sasaran tersebut, kerana dengan demikian sabda YTM keputusan penganalisaan akan dapat digunakan bagi mengubal.

TAIB raih keuntungan 62 peratus

GADONG, Sabtu, 21 April. - Pemangku Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny berkata jumlah keseluruhan pendapatan berdasarkan akaun kewangan yang diaudit bagi tahun 2006 menunjukkan peningkatan kira-kira 18 peratus iaitu sebanyak B\$8.2 juta berbanding tahun sebelumnya.

Dari segi keuntungan bersih tambahnya, selepas bayaran dividen dan peruntukan hutang ragu, Perbadanan TAIB telah mencatat peningkatan sebanyak 62 peratus atau B\$12.38 juta.

Dato Paduka menjelaskan

perkara tersebut di Majlis Lai-latul Mahabbah, Perbadanan TAIB yang berlangsung di Rizqun International Hotel di sini.

Menurut Dato Paduka lagi jumlah deposit pada akhir tahun 2006, berjumlah B\$1.19 bilion dan antara jumlah akaun dan deposit yang meningkat adalah terdiri daripada Sijil Deposit (TDC) yang berkonsep Al-Mudharabah, Akaun Simpanan Al-Wadiah, Akaun Simanja dan Tekad Haji.

Pemangku Menteri Pembangunan berkata sebagai galakan kepada sikap menabih di kalangan generasi baru, Perbadanan TAIB telah membuat pembayaran bonus tambahan sebanyak 0.25 pe-

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

ratus kepada Akaun Simanja dan Remaja yang tidak membuat sebarang pengeluaran tiga tahun berturut-turut.

"Perbadanan ini juga telah berjaya mempelbagaikan operasi perniagaan terutama dalam bidang pengurusan dana melalui pasaran mata wang Islam di luar negara seperti Republik Singapura, Malaysia dan Timur Tengah. Pendapatan dari pelaburan berkenaan telah menyumbang kira-kira 35 peratus atau B\$28.5 juta kepada jumlah keseluruhan pendapatan Perbadanan TAIB," ujarnya.

Di samping itu jelasnya

anak-anak Syarikat TAIB juga menunjukkan peningkatan yang menggalakkan terutama Syarikat Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad pada penyata kewangan yang belum diaudit bagi tahun 2006 dengan keuntungan bersih sebelum cukai sebanyak 160 peratus dari tahun sebelumnya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu.

Majlis diserikan dengan

penyampaian sijil penghargaan dan cenderahati kepada 53 orang pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya yang telah berkhidmat selama sepuluh dan lima tahun yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis yang dianjurkan oleh Perbadanan TAIB adalah untuk memberikan penghargaan berterusan kepada Perbadanan TAIB dan kepada para pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB serta anak-anak syarikatnya di atas jasa baik dan bakti dalam memajukan lagi Perbadanan TAIB.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan merasmikan Sambutan 'First United Nations Global Road Safety Week'. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

برهاتي- هاتي ترهادف قنيقوان سكيم قلابورن BERHATI-HATI TERHADAP PENIPUAN SKIM PELABURAN

دتریتکن اوله جیائن فرائغن، جیائن فردان منتری دان دچیق اوله جیائن فرچیقنن کراچان، جیائن فردان منتری، ناکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING	
Ambulans	Bomba & Penyelamat
991	995
Polis	Mencari & Menyelamat
993	998



PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING	
Air	Unit Pengurusan Bencana Alam
140	
Talian Kebajikan	2381874
141	2381313
Elektrik	2382143
144	
Maklumat Penerbangan	2382027
2331747	
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)	Selesema Burung
2332600	8984777
	8985777

BILANGAN 18

RABU 2 MEI 2007

1428

رابع 14 ربيع الآخر

PERCUMA

KITA biasa mendengar ungkapan 'seorang ibu atau bapa mampu menjaga sepuluh orang anak tetapi sepuluh orang anak belum tentu boleh menjaga seorang ibu atau bapa', apakah kita semua memahami atau tidak memahami atau mungkin sengaja tidak faham maksud yang tersirat di dalam ungkapan tersebut.

Fenomena pengabaian ibu bapa dengan membiarkan mereka tinggal bersendirian dalam keadaan lemah fizikal dan mental, sakit dan memerlukan penjagaan yang berterusan setiap masa bahkan ada yang sanggup menghantar ibu bapa ke rumah orang-orang tua dengan pelbagai alasan - sibuk kerja, tidak ada masa, tidak ada sesiapa yang boleh diharapkan untuk mengurus dan sebagainya sering kita dengar.

Kita sepatutnya merasa malu dan kesal dengan perbuatan anak-anak seumpama itu yang diibaratkan 'si tanggung' atau anak derhaka yang tidak mempedulikan nasib kedua-dua ibu bapa dan para warga tua atau warga emas. Alangkah sedihnya jika kita tidak sanggup memberi ibu bapa layanan yang terbaik, alangkah malangnya jika kita tidak mampu menjaga mereka yang sudah tua dan tidak berupaya menyara hidupnya sendiri.

Mari kita merenung sejenak pengorbanan yang ditanggung oleh kedua-dua ibu bapa untuk memelihara dan membesarkan kita. Penderitaan ibu ketika mengandung dan bertarung nyawa ketika hendak melahirkan, menyusukan meskipun kesihatannya masih belum pulih.

Ibu bapa menjaga dengan penuh cermat sehingga seekor nyamuk pun tidak dapat menghampiri, membesarkan dengan penuh kasih sayang seperti menatang minyak yang penuh. Ayah bekerja keras di bawah sinaran matahari terik bagi mencari nafkah, mereka memberikan pendidikan yang secukupnya dan sentiasa mendoakan kejayaan sehingga dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kita berada pada tahap sekarang dan menjadi manusia yang berguna dan berjasa kepada negara tercinta. Tanpa kasih mereka kita tidak akan menjadi manusia sempurna. Untuk itu pernahkah kita mengucapkan terima kasih kepada mereka?

Sungguh besar pengorbanan ibu bapa terhadap anak-anak mereka namun mereka tidak pernah menagih balasan setiap pengorbanan yang telah mereka curahkan itu. Apa pun keadaan ibu bapa kita mereka tetap orang tua kita tanpa wujudnya mereka kita tidak akan berada di dunia ini.

Apakah memadai dengan sekadar menghulurkan wang ringgit sebagai membalas jasa-jasa mereka kepada kita terutama di saat mereka terlantar, uzur dan tidak bermaya dan berbalokah sudah pengorbanan kita untuk membalas jasa orang tua kita? Ibu bapa tidak mendambakan sebarang pemberian material daripada anak-anak.

Bagi ibu bapa yang penting anak-anak mengingati mereka. Ibu bapa cukup gembira, terhibur jika anak-anak berada di sisi mereka, memberi perhatian kepada mereka. Ketika dikelilingi oleh anak-anak, ibu bapa bagaikan raja yang disayangi dikerumuni rakyat, penuh keharmonian kerana penghormatan anak-anak, perhatian dan perasaan kasih dilimpahkan. Segala kesusahan menanggung beban anak-anak dirasakan sebagai kebahagiaan dan kepuasan hidup.

Setiap anak sepatutnya meletakkan ibu bapa pada kedudukan yang tinggi dan istimewa martabat kemuliaan mereka dan wajib mendahulukan mereka sebelum orang lain dalam berbuat bakti selepas Allah Ta'ala dan Rasul-Nya. Tuntutan berbuat baik kepada ibu bapa bukanlah berdasarkan adat atau kebiasaan yang diwarisi turun-temurun tetapi ianya merupakan tuntutan syarak. Islam menuntut supaya setiap orang berbuat baik kepada ibu bapa dan hukumnya adalah fardu 'ain.

Apa pun yang kita lakukan itu semua adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai anak untuk menjaga ibu bapa yang lanjut usia. Segala yang kita lakukan tidak cukup malah kita tidak berdaya membalas jasa ibu dan bapa. Oleh itu kita digalakkan mendoakan mereka setiap kali selepas solat.

Jika mereka masih hidup, layanilah mereka dengan sebaik-baik mungkin tetapi jika sudah meninggal dunia selalulah menziarahi tanah perkuburan, di samping mendoakan kesejahteraan mereka dan buatlah sebarang kebajikan seperti sedekah dan niatkan pahala untuk arwah ibu

SAYANGI DAN HARGAI WARGA EMAS

Rencana dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

dan bapa, mereka akan menerima pahala tersebut. Inilah sahaja bukti ketaatan yang dapat kita tunjukkan terhadap mereka.

Kita merasa bangga masyarakat Brunei masih kental menghargai institusi kekeluargaan termasuk menyayangi keluarga dan orang tua serta prihatin terhadap warga emas khususnya dalam aspek kebajikan dan pembelaan. Justeru itu pelbagai inisiatif dilakukan oleh kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang-orang perseorangan untuk membantu warga emas. Warga emas terdiri daripada ibu bapa atau datuk nenek sesebuah masyarakat itu sendiri.

Kerajaan melalui Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya telah memperkenankan pembayaran pencen umur tua kepada rakyat dan penduduk negara ini yang berumur 60 tahun ke atas pada tahun 1954 dan dikuatkuasakan pada tahun 1955.

Kadar pembayaran pencen umur tua bermula sebanyak \$20.00 pada tahun 1955 dan kadar tersebut meningkat dari setahun ke setahun hingga sekarang ini sebanyak \$250.00 setiap seorang. Peruntukan pembayaran pencen umur tua bagi memastikan golongan warga emas sentiasa mendapat pemeliharaan yang secukupnya daripada pihak kerajaan. Selain itu mereka yang berkehidupan susah mereka juga diberi bantuan kebajikan bulanan, di samping menerima pencen umur tua.

Pada tahun lalu sahaja pihak kerajaan telah memperuntukkan lebih dari \$39 juta setahun bagi pembayaran pencen umur tua, manakala penerima pencen telah meningkat dari 12,678 orang pada tahun 1999 kepada hampir 17,000 orang sehingga bulan Mac tahun 2007. Peningkatan jumlah tersebut mempunyai kaitan yang rapat dengan peningkatan jangka hayat penduduk di negara ini yang dianggarkan 73 tahun bagi kaum lelaki dan 78 tahun bagi kaum wanita.

Peningkatan jangka hayat ini disebabkan oleh kualiti kehidupan yang semakin meningkat terutama sekali dari segi kesihatan yang semakin baik dan dengan adanya perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang komprehensif yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Mengikut banci penduduk 2004, lebih dari 19,000 orang penduduk negara ini terdiri daripada mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan jumlah tersebut dijangka akan meningkat kepada 35,000 orang pada tahun 2021.

Selain pembayaran pencen umur tua, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah mengadakan beberapa program bagi mengukuhkan peranan institusi keluarga dalam memeduli warga tua seperti ceramah agama, kempen keluarga bahagia dan seumpamanya. Antara program yang diusahakan ialah Projek Keluarga Dalam Memeduli Warga Emas.

Projek yang dilancarkan pada tahun 2005 itu bertujuan untuk memberi perkhidmatan penjagaan kepada warga tua



WARGA tua juga boleh menyumbang tenaga dengan melakukan kerja-kerja bersesuaian dengan kemampuan mereka.



GOLONGAN tua hendaklah terus membimbing golongan muda berdasarkan pengalaman mereka agar hala tuju hidup golongan muda terjamin dan lebih bermakna.



USIA emas tidak menghalang mereka bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti agar dapat menabur bakti ke arah pembangunan negara dan bangsa.

yang tinggal bersendirian di rumah atau bersama keluarga yang memerlukan bantuan dari segi pengurusan kehidupan seharian. Projek berkenaan melibatkan tenaga ahli keluarga dan sukarelawan memberikan bantuan seperti membersihkan rumah, menghantar atau menyediakan makanan, membawa ke hospital, sebagai teman berbicara, membawa membeli-belah, memastikan mereka mengambil ubat dan sebagainya.

Dalam pada itu warga emas yang produktif pula akan melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, kebajikan dan pertubuhan sukarela seperti Persatuan Warga Emas Daerah Belait. Dengan demikian mereka boleh menyumbang sedikit tenaga dengan melakukan kerja-kerja yang bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Contohnya bekas guru agama boleh juga mengajar Al-Qur'an kepada anak-anak di sekitar rumahnya. Begitu juga yang mempunyai kemahiran misalnya mahir bertukang, melukis atau menjahit boleh menggunakan kemahiran itu untuk mendapatkan sedikit pulangan.

Usaha yang mereka lakukan itu dapat menabur bakti ke arah pembangunan negara, bangsa dan agama walaupun sumbangan itu kelihatannya kecil namun ianya akan mempunyai impak yang besar di kemudian hari.

MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



MUKIM KOTA BATU : 'DUA WAJAH, SAMA CANTIK SAMA MENARIK'

NOSTALGIA berbasikal menyusuri Jalan Residency, Subok hingga ke Kota Batu dan kampung-kampung sekitarnya setelah menyeberang dari Kampong Ayer pada akhir tahun 60-an, banyak membawa kenangan manis yang tidak dapat dilupakan.

Perubahan wajah dan landskap Mukim Kota Batu kini juga begitu ketara. Apa tidaknya, sejak pencapaian kemerdekaan kita, ledakan pembangunan telah mengubah senario dan landskap mukim tersebut, menjadi mukim yang dekat di hati rakyat Brunei dan juga pelancong dari dalam dan luar negara.

Kedudukannya begitu strategik, hanya beberapa minit perjalanan sahaja ke Pusat Bandar, Pelabuhan Muara dan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Bila sebut sahaja Kota Batu terbayang dalam kepala, Makam Sultan Bolkiah, Makam Sultan Sharif Ali (digelar Sultan Berkah yang memerintah pada tahun 1425-1432) Muzium Brunei, Muzium Teknologi Melayu dan tidak berapa jauh dari situ terletak Jambatan Queen di Kampong Dato Gandi.

Menghimbau sejarah silam, Kota Batu merupakan pusat bandar dan pusat pemerintahan. Di sinilah berkembangnya kemasyhuran negara dan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam. Apa yang menarik tentang Kota Batu ini ialah seperti yang pernah ditulis oleh Dato Imam Yaakub:

Maka Sultan Sharif itulah kerajaan dinamai akan dia Paduka Seri Sultan ialah mengeraskan syariat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan berbuat masjid dan segala rakyat Cina berbuat kota batu. (Lihat Jejak-jejak Buku Kenangan memperingati Allahyarham Profesor Dato Mahmud Saedon, 2003: 232).

Mukim Kota Batu mempunyai keluasan sekitar 54,276 kilometer persegi dengan jumlah penduduk lebih kurang 13,147 orang, setentunya merupakan mukim yang boleh mencapai kemajuan dan pembangunan negara.

Pelbagai kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti: jalan raya, bekalan air, elektrik, telefon, masjid, sekolah-sekolah menengah, rendah, agama dan sekolah swasta, bangunan kerajaan, stesen minyak dan lain-lain menjadikan mukim ini di antara yang termaju dari segi infrastruktur.

DUA WAJAH
Mukim Kota Batu ini amat menarik dengan kedudukan permukaan buminya yang berbukit-bukau, keindahan alam semula jadi dan juga tempat-tempat bersejarah yang boleh dieksploitasi untuk dijadikan tarikan pelancong ini mempunyai nilai komersial yang dapat menghasilkan pendapatan lumayan. Kawasan ini sesuai sebagai tempat bersantai dengan keluarga, melepaskan penat lelah, beriadah selain mengeratkan silaturahim dan menjaga kesihatan.

Mukim Kota Batu ini amat menarik dengan kedudukan permukaan buminya yang berbukit-bukau, keindahan alam semula jadi dan juga tempat-tempat bersejarah yang boleh dieksploitasi untuk dijadikan tarikan pelancong ini mempunyai nilai komersial yang dapat menghasilkan pendapatan lumayan. Kawasan ini sesuai sebagai tempat bersantai dengan keluarga, melepaskan penat lelah, beriadah selain mengeratkan silaturahim dan menjaga kesihatan.

**Rencana dan Foto:
Haji Kassim Haji Omar**

Penghulu Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim semasa ditemu bual dalam satu majlis di Kampong Belimbing Subok pada 25 Mac 2007 menyatakan, Yang Berhormat ingin melihat setiap mukim dan kampung di mukim itu dapat menghasilkan produk sendiri yang boleh mendatangkan hasil pendapatan kepada penduduk kampung, di samping meningkatkan ilmu, ekonomi serta memupuk semangat kerjasama di kalangan penduduk kampung.

Yang Berhormat mempunyai visi dan rancangan untuk memajukan kampung-kampung yang terdapat dalam kawasan mukimnya. Yang Berhormat menegaskan bahawa komitmen dan kerjasama dari ketua-ketua kampung dan penduduk kampung sangatlah diharapkan untuk menjamin kelangsungan pembangunan negara seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat semua golongan rakyat terlibat dalam usaha memajukan dan memakmurkan negara yang tercinta ini.



PENGHULU Mukim Kota Batu, Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim ketika menghadiri Majlis Perundingan Kampung di Kampong Belimbing Subok.

STRATEGIK

Kedudukan Mukim Kota Batu yang terletak antara Pelabuhan Muara dan pusat bandar menjadikannya sebagai kawasan strategik perekonomian negara. Dengan ketampanan penduduk yang ada, Mukim Kota Batu yang mempunyai 13 buah kampung kebanyakannya terletak di sepanjang Sungai Brunei, yang berlatarkan bukit dan di seberang Sungai Brunei, setentunya boleh menjana pembangunan dan ekonomi negara.

Mukim ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori: Pertama, kampung yang terletak di sebelah

darat iaitu : Kampong Belimbing dan Kampong Subok. Kedua, terletak di sekitar tebing Sungai Brunei, dari Kampong Pintu Malim, Sungai Lampai, Kota Batu, Pelambayan, Sungai Matan, Serdang, Sungai Besar dan Sungai Belukut dan ketiga yang terletak di seberang Sungai Brunei iaitu Sungai Bunga dan Tanjong Kindana, Menunggol, Riong dan Kampong Puduk.

Bagi penduduk yang mendiami di kawasan darat, sebilangan mereka melakukan usaha bercucuk tanam dan berkebun serta menjalankan perusahaan pertukangan tangan, manakala kebanyakannya bekerja dengan kerajaan dan juga swasta.

Sementara bagi penduduk yang tinggal di persekitaran tebing Sungai Brunei kegiatan sebilangan mereka tertumpu kepada perikanan sama ada mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar dan menangkap ikan di laut, sebahagian besarnya bekerja dengan kerajaan dan swasta. Bagi penduduk Kampong Puduk, Sungai Bunga dan Menunggol mereka akan menggunakan pengangkutan perahu untuk menyeberang ke bandar.

Usaha mempromosikan mukim ini mendapat kerjasama yang sangat menggalakkan terutama dari Yang Berhormat, ketua-ketua kampung dan anak



MAKAM Sultan Bolkiah yang terletak di Mukim Kota Batu.

MAKAM Sultan Sharif Ali (Sultan Berkah) yang terletak di Mukim Kota Batu.

buahnya. Kesungguhan untuk merealisasikan pembangunan di Mukim Kota Batu dapat dilihat melalui cara Yang Berhormat mengendalikan dan mentadbir kampung di bawah jajaannya itu.

KEGIGIHAN

Sepanjang tinjauan penulis ke beberapa buah kampung Mukim Kota Batu iaitu Kampong Belimbing dan Sungai Matan, potensi untuk melihat kampung-kampung ini berjaya dan menyerlah dengan kegigihan ketua kampung

yang 'turun padang' dan beramah mesra dengan penduduk kampung. Begitu juga gabungan Ahli Jawatankuasa Kampung yang terdiri dari golongan profesional dan ilmuan menampakkan perubahan yang ketara terutama dari segi kegiatan dan aktiviti kampung yang telah diadakan.

Antara kegiatan yang berjaya dianjurkan seperti Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Qur'an Secara Muratal bagi Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang Seluruh Negara yang di-

adakan pada 12 November 2006 bertempat di Dewan Serbaguna Jabatan Bomba dan Penyelamat, Cabaran Pancing 2006, anjuran Majlis Perundingan Kampung Sungai Matan pada 17 Disember 2006 bertempat di sepanjang jambatan Kampong Sungai Matan.

Menelusuri mukim dan kampung adalah untuk meninjau bagaimana kampung-kampung dalam Mukim Kota Batu ini dapat menghasilkan produk masing-masing yang boleh diketengahkan untuk dijadikan mercu tanda kejayaan kampung tersebut dan melihat bagaimana mukim dan kampung ini berperanan sebagai katalis pembangunan dan kemajuan negara.

Kegiatan-kegiatan yang boleh diusahakan akan dapat mendatangkan hasil yang baik dari segi ekonomi mahupun dari segi kesihatan. Bagi yang menggemari sukan lasak atau yang suka beriadah, Bukit Markuching yang terletak di Kampong Belimbing, Bukit Menunggol dan Bukit Subok adalah tempat sesuai untuk kegiatan tersebut. Kita juga akan melihat aktiviti menangkap ikan, hasil kraf tangan, pembuatan pamarang, keris, tongkat, bahai, tekiding dan pelbagai produk yang lain.



MUZIAM Teknologi Melayu yang terletak di Mukim Kota Batu menarik perhatian pelbagai masyarakat di negara ini dan juga pelancong luar negara.



MUZIAM Brunei mempamerkan beraneka jenis barangan yang bersejarah dan artifak yang amat berharga. Ianya juga merupakan salah satu tempat tarikan pelancong di negara ini.

KESAN-KESAN PENGGUNAAN SISHA TERHADAP KESIHATAN



mengeluarkan asap yang mengandungi tar yang sebanding dengan tar yang terkandung dalam 20 batang rokok.

Selain dari itu, perisa buah-buahan yang sering terdapat dalam tembakau sisha datangnya dari pemprosesan buah-buahan yang telah rosak, yang mana perisa buah tersebut telah bertukar menjadi alkohol.

Dari kajian yang telah dijalankan, kesan penggunaan sisha terhadap kesihatan dalam jangka pendek termasuk:


- * Selepas 45 minit menggunakan sisha, pengeluaran nafas (karbon monoksida), tahap nikotin dalam tubuh dan degupan jantung didapati sangat tinggi.

- * Menghisap sisha selama 45 minit mendedahkan seseorang itu kepada dua kali ganda karbon monok-

nikotin terutamanya jika kerap menghisap asap dari sisha. Pada masa ini, tidak ada kajian yang menunjukkan bahawa berhenti menggunakan sisha boleh menyebabkan simptom 'withdrawal' atau tanda-tanda ketagihan. Walau bagaimanapun, tanda-tanda ketagihan memang jelas dapat diperhatikan: Penggunaan yang berterusan, pembaziran wang menggunakan sisha dan sukar untuk berhenti.

- * Perkongsian sisha dari mulut seorang ke mulut seorang yang lain merupakan satu tabiat yang berisiko yang boleh membawa kepada bahaya jangkitan seperti jangkitan penyakit batuk kering (tibi) dan jangkitan virus seperti jangkitan herpes dan hepatitis.

Kajian yang telah dibuat juga menunjukkan bahawa penggunaan sisha boleh membawa kesan



(GAMBAR hiasan)



risiko tinggi seperti kurang berat badan dan susah bernafas setelah lahir.

- * Sesetengah sisha tidak mengandungi banyak nikotin dalam kandungannya, AKAN TETAPI dengan kurangnya nikotin tersebut, kandu-

ngan, 'glycerin' dalam tembakau sisha menjadi tinggi. 'Glycerin' boleh meracuni badan pengguna terutamanya paru-paru dan menyebabkan penyakit emfisema (sejenis penyakit paru-paru yang menyebabkan tanda-tanda ampu yang sukar untuk dirawat).

Sumbangan :
Pengiran Anuar Husaini Pengiran Haji Rambli,
Pegawai Pelajaran Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

1. Apakah trend penggunaan sisha pada masa ini?

SISHA telah digunakan sejak berkurun lamanya dan asalnya sukar dipastikan. Pada dahulunya sisha digunakan di negeri-negeri seperti Cina, India, Pakistan dan Timur Mediteranean. Populariti sisha tidaklah seberapa sehinggalah selepas tahun 1980, di mana penggunaannya semakin meningkat, terutama sekali di kalangan para belia, yang ingin mencubanya dan menganggapnya sebagai trend dan fesyen terkini.

Menurut maklumat yang diperolehi daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penggunaan sisha amat berleluasa di kalangan orang-orang Arab dan di Asia Tenggara. Ianya mudah diperolehi di kebanyakan tempat-tempat awam seperti pasar raya, restoran dan kafe.

2. Apakah benar yang sisha itu dikategorikan sebagai berisiko rendah atau 'low risk' terhadap kesihatan?

Tanggapan bahawa sisha itu mempunyai 'low risk' atau kurang risiko terhadap kesihatan, jika dibandingkan dengan penggunaan rokok, sering ditimbulkan dalam perbualan harian. Tanggapan ini sememangnya salah dan sering kali menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna. Mereka banyak menyangka bahawa penggunaan sisha ini selamat kerana ianya dihasilkan dari buah-buahan dan sebab ianya menggunakan aliran air. Sebenarnya, sisha adalah salah satu daripada samar-

an produk tembakau yang diubahsuai dengan ditambah perisa sahaja. Lebih-lebih lagi, asap tembakau yang dihisap melalui alirair tidak bertapis jika dibandingkan dengan rokok. Oleh yang demikian, menggunakan sisha adalah lebih merbahaya dari rokok. Pengguna sisha akan terdedah kepada bahaya kesihatan yang sama dan berganda berbanding dengan merokok.

3. Adakah penggunaan sisha itu membahayakan kesihatan?

Menurut kajian yang telah dibuat, menggunakan sisha selama 45 minit ialah sama seperti merokok 50 batang rokok. Walaupun adanya fakta ini, masih juga ramai orang yang mengatakan bahawa sisha tidak merbahaya, sedangkan sebatang rokok sudah mengandungi 4,000 jenis kimia, apatah lagi 50 batang rokok.

Seperti yang kita ketahui, perokok terdedah pada ratusan kandungan rokok yang merbahaya,

MENURUT kajian yang telah dibuat, menggunakan sisha selama 45 minit ialah sama seperti merokok 50 batang rokok. Walaupun adanya fakta ini, masih juga ramai orang yang mengatakan bahawa sisha tidak merbahaya, sedangkan sebatang rokok sudah mengandungi 4,000 jenis kimia, apatah lagi 50 batang rokok.

termasuk karbon monoksida, karsinogen dan dadah yang menagihkan seperti nikotin, yang mana bahan-bahan ini semua boleh menyebabkan kesan-kesan buruk kepada kesihatan seperti : kanser, penyakit jantung dan ketagihan. Pengguna sisha juga terdedah pada bahan-bahan dan kesan-kesan yang sama.

Kandungan karbon monoksida di dalam sisha mungkin bergantung pada saiz (pek) sisha, jenis tembakau dan jenis arang yang digunakan.

Penggunaan sisha dalam masa 45 minit juga

sida dan tiga kali ganda nikotin daripada pendedahan kepada sebatang rokok. Ini adalah disebabkan oleh jika menggunakan sisha, lazimnya mengambil masa ~50 minit tetapi jika merokok, hanya mengambil masa ~5 minit. Itulah sebabnya pendedahan kepada karbon monoksida mencapai dua kali ganda dan nikotin tiga kali ganda.

- * Bersisha juga mendedahkan tubuh seseorang itu kepada kadmium, sejenis kimia yang terdapat di dalam sebatang rokok dan bateri kereta.

- * Bersisha juga menyebabkan ketagihan pada

jangka panjang kepada kesihatan seperti:

- * Pengguna sisha terdedah kepada risiko kanser dan risiko ini meningkat lagi dengan penggunaan rokok. Di antara jenis kanser yang dimaksudkan ialah seperti kanser bronkus, kanser paru-paru dan kanser mulut. Kandungan utama sisha yang menyebabkan kanser-kanser tersebut ialah 'Nitrosamine' sama seperti yang terdapat dalam rokok.

- * Bagi wanita mengandung yang menggunakan sisha, anak dalam kandungannya mempunyai

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KELUARGA,
KANAK-KANAK DAN KAUNSELING
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT (JAPEM)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
Bahagian I

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Proses penyiasatan permohonan mendaftarkan anak angkat	60 hari
2.	Proses penyiasatan permohonan mendaftarkan kewarganegaraan anak angkat	60 hari

B u d i m a n



MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya Islam adalah agama yang menganjurkan umatnya agar sentiasa menjaga dan memelihara keselamatan diri, nyawa, harta, agama dan perkara-perkara yang lain. Islam juga menyuruh umatnya supaya berikhtiar sedaya upaya agar menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan. Perkara ini dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 195, tafsirnya:

"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan baiklah dengan sebaik-baiknya segala usaha dan perbuatan kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

Antara perkara yang boleh mendatangkan kebinasaan dan kemusnahan harta serta boleh menghilangkan nyawa ialah kemalangan jalan raya. Kemalangan jalan raya merupakan salah satu penyebab kematian yang terbesar selain dari pelbagai penyakit yang kronik.

Di antara punca-punca yang sering menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya tersebut adalah akibat daripada kecuaiian dan kelalaian serta sikap ego pemandu ataupun pengguna jalan raya itu sendiri, antaranya:

- Sikap pemandu yang mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

- Tidak mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya seperti memandu laju dengan tidak mengikut had yang telah ditetapkan, tidak memasang tali pinggang keledar, menggunakan telefon bimbit semasa memandu, sama ada membuat dan menjawab panggilan atau membuat pesanan ringkas (SMS), menunggang motosikal atau basikal dengan tidak menggunakan topi keledar pelindung, tidak mengikut sebarang amaran tegahan papan tanda jalan raya termasuklah lampu isyarat, di mana sebilangan pemandu tidak memberhentikan kereta apabila lampu isyarat merah menyala, malahan ada pula yang cuba memecut laju tanpa memikirkan keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

- Ada juga setengah ibu bapa atau penjaga yang tidak bertanggungjawab membiarkan anak mereka duduk di dalam kenderaan dengan tidak menggunakan sebarang tali pinggang keselamatan bagi kanak-kanak dan juga membiarkan golongan muda atau remaja di bawah umur memandu kereta tanpa mempunyai lesen yang sah. Adakalanya mereka itu berkumpul untuk mencari keseronokan dengan mengadakan perlumbaan-perlumbaan haram yang mana ianya boleh mengganggu ketenteraman awam serta membahayakan diri mereka sendiri dan orang lain.

Memandangkan bilangan kemalangan jalan raya yang meningkat dari setahun ke setahun, berbagai usaha telah dibuat oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan berlakunya kemalangan. Antaranya adalah dengan cara:

- Mengadakan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kenderaan bagi memastikan tiada berlaku sebarang pengubahsuaian yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang.


- Mengingatkan para pemandu agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya melalui kempen-kempen, iklan-iklan dan sebagainya.

- Menasihatkan para pemandu supaya sentiasa memastikan keselamatan seperti memakai tali pinggang keselamatan, memeriksa kenderaan sebelum menggunakannya dan lain-lain lagi supaya pengguna jalan raya benar-benar selamat.

Sehubungan dengan ini, untuk makluman kita bersama bahawa pada 23 April hingga 29 April 2007 adalah 'Minggu Keselamatan Jalan Raya' dan sambutan tersebut

SESUNGGUHNIA undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya yang dibuat adalah bertujuan menjaga keselamatan dan keselesaan semua pengguna jalan raya. Justeru itu, pengguna jalan raya hendaklah mematuhi dan berakhlak mulia dengan menerapkan sifat-sifat kesedaran untuk cintakan diri, keluarga serta masyarakat. Janganlah menjadikan jalan raya sebagai gelanggang perlumbaan dan tempat yang boleh meragut nyawa sendiri dan nyawa orang lain yang tidak bersalah.

Kecuaian dan kelalaian punca kemalangan



ANTARA perkara yang boleh mendatangkan kebinasaan dan kemusnahan harta serta boleh menghilangkan nyawa ialah kemalangan jalan raya. Kemalangan jalan raya merupakan salah satu penyebab kematian yang terbesar selain dari pelbagai penyakit yang kronik.

Kursy, Surah Qura'isy dan doa ketika ke luar rumah iaitu, maksudnya:

"Dengan nama Allah aku bertawakal kepada-Nya dan tidak ada daya upaya dan kekuatan melainkan daya upaya dan kekuatan Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada perbuatan sesat atau disesatkan atau daripada binasa atau dibinasakan atau daripada zalim atau dizalimi atau daripada jahil (bodoh) atau diperbodohkan."

Manakala ketika menaiki kenderaan pula amalkanlah membaca doa sebagaimana dalam Surah Az Zukhruf ayat 13 - 14, tafsirnya:

"Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak terdaya menguasainya dan sesungguhnya kepada Tuhan kami kami akan kembali."

Selaku pengguna jalan raya terutamanya golongan muda, marilah kita sama-sama sentiasa mematuhi peraturan jalan raya yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Amalkanlah sifat bersopan santun, hormat-menghormati dan bertolak ansur di jalan raya. Di samping itu janganlah kita lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala di setiap keadaan, tempat dan masa dengan mengamalkan doa dan zikir, termasuklah semasa kita semasa kita berada di jalan raya agar kita mendapat keselamatan. Samalah kita berdoa semoga kita semua dihindarkan dari perkara-perkara yang tidak diinginkan dan sentiasa berada dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala, Amin ya Rabbal 'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa' ayat 103, tafsirnya:

"Maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring."

diadakan di seluruh dunia termasuklah di negara kita dengan slogan 'Keselamatan Jalan Raya Bukan Suatu Kemalangan' yang mana memfokus kepada 'Pengguna-pengguna Jalan Raya Muda'. Perlu diketahui bahawa mengikut statistik kemalangan jalan raya di negara ini, golongan muda adalah golongan yang paling ramai menjadi mangsa kemalangan jalan raya.

Sesungguhnya undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya yang dibuat adalah bertujuan menjaga keselamatan dan keselesaan semua pengguna jalan

raya. Justeru itu, pengguna jalan raya hendaklah mematuhi dan berakhlak mulia dengan menerapkan sifat-sifat kesedaran untuk cintakan diri, keluarga serta masyarakat. Janganlah menjadikan jalan raya sebagai gelanggang perlumbaan dan tempat yang boleh meragut nyawa sendiri dan nyawa orang lain yang tidak bersalah.

Agama Islam juga telah mengajarkan kita bagaimana cara untuk menjaga keselamatan diri iaitu dengan berdoa dan berzikir. Sebelum ke luar rumah kita digalakkan membaca Surah Al-Faatihah, ayat Al

وقت سمبھيٹ، امساك، شورو ق دار حضر

وقت ۲ سمبھيٹ، امساك، شورو ق دار حضر باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 14 ربيع الآخر، 1428 برسامان دغن 2 مي، 2007 هيگك كهاري ثلاث، 20 ربيع الآخر، 1428 برسامان دغن 8 مي، 2007 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	سوروق	ضحى	مسيحي
ربيع الآخر									مي
14	12.19	3.36	6.27	7.38	4.39	4.49	6.08	6.32	2
15	12.19	3.36	6.27	7.39	4.38	4.48	6.08	6.32	3
16	12.19	3.37	6.27	7.39	4.38	4.48	6.08	6.32	4
17	12.19	3.37	6.27	7.39	4.38	4.48	6.07	6.31	5
18	12.18	3.37	6.27	7.39	4.37	4.47	6.07	6.31	6
19	12.18	3.37	6.27	7.39	4.37	4.47	6.07	6.31	7
20	12.18	3.38	6.27	7.39	4.37	4.47	6.07	6.31	8

وقت ۲ سمبھيٹ باگي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيٹ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تغياري.

Perkara-perkara Sunat Selepas Berwudhu dan Fadilatnya

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

SETIAP ibadat dalam Islam mempunyai kelebihan dan fadhilatnya yang tersendiri. Dengan rahmat Allah jua, kadang-kadang amalan yang sedikit (pada ukuran dan pertimbangan manusia) namun ganjarannya amat besar di sisi Allah Ta'ala. Kenalah kita manusia menerokai dan mencarinya supaya jangan terlepas dengan peluang-peluang untuk memperolehi ganjaran yang amat besar itu.

Begitulah halnya dengan fadilat atau kelebihan yang terdapat dalam perkara-perkara sunat selepas berwudhu. Kenapa peluang itu tidak direbut atau dengan kata lain jangan ia dilepaskan begitu saja. Antara perkara-perkara sunat selepas mengambil wudhu ialah:

1. Membaca Doa Selepas Berwudhu

Sunat membaca doa setelah sempurna berwudhu. Adapun cara membacanya ialah dengan menghadap kiblat dan mengangkat atau menadah kedua belah tangan ke langit. Manakala pandangan kedua mata ditujukan ke langit sekalipun dia seorang yang buta. Doa ini sunat dibaca sebaik sahaja selesai berwudhu tanpa diselangai oleh jangka masa yang terlalu lama menurut kebiasaan. Doa ini juga sunat disudahi dengan selawat dan salam ke atas Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Adapun lafaz doa selepas wudhu itu ialah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي، وَارْزُقْ لِي رِزْقِي وَلَا تَقْصِرْ عَنَّا رِزْقَكَ يَا مُنْتَقِظُ رِزْقَتِي

KELEBIHAN MEMBACA DOA SELEPAS WUDHU

Adapun antara kelebihan membaca doa ini ada disebutkan dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Sayyidina Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu, sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang maksudnya:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

"Tiada sesiapa pun di antara kamu yang berwudhu lalu dia menyempurnakan wudhu tersebut (dengan sebaik-

baiknya), kemudian dia mengucapkan: (maka tiada ganjaran) melainkan dibukakan untuknya pintu-pintu syurga yang lapan, dia akan masuk (ke syurga) melalui mana-mana pintu yang disukainya." (Hadis riwayat Muslim).

2. Membaca Surah Al-Qadr

Setelah selesai membaca doa selepas berwudhu, sunat dibaca Surah Al-Qadr sebanyak tiga kali dengan menghadap kiblat tetapi tidak perlu menadah tangan dan memandang ke atas. Ini berdasarkan sebuah hadis yang ditakhrir oleh ad-Dailami bahawa sesiapa yang membacanya setelah selesai berwudhu sebanyak:

* Satu kali: Dia tergolong antara para ash-shiddiqin, iaitu orang-orang yang benar-benar beriman (zahir dan batin).

* Dua kali: Dimasukkan dalam golongan para syuhada'.

* Tiga kali: Allah mengumpulkannya pada Hari Kiamat kelak bersama-sama para anbiya.

Setelah itu disunatkan membaca doa berikut:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي، وَارْزُقْ لِي رِزْقِي، وَتَوَلَّ عَنِّي رِزْقِي وَلَا تَقْصِرْ عَنَّا رِزْقَكَ يَا مُنْتَقِظُ رِزْقَتِي

Ertinya: "Ya Allah, ampunilah dosaku, luaskanlah rumahku (supaya aku merasa selesa), berkatilah rezekiku dan janganlah Engkau fihakkan aku dengan apa jua perkara yang Engkau jauhkan dari padaku."

3. Sembahyang Sunat Wudhu

Setelah sempurna berwudhu, sunat mendirikan Sembahyang Sunat Wudhu sebanyak dua rakaat. Sembahyang sunat itu boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja sekalipun pada waktu-waktu yang ditegah mengerjakan sembahyang. Ia dikerjakan dalam waktu yang terdekat, iaitu setelah selesai daripada mengambil wudhu.

Adapun fadilat (kelebihan) mengerjakan sembahyang dua rakaat setelah berwudhu

adalah sangat besar seperti yang telah dinyatakan dalam beberapa hadis antaranya:

a. Memberi peluang untuk masuk ke syurga

(i) Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan perbualan antara Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan Bilal Radiallahuanhu yang maksudnya:

"Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda kepada Bilal ketika (selesai) sembahyang Fajar (Subuh): 'Wahai Bilal, ceritakanlah padaku amalan apa yang paling kamu harapkan melakukannya dalam Islam. Sesungguhnya aku mendengar bunyi sepasang terompahmu di hadapanmu di dalam syurga.'"


Bilal berkata: "Tidak ada amalan yang aku lakukan yang paling aku harapkan kecuali (ada satu amalan, iaitu) aku tidak berwudhu satu wudhu pun pada waktu malam ataupun siang, melainkan aku sembahyang dengan wudhu itu, seperti mana yang telah ditetapkan untukku melakukan sembahyang (sama ada fardu atau sunat pada iktikad Bilal)." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

(ii) Manakala dalam riwayat lain daripada Abu Buraidah bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam memanggil Bilal Radiallahuanhu lalu bertanya bagaimana dia mendahului Baginda di syurga. Bilal Radiallahuanhu pun menjawab yang maksudnya:

"Dan aku tidak pernah didatangi hadas melainkan aku (segera) mengambil wudhu bila mana aku berhadat. Dan aku mengambil pendirian (kerana rasa syukur, aku membuat pilihan) bahawa demi Allah ke atasku (sembahyang) dua rakaat."

Lalu Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: "Dengan kedua-dua amalan itu." (iaitu berwudhu apabila berhadat dan sembahyang dua rakaat setiap kali berwudhu maka Bilal memperoleh apa yang didatangkannya)." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Dengan riwayat ini merupakan satu anjuran supaya orang-orang menyukai dan mengamalkan



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 251

kan perbuatan yang dibuat oleh Bilal itu.

b. Diampunkan dosa-dosa kecil

Riwayat daripada Humran, hamba kepada Sayyidina 'Utsman bin 'Affan Radiallahuanhu bahawa dia melihat tuannya itu berwudhu kemudian beliau berkata yang maksudnya:

"Aku ('Utsman) telah melihat Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam mengambil wudhu seperti cara wudhuku ini."

Kemudian Baginda bersabda: "Barangsiapa yang berwudhu seperti wudhuku ini, kemudian (setelah berwudhu) dia sembahyang dua rakaat, yang mana dia tidak berkata-kata pada dirinya dalam kedua-dua rakaat sembahyangnya itu, nescaya diampunkan baginya dosanya yang telah lalu." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Adapun maksud "dia tidak berkata-kata pada dirinya" ialah tidak memikirkan perkara yang berkaitan dengan dunia dan perkara yang tidak ada hubung kait dengan sembahyang (dengan sengaja). Manakala yang dimaksudkan dengan "diampunkan baginya dosanya" itu ialah dosa-dosa kecil.

PENUTUP

Dengan penjelasan ini nyatalah fadilat atau kelebihan yang terdapat dalam perkara-perkara sunat selepas berwudhu itu adalah sangat besar dan menguntungkan, padahal ia adalah amalan yang amat mudah dan tidak membebankan. Mudah-mudahan dengan penjelasan yang ringkas ini dapat memberi kesedaran dan membuka hati kita semua untuk sama-sama merebut kelebihan-kelebihan ini.

WALLAHU'ALAM

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

APABILA ditanya kepada diri sendiri adakah kita tergolong dalam golongan orang yang ego atau sombong, tentu ramai antara kita mengatakan tidak, tetapi si polan itulah yang sombong. Akhlak Muslim pada kali ini mengajik kita menilai diri dan menjawab sejujur-jujurnya, sejauh manakah keegoan yang mungkin bermukim dalam hati selama ini.

Pernakah Kita Mengatakan Orang Lain Sombong?

Lidah lagikan tergigit, imikan pula manusia ketika bergaul sesama. Pastinya kadang-kadang perkeltahan dan perselisihan pendapat tetap ada. Maka, tidak bertegur sapa untuk beberapa hari. Dalam hal ini, adakah kita mulakan salam kepadanya atau menanti dia memulainya?

Jika kita enggan menengurnya dulu, bermakna kita ini sombong dan ego. Orang yang merendahkan akan berbaik-baik semula dengan temannya tanpa menghiraukan maruahnyanya akan tercemar atau dengan menegur temannya, menampakkkan dia yang bersalah.

Sebenarnya orang yang mengatakan si polan itu sombong atau ego menunjukkan dirinyalah yang ego. Jika kita tidak ego, pasti kita menengurnya dahulu. Bukankah Islam menuntut umatnya saling bertegur sapa dan mengeratkan silaturrahim.

Mengangguk Di Hadapan, Menidakkan Di Belakang

Orang yang ego selalu mengiankan pendapat atau pandangan orang lain apabila berhadapan dengan orang ramai. Di belakang mereka, dia akan mencaci dan mengangap pendapat itu tidak bernas, malah merendahkan-rendahkan personaliti orang terbabit. Kita juga selalu berjanji menimbangkan idea atau permohonan dalam sesuatu perbincangan, tetapi dalam fikiran ketika itu telah menidakkan dan menolak permohonan tersebut.

Dan dalam hati mentertawakan orang lain kerana mempercayai janji kita. Kita enggan menerima pandangan orang lain atas sebab merasakan diri kita lebih baik daripada mereka. Inilah yang dinamakan manusia ego.

Sentiasa Mahu Menang

Orang sombong juga jarang mahu mengaku kalah walaupun dia berada pada pihak yang salah. Dia tetap akan mengeluarkan

Sejauh mana kesombongan

seribu satu ayat agar menampakkkan dia betul dan orang lain salah. Dia juga sanggup bertegang urat leher dan membantah apa sahaja kata-kata orang lain, asal sahaja dia menang.

Dia berasa puas apabila melihat orang lain mula diam dan mengiyakan kata-katanya. Dia langsung tidak menghiraukan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfaal ayat 46 yang maksudnya: "Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar."

Enggan Memaafkan Kesalahan

Satu lagi sifat sombong atau ego ialah memaafkan kesalahan orang lain terhadapnya. Bagaimanapun, apabila dia melakukan kesalahan, tidak pula dia berasa kesal dan tiada apa-apa yang berlaku. Dia mahu orang lain menengis, melutut dan merayu kepadanya dengan merendah diri, barulah dia mahu memaafkan.

Dia berlagak seolah-olah dialah yang berkuasa hingga lupa kepada Al-Khalik yang menciptakan makhluk termasuk dirinya sebagai hamba-Nya. Dia enggan mengikut perintah Allah dalam Surah Al-Hijr ayat 85 yang bermaksud: "Dan (ingatlah) tiadalah Kami mencipta langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya itu, melainkan dengan cara yang swignguh liar dan berhikmat dan sesungguhnya hari kiamat itu tetap akan datang; oleh itu biarkanlah (golongan kafir yang mendustakanmu itu wahai Muhammad) serta layan mereka dengan cara yang elok."

Bergaul Dengan Golongan Tertentu Sahaja

Satu lagi sifat ego dalam diri kita ialah suka 'pilih bulu' dalam pergaulan. Jika kita daripada jemaah A, kita kurang mahu bercampur dengan jemaah B atas alasan dasar perjuangan yang berbeza sedangkan kita adalah bersaudara dalam satu agama iaitu Islam. Maka, kita lebih rela berpecah belah sesama Muslim daripada menjalin silaturrahim agar Islam bertambah kukuh.

Kadang-kadang kita juga hanya bergaul dengan mereka yang difikirkan setaraf dari segi kemewahan dan pangkat serta pendidikan yang ada. Ada juga yang mengangap diri telah cukup banyak ilmu akhirat, hingga enggan bergaul dengan mereka yang kononnya cetek dan tidak mengamalkan Islam sepenuhnya.

Terdapat juga golongan yang suka mengasingkan diri daripada mereka yang miskin dan susah. Mereka bimbang orang miskin itu akan menyusahkan diri mereka dari segi kewangan atau material. Kadang-kadang kita bergaul dengan seseorang hanya kerana 'ada undang di sebalik batu'.

Selalu Mengeluarkan Kata-kata Kesat dan Kasar

Tanpa disedari kita selalu berkasar dengan orang di sekeliling. Di rumah, seorang ibu atau ayah menunjukkan keegoannya dengan memaki anak-anaknya, biarpun anak hanya melakukan kesilapan kecil. Perkataan seperti 'anak degil', 'tak guna', 'keras kepala' dan 'bodoh' telah menjadi amalan biasa. Natijahnya, tidak hairanlah jika

dilihat apabila anak-anak bergaduh sesama mereka, perkataan yang sama akan dilafazkan.

Apabila anak-anak meningkat usia remaja dan seterusnya dewasa, mereka tidak lagi menghormati kita dan mengangap ibu bapa menyusahkan mereka. Puncanya hanya satu, kerana sewaktu kecil kita menganggap kehadiran mereka menyusahkan dan tidak menghormati mereka sebagai anak. Allah Subhanahu Wata'ala telah memerintahkan hamba-Nya agar sentiasa berkata dengan lemah lembut dan tidak kasar dalam berbahasa. Firman-Nya dalam Al-Qur'an Surah Ali 'Imran ayat 159 yang bermaksud: "Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu) dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepada-Nya."

Daripada ayat di atas, Allah Subhanahu Wata'ala bukan sahaja menitahkan hamba-Nya agar sentiasa berlembut dalam ucapan, malah mengingatkan bahawa perkataan yang kasar atau sifat yang kasar hanya menyebabkan ramai orang lari daripada mendekati diri kita.

Dalam Surah An-Nisaa' ayat 148 pula Allah ada berfirman yang bermaksud: "Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali oleh orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

Justeru, tanyakan diri, apakah selama ini kita sombong atau tidak? Jika ternyata sombong atau ego, ubahlah sikap agar diri akan disenangi oleh manusia yang dirahmati Allah. Amalkan sikap sabar kerana orang yang merendahkan diri tidak mudah marah. Tambahkan pula Allah Subhanahu Wata'ala mengarahkan kita sentiasa bersabar dan mengalahkan nafsu murahnya. Untuk membantu diri agar tidak berlaku sombong atau ego dengan manusia dan Tuhan, ingatkan diri bahawa diri kita tidaklah sehebat mana. Lebih ramai orang lain yang mewah, berpangkat, alim dan pemurah daripada kita. Malah, Allah jua yang melebihi keistimewaan daripada semua makhluk.

Kita ini tidak ada apa-apa, hanya diibaratkan seekor kuman di tengah padang yang luas tidak bertepi. Semoga kita tidak akan menjadi seperti Firaun yang sombong, angkuh dengan kemewahan dan kuasanya hingga melupai kuasa Allah. Akhirnya dia mati ditelan laut. Sebagai renungan bersama, hayatilah sebuah hadis di bawah. Semoga kita insaf dan mendapat iktibar daripadanya. Riwayat Al-Imam Muslim daripada Abdullah Radiallahuanhu katanya, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Tidak dapat masuk neraka seseorang yang terdapat iman dalam hatinya walaupun seberat biji bayam dan tidak akan masuk syurga seseorang yang dalam hatinya terdapat kesombongan walaupun seberat biji bayam."

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Rasuah di mana peranan dan tanggungjawab

RASUAH bermula apabila seseorang itu hendak mempercepatkan sesuatu urusan dan bagi melaksanakan urusan tersebut, wang ringgit mula digunakan. Jikalau gejala rasuah tidak dapat dibendung ia boleh menjadi penyebab punca keruntuhan ekonomi negara.

Sebagai rakyat kita sepatutnya mengambil berat tentang gejala rasuah agar tidak berlaku atau dalam sistem pentadbiran kerajaan mahupun di pihak swasta. Kita perlu sedar jikalau gejala rasuah berlaku dalam sistem pentadbiran kerajaan sudah sentuntunya berlaku pem-

baziran dalam perbelanjaan kerajaan. Pihak kerajaan dan masyarakat yang prihatin hendaklah memainkan peranan yang penting agar setiap aktiviti yang berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan berjalan dengan lancar dan tiada sebarang rasuah di dalamnya.

Gejala rasuah sebenarnya boleh dibendung bila negara kita menggunakan kaedah e-kerajaan, di mana tidak wujud sistem pengurusan secara manual, sebaliknya segala urusan dilakukan melalui internet dan komputer sahaja. Ia dapat mempercepatkan lagi setiap urusan tanpa perlu mengira siapa

sahaja. Jika struktur pelaksanaan projek yang baik serta pemberian projek yang adil, pengawasan dan pelaksanaan sistem audit yang telus kita pasti gejala rasuah akan dapat dibanteras sebaik mungkin.

Amalan rasuah tidak akan berlaku jika setiap individu itu berintegriti dan menghayati nilai-nilai murni. Di alam persekolahan murid-murid telah mempelajari pelajaran sivik yang banyak mendidik mereka memahami dan mempraktikkan sifat bertanggungjawab, amanah, jujur, tolong-menolong dan lebih-lebih lagi pengetahuan yang berhubung kait dengan rasuah

juga diajarkan. Kesedaran dalam memahami dan menghayati bahaya rasuah bukan saja di sekolah rendah malah baik di peringkat menengah tinggi mahupun di setiap jabatan-jabatan kerajaan.

Sejak kebelakangan ini kita sering mendengar penyelewengan dan salah guna kuasa dengan rela menghulur duit kopi kepada pegawai penguat kuasa kalau ditahan melakukan kesalahan di jalan raya. Misalnya orang yang ditahan sanggup menghulur \$50.00 daripada ke mahkamah dan membayar denda \$300.00.

Secara rasionalnya jika difikirkan adalah lebih

baik membayar denda daripada memberi rasuah. Kesalahan dalam melakukan rasuah juga begitu berat dan salah di dalam hukum agama. Begitu juga rasuah boleh menjatuhkan maruah seseorang.

Secara kesimpulan, amalan rasuah boleh menyejatkan kecekapan dan produktiviti di tempat kerajaan dan juga melambatkan proses pembangunan negara. Negara Maju Tanpa Rasuah.

Haji Azreem bin Haji Ramli,
No. 6, Simpang 74-41-31, Kampong Mata-Mata Gadong, BE 1718.
No. k/p: 00-124710.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Keselamatan Makanan Untuk Kesejahteraan Semua'. Tarikh tutup 9 Mei 2007.
2. 'Mengekalkan Permainan Tradisi'. Tarikh tutup 16 Mei 2007.
3. 'Ponteng Sekolah/Lepak Semakin Berleluasa'. Tarikh tutup 23 Mei 2007.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunei.bn

Membanteras rasuah tanggungjawab bersama

KEKAYAAN dan pangkat merupakan di antara beberapa perkara yang dapat dicapai dalam masa yang singkat. Contohnya, melalui pembayaran wang atau jaminan kemewahan yang berterusan atau lebih dikenali sebagai rasuah.

Setiap pengguna wajib mengambil langkah sentiasa berwaspada, agar tidak terlibat dalam jenayah sebegini. Kehendak individu itu tetap akan dipenuhi dengan memberi imbuhan kepada yang menolong. Akan tetapi, wajarlah perbuatan ini, sedangkan terdapat golongan lain yang berhempas pulas dalam mencari rezeki demi untuk mendapatkan sesuatu nasi? Di manakah letaknya akal dan kewarasan si penjenayah? Di mana pula peranan dan tanggungjawab kita?

Dalam dunia moden ini, kita bersaing sesama sendiri untuk menaikkan taraf hidup masing-masing. Namun, dalam masa yang sama, mata kita turut menyaksikan perbuatan-perbuatan yang tidak masuk akal, yang tidak sepatutnya dilakukan oleh insan

yang berakal. Manusia sanggup menyogok manusia lain untuk pelbagai alasan, seperti mendapatkan pangkat pekerjaan yang lebih tinggi, membeli tanah tanpa sebarang cagar, mengelak daripada diperiksa oleh pihak tertentu dan sebagainya.

Apa yang perlu kita lakukan? Langkah pertama dimulakan dengan diri sendiri; hindari diri dari menyogok orang lain. Apabila kita mengamalkan gaya hidup yang sah dari segi undang-undang, kita

akan merasa lebih yakin untuk menghalang masyarakat sekeliling daripada terlibat sama. Bagi masyarakat yang beragama Islam, perlu sentiasa diingatkan diri bahawa rasuah ditegah dari segi hukum-hukum Islam.

Seterusnya, kita perlu sentiasa mengingatkan sesama sendiri akan padah mengamalkan rasuah. Manusia sentiasa alpa tatkala melihat kesenangan dan kemewahan di depan mata. Ini bukan maknanya kita sibuk menjaga tepi kain

orang, tetapi kita prihatin terhadap keadaan sekeliling.

Langkah terakhir, jangan mengambil sikap sambil lewa, ataupun perbuatan 'camah mata'. Laporan segera kejadian yang kita lihat sendiri ataupun yang diketahui, kepada pihak berkuasa. Jika tidak, kita akan dianggap sama-sama bersubahat dengan si penjenayah, secara tidak langsung. Kita tidak perlu merasa takut kerana negara kita ada undang-undang.

Kesimpulannya, perbuatan mengamalkan rasuah hanya akan mendatangkan kesenangan untuk tempoh yang singkat. Bak kata pepatah, 'sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga'. Fikir-fikirlah.

Amal Zafirah binti Haji Mohd. Yusof,
No. 601, Kampong Dato Gandhi, Jalan Kota Batu, BD1717.
No. k/p: 01-032298.

Orang ramai perlu tampil ke hadapan

RASUAH adalah merupakan satu amalan yang berbentuk penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan diri sendiri. Rasuah itu salah dari segi undang-undang, di samping dapat mengancam keselamatan negara. Dari sudut agama, ianya adalah di antara perbuatan yang dikeji oleh Allah.

Menjadi peranan dan tanggungjawab semua pihak untuk bersama-sama memastikan amalan rasuah ini tidak akan berleluasa iaitu dengan cara mence-

gahnya sekali gus menghapuskannya. Terdapat dua pihak yang memainkan peranan penting di sini iaitu BMR dan orang awam. Biro Mencegah Rasuah bertindak untuk memerangi rasuah iaitu dengan bantuan dan kerjasama daripada semua pihak penduduk dalam mencapai matlamatnya.

Tertubuhnya BMR di Negara Brunei Darussalam ini adalah sebagai salah satu langkah bijak bagi membanteras kegiatan rasuah. Matlamat utama BMR ini adalah

untuk menegakkan kewibawaan Perkhidmatan Awam dengan cara membasmi dan menghapuskan rasuah serta membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan. Ini dapat dicapai dengan menjalankan langkah-langkah pencegahan dan juga menjalankan penyiasatan ke atas maklumat dan laporan yang diterima oleh BMR.

Antara langkah-langkah pencegahan yang dijalankan oleh BMR termasuklah menyebarkan surat-surat keliling dan pelbagai maklumat yang berkaitan

dengan rasuah. Dengan cara ini orang ramai akan lebih peka serta mengambil iktibar mengenai perkara-perkara yang berkaitan. Selain itu adalah dengan mengadakan ceramah-ceramah dan seminar. Tujuannya adalah untuk memberi pendedahan kepada orang ramai tentang bahaya amalan rasuah ini di mana ia boleh mengancam kemajuan negara.

Mereka juga akan membuat perangkaan bagi mengenal pasti kadar berlakunya kegiatan rasuah. Siapa yang selalu me-

lakukan rasuah? Di mana ia selalu berlaku dan mengapa ia berlaku? Ini dibuat dengan harapan agar langkah-langkah tertentu boleh dilakukan untuk mengatasi rasuah dari berlaku.

Secara umumnya, orang ramai berperanan untuk melaporkan kegiatan rasuah ini kepada pihak yang berwajib. Tujuannya bukanlah semata-mata untuk 'menjaga tepi kain orang' tetapi ia adalah untuk membebaskan kita daripada anasir-anasir buruk yang dapat merun-

tuhkan martabat negara itu sendiri.

Orang ramai seharusnya lebih berani untuk mengatasi masalah ini agar tidak merugikan kita di kemudian hari, bak kata pepatah 'sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna'.

Siti Norhazirah binti Haji Ahmad,
No. 1, Simpang 27, Jalan 24, Perumahan Kampong Rimba, Gadong, BE 3319.
No. k/p: 01-031057.

Lawatan kerja eratkan silaturahmi

KUALA BELAIT, Sabtu, 14 April. - Dalam rangka menjalin silaturahmi dan kerjasama antara Republik Indonesia dan Negara Brunei Darussalam, Timbalan Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Jacobson telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Daerah Belait dan beberapa buah jabatan-jabatan kerajaan di daerah ini.

Tuan Yang Terutama berserta rombongan tiba ke

**Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**
saidah.omaralli@information.gov.bn

Jabatan Daerah Belait dengan dialu-alukan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, Morni Haji Zakaria dan pegawai-pegawai jabatan tersebut. Di sana rombongan Kedutaan Besar Republik Indonesia mendengar taklimat mengenai latar belakang Daerah Belait dan struktur organisasi

dan fungsi Jabatan Daerah.

Menyertai rombongan TYT, Atase Pertahanan Republik Indonesia, Herawan Adji; Menteri Konsuler, Syarifuddin; Setiausaha Kedua Ekonomi, Yadi Suriahadi dan Setiausaha Ketiga, Syafril.

Dari Jabatan Daerah,

TYT dan rombongan meneruskan lawatan ke Jabatan Imigresen, Jabatan Buruh, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei Daerah Belait dan Syarikat Minyak Brunei Shell.

Lawatan bertujuan untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai permasalahan yang dihadapi warganegara Indonesia yang berada di daerah ini dan jalan penyelesaian yang terbaik bagi menyelesaikan masalah mereka.



TIMBALAN Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Jacobson bersama rombongan mendengar taklimat semasa mengadakan lawatan ke Jabatan Daerah Belait.

REMAJA

JANGAN GADAIKAN HARAPAN

MUNGKIN ramai yang akan merasa kecewa bila mengetahui ramai yang terkorban di jalan raya adalah merupakan kalangan remaja belia yang ada sesetengahnya baru sahaja mula mendapat lesen memandu kereta yang sah. Kalaupun statistik kemalangan ini terus meningkat, ini suatu petanda yang amat merugikan kita. Kita akan banyak kehilangan dan kerugian generasi muda belia yang menjadi aset agama, negara dan bangsa kita, hilang begitu sahaja dan dalam tempoh yang hanya sekelip mata. Bayangkanlah kalau kita kekurangan generasi yang disemai dengan pengetahuan dan pengalaman tiba-tiba mereka hilang dan menjadi mangsa kemalangan di jalan raya. Menurut kajian bilangan kemalangan jalan raya yang berlaku kebanyakannya melibatkan para remaja dan muda belia. Banyak juga yang mempertikaikannya lantaran sememangnya tidak ada dalil atau petunjuk yang dapat mengetarakan hal sedemikian ini. Namun begitulah yang perlu diberikan perhatian.

Kalangan remaja selalu menjadi mangsa kemalangan di jalan raya. Hal ini berlaku kerana berpunca dari kecuai, tidak mematuhi peraturan di jalan raya dan juga yang paling menyedihkan sikap dan perangai ketika memandu sehingga ada yang sanggup memandu tanpa mempunyai lesen memandu yang sah. Perkara sedemikian ini selalunya mengundang kepada terjadinya kemalangan di jalan-jalan raya. Statistik menunjukkan bahawa kemalangan jalan raya juga merupakan punca yang menyebabkan kematian di jalan raya. Ia disenaraikan sebagai salah satu dari hal yang menyebabkan kematian yang berjumlah besar, selain dari penyakit jantung dan sebagainya. Meskipun pelbagai punca dan sebab menjadi berlakunya kemalangan di jalan raya, belia remaja haruslah lebih berhati-hati kerana yang terlibat adalah kebanyakannya di kalangan mereka.

Kesukaan dan kegembiraan di kalangan generasi belia remaja ketika memandu memang tidak boleh dinafikan. Bayangkan sahajalah kereta diubahsuai, kereta ditokok tambah dan sebagainya, semuanya ini lebih banyak menyumbang kepada kemalangan yang keseronokan. Apabila khutbah Jumaat dari mimbar yang mulia menyarankan bagi semua pihak mengambil langkah perlu bagi membanteras dari terus berlakunya kemalangan jalan raya adalah suatu yang amat serius. Hal ini tidak boleh dipandang ringan dan dibiarkan berlaku begitu sahaja. Adalah wajar kalangan yang menjadi mangsa kepada hal sedemikian ini melihat akan keadaan diri dan apakah yang menjadi punca sehingga berlakunya hal sedemikian ini. Memang suatu yang amat merugikan andainya kita semakin tidak memperdulikan hal ini, kerana dalam keadaan kemudahan jalan raya yang terbaik dibina ia pula menjadi punca kemalangan yang membawa maut.

Kita tidaklah boleh menjadikan kenderaan yang kita miliki menjadi punca untuk kita merasa ego dengan apa yang kita miliki, lupa bahawa apa yang kita miliki hanyalah sementara dan pinjaman belaka. Kenderaan yang menjadi milik kita atau keluarga kita hendaklah kita jadikan sebagai sumber yang sebaiknya untuk menjadi alat yang membantu kita dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita seharian. Banyak langkah telah dilakukan oleh pihak berkenaan dalam mewujudkan suasana jalan raya adalah merupakan tempat yang paling selamat. Jalan-

OLEH : H. A. MANAP

jalan raya disediakan sebagai sebahagian dari infrastruktur yang akan memudahkan kita berkomunikasi. Jalan-jalan raya penting sebagai alat yang akan memudahkan perhubungan di bidang pengangkutan. Kita bersyukur di negara kita konsep pembinaan jalan-jalan raya begitu setanding dengan kebanyakan negara yang memiliki infrastruktur jalan rayanya. Penjagaan jalan-jalan raya juga begitu diambil perhatian yang berat. Pemeliharaan ini bertujuan agar jalan-jalan raya merupakan tempat perhubungan yang boleh membantu dan bukannya merupakan gelanggang yang akan memusnahkan.

Salah satu langkah positif dalam mengurangkan kemalangan-kemalangan di jalan-jalan raya ialah adanya sekolah-sekolah memandu yang diwujudkan di negara kita ini. Tujuannya tidak lain tidak bukan ialah untuk menanamkan keilmuan dan juga mengajar mereka yang akan memandu kereta dengan cara yang betul dan berhemah. Memang banyak yang merasa bimbang dan khuatir jika pemandu-pemandu kereta tidak mahu mematuhi peraturan dan undang-undang jalan-jalan raya, maka ia akan mengakibatkan jumlah kemalangan yang semakin bertambah. Kemalangan jika berlaku bukan sahaja akan melibatkan banyak pihak akan tetapi ia juga mengorbankan banyak perkara dari harta benda

hinggalah kepada nyawa pemandu juga dalam keadaan terancam. Justeru, perhatian perlu digembleng agar suasana di jalan raya adalah sangat kondusif untuk kita memandu.

Kenapa jumlah kemalangan lebih banyak melibatkan generasi remaja dan muda belia? Ini berlaku kerana cara dan hemah memandu itu adakalanya tidak pernah diambil perhatian. Pengubahsuaian kereta juga memainkan peranan yang menyumbang kepada berlakunya kemalangan ini. Pengubahsuaian ini ada kalanya mencapai kepada satu tahap yang kereta dipandu itu tidak begitu selamat untuk digunakan. Namun meskipun keadaan diketahui, nyatanya natijah dari apa yang akan berlaku tidak diambil endah. Akhirnya bila keadaan sedemikian ini berlarutan maka berlakulah kemalangan yang melibatkan banyak pihak dan harta benda. Kematian, kecacatan dan kerugian sering menyelimuti keadaan bila berlaku sahaja kemalangan. Salah satu lagi faktor yang kini menyumbang kepada berlakunya kemalangan ialah menggunakan telefon bimbit ketika memandu, hal ini sangat bahaya di lakukan. Namun meskipun jelas ia bahaya, tidak pula ada inisiatif individu untuk mengelak dari terus menggunakannya. Inilah fenomena yang tidak mungkin akan dapat kita selesaikan, meskipun pelbagai langkah positif diungkuhkan oleh pelbagai pihak. Justeru generasi muda remaja yang baru sahaja lulus lesen memandu hendaklah sentiasa berhati-hati ketika memandu.

Pandu dengan berhemah, tunaikanlah pengetahuan semasa mengikutnya di sekolah memandu. Hal ini jika diambil perhatian yang serius akan dapat mewujudkan suasana pemanduan yang lebih selesa. Semua orang menginginkan jalan-jalan raya sebagai alat perhubungan yang selamat. Keadaan ini bila mampu kita wujudkan ia akan membantu dalam melicinkan proses kerja dan pada waktu yang sama ia boleh meningkatkan kedayapayaan kita bekerja dan berurusan. Cuba bayangkan kalau jalan-jalan raya dijadikan sebagai gelanggang perlumbaan, tentu ini akan mewujudkan satu keadaan yang sangat membahayakan. Perlumbaan yang selalunya diadakan pada waktu-waktu kesibukan jalan raya tidak berlaku, boleh sahaja mengundang masalah besar. Jika berlaku kemalangan ia bukan hal yang sedikit akan dihadapi.

Tahapnya ada kala meragut nyawa orang yang terlibat, menjadikannya cacat seumur hidup dan banyak lagi implikasi negatif terpaksa dihadapi. Lain halnya lagi kalau ia melibatkan orang yang tidak berdosa dan lebih berperaturan memandu, tentu ini menimbulkan kesan yang sangat menyedihkan. Suasana kebisingan kereta yang dipandu juga selalunya menjadi gangguan kepada pemandu lain. Ini berlaku apabila kereta diubahsuai dengan menyediakan kemudahan-kemudahan alat mendengar seperti radio dan alat pembesar bunyi diubahsuai menghasilkan bunyi yang sangat tidak diingini. Berhemah dalam erti kata menghormati hak orang lain ketika memandu adalah merupakan ciri penting untuk diambil kira. Jalan raya harus dijadikan suatu yang mendatangkan dan manfaat besar bagi diri kita bukannya untuk menjadi bencana yang memusnahkan kehidupan. Justeru di sinilah kita perlu lebih memahami bahawa pada generasi muda belia dan harapan besar agama, bangsa dan negara. Pada mereka ada mesej kehidupan yang perlu dilaksanakan. Namun jika hal ini tidak diambil endah maka mendapat kerugian yang sepatutnya dapat dielakkan seperti kemalangan di jalan raya. Jagalah dan sempurnakanlah di sana ada hak orang lain dan kita semua demi keselamatan bersama.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar 771 keluaran 18 April 2007, ialah :

Wasai Rampayoh Labi, di Daerah Belait.

ALAI PINTAR



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 773

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 773,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 773

1. Apakah nama tempat menarik ini?
2. Di manakah letaknya?

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 771 keluaran 18 April 2007

Nor Maziah Khairin binti
 Abdul Rahman,
 Sekolah Nusa Laila Puteri
 Umur : 10 tahun

Nurul Syazwana binti Mohd. Nizam
 Sekolah St. George
 Umur : 6 tahun

Awangku Abdul Hafiz bin
 Pengiran Sakdi,
 Sekolah Menengah Pehin Datu Seri
 Maharaja, Mentiri.
 Umur : 13 tahun

MURBA yang berjaya pahlawan sudah dapat menandingi ketangkasan Komeng. Kejayaan yang dicapai oleh Murba itu telah mengundang kebencian Komeng terhadapnya yang selama ini tidak mahu mengikuti sebarang pukulan gendangnya, apa lagi untuk menari bersamanya.

Ini yang membuatkan Komeng tidak merasa tenteram. Apa lagi jika sesuatu yang berharga ada pada orang lain yang tidak sebulu dengannya, maka Komeng tanpa segan silu akan mereka-reka cerita bahawa benda itu adalah memabukkan dan sangat berbahaya.

Jika teman ataupun rakan-rakan yang tidak mahu menari bersama Komeng maka orang itu akan dilabel sebagai musuh dan akan dicanangkannya ke pelusuk belantara, bahawa itu-lah petualang yang wajib dihapuskan.

Komeng memang suka bercakap besar. Atau sudah menjadi tabiatnya bercakap besar. Atau sengaja bercakap besar guna menjaga martabatnya selaku seorang yang punya kuasa besar. Walaupun batang tubuhnya sekecil cacing kerawit yang sudah pun dirobot, kuasakan oleh batang tubuh orang lain.

Komeng terpaksa membuka cerita lama dengan menghasut Megat agar menari bersamanya sekali lagi. Megat tidak punya pilihan selain dari menjadi kerbau yang dicucuk hidung, kerana tidak ingin peristiwa desanya menjadi padang jarak padang tekukur berulang kembali.

Megat dan anak cucunya pernah menderita angkara Komeng bersama konco-konconya. Megat cuma ingin mengambil balik hak miliknya yang dirampas oleh Komeng. Kali ini Megat harus berhati-hati jika berdepan dengan orang yang pernah membakar hangus desanya yang sampai sekarang masih wujud kesan-kesan asap atomnya.

Megat terpaksa menari bersama Komeng.

Komeng memang seorang pendekar yang licik, mata dan telinganya amat tajam. Tipu muslihatnya halus, buah caturanya begitu lancar dan mudah lulus di mana saja. Kerana itu dia perlu mendapatkan rakan yang paling rapat dengan Murba bagi melunaskan misinya itu.

Wira. Itulah satu-satunya orang yang akan dapat membenamkan jarum suntikannya yang beracun itu ke jasad Murba, walau terlalu lama untuk menemui kematian. Cepat atau lambat Komeng tidak kisah itu memang permainan Komeng, pokoknya musuh wajib dilumpuhkan.

Demi kepentingan status Komeng terpaksa menggadai maruahnyanya yang sememangnya sudah lama tergadai itu, maka Komeng wajib bermuka-muka dengan musuh lamanya yang tidak rasmi itu untuk membuka lambaran baru dan bersahabat dengan Wira, walaupun selama ini mereka tidak pernah bertegur sapa, apa lagi untuk bermesra dan menari bersama.

Jauh di lubuk hati Komeng yang busuk mengalahkan bangkai itu terselit beberapa ekor udang di balik batu, dia menggunakan Wira sebagai batu loncatan untuk menundukkan Murba yang bermata sepet sama seperti Wira itu.

Komeng masih boleh senyum walaupun dalam jiwanya sudah lama menangis dan merintih akibat kesedihan luka yang ditorehnya sendiri. Dia banyak kawan dan rakan yang boleh menolongnya seratus persen. Semua orang-orang ini berada di dalam genggamannya yang bila-bila masa saja boleh dipulas telinga dan dicucuk hidung jika Komeng mahu, malah mereka ini juga sudah lama relaks dalam kecek seluarnya.

Mereka semua ini sudah termasuk dalam menu masakan harian Komeng.

Wira tahu sifat dan kelakuan serta tabiat buruk Komeng yang cuma ingin memperalatkan dirinya agar bermusuhan dengan Murba yang sudah menjadi duri dalam dagingnya sekarang.

Itulah lakonan Komeng. Itulah juga diri Komeng yang sebenarnya, tapi Komeng silap besar, Wira dengan Murba bersahabat karib sejak lama yang sambat malamari bertukar hasil tanaman, punggah-memunggah barang muatan tanpa gangguan.

Wira memang tidak suka bergaduh dengan sesiapa pun, apa lagi dengan Murba yang sebauh sejinjing dan segelanggang dalam banyak hal. Murba tahu Wira tidak akan patuh kepada kehendak Komeng yang sudah nyata mempunyai niat yang serong itu. 'Pepat di luar dan rencong di dalam'.

Komeng semakin diburu ketakutan apa bila Murba sudah berjaya membuat peralatan sendiri seperti sumpitan beracun yang dibancuh sedikit dengan bahan kimia, tombak terbang automatik, panah berpandu dan banyak lagi yang ditakuti oleh Komeng yang baginya sangat merbahaya.

Itulah Komeng yang suka menjaga tepi kain orang lain, walaupun tepi kainnya sendiri koyak rabak tidak terurus. Tapi bagi Murba semua itu cuma untuk mempertahankan desanya dari diceroboh oleh musuh. Terutamanya musuh dalam selimut mahupun gunting dalam lipatan seperti Komeng.

Wira cuma mempersembahkan ala kadar kebenciannya terhadap Murba. Wira tau jika dia tidak melakukannya demikian, maka dia juga akan menerima nasib seperti Megat, walaupun Wira merasakan bahawa Komeng tidak akan berani berbuat demikian terhadapnya.

Wira cuma bermasam muka dengan Murba di waktu siang hari ketika cuaca terang-benderang, tapi bila tiba waktu malam yang gelap gelita mereka bersenda gurau dan bergelak ketawa sambil berlatih di gelanggang masing-masing demi untuk mempertahankan diri.

Komeng tahu bahawa Wira tidak *serious*. Tapi dia tidak terlalu berani untuk memaksa Wira kerana Wira mempunyai sepasang mata yang galak. Dua pasang mata ini tidak senang untuk ditundukkan seperti Megat dulu.

Wira juga bijak menerlah Komeng yang umpama seekor ular berbisa pada bila-bila masa saja akan membelit dirinya jika kurang hati-hati. Wira tidak akan pernah lupa pada apa yang telah diperlakukan Komeng terhadap desa seberang batasannya yang juga tidak secocok dengan Komeng.

KOMENG memang suka bercakap besar. Atau sudah menjadi tabiatnya bercakap besar. Atau sengaja bercakap besar guna menjaga martabatnya selaku seorang yang punya kuasa besar. Walaupun batang tubuhnya sekecil cacing kerawit yang sudah pun dirobot kuasakan oleh batang tubuh orang lain.

LEBIH TARI DARI GENDANG



CERPEN

Oleh : Maya Brunei

Komeng tewas teruk dan maruahnyanya tergadai, tapi sayang semua itu tidak mampu memberikan pengajaran kepada Komeng dan konco-konconya yang dua kali lima dengannya.

Komeng memang tidak pernah serik melihat dirinya yang sudah menjadi patung bernyawa itu. Komeng sering tewas di tangan musuh-musuhnya tapi enggan mengaku kalah, malah dengan angkuh menganggap dirinya tetap hero yang akan memimpin seluruh belantara itu. Itulah antara cakap besar yang sering dianggunkannya oleh Komeng.

Sebenarnya Komeng cukup tertekan oleh anak angkat-

nya Jenang yang sekali gus menjadi anak emasnya, hingga Komeng sendiri terpaksa bergantung dalam banyak hal kepada Jenang. Jika silap-silap laku mahupun tutur kata, Komeng sendiri yang akan hidup merempat mengalahkan peminta sedekah. Komeng terpaksa akur dengan segala macam perlakuan anak emasnya itu.

Jenang yang sejak kecil lagi diasuh dan dididik oleh Komeng untuk menjadi lanun lebih lima dekad lalu itu sentiasa berada dalam ketakutan, walaupun Jenang sudah cukup terlatih untuk bermain apa saja senjata. Kerana Jenang juga tau desa tempat mereka berteduh sekarang bukannya hak mutlak mereka yang pada bila-bila masa saja akan kembali kepada yang berhak. Jenang semakin ganas dan menganas.

Komeng sebenarnya adalah sebuah robot yang dikendalikan dari jarak jauh oleh Jenang, anak emasnya sendiri. Apa pun yang dilakukan oleh Jenang sememangnya mendapat restu dari Komeng, kerana setiap detik degupan jantung dan denyutan nadi Komeng berada dalam tubuh badan Jenang.

Ini yang membuatkan Komeng tidak boleh senang diri. Duduk salah berdiri pun salah. Komeng harus bekerja keras untuk mencari kambing hitam ke sana sini bagi menaja semua pelakuan dan kejadian yang dilakukan oleh Jenang agar pekong di dadanya tidak meletup.

Dengan taktik kotor dan licik seorang pendekar, Jenang sudah berjaya menghan-curleburkan desa batasannya dengan begitu tenang dan teratur. Komeng harus berusaha dengan lebih gigih lagi. Murba mesti dihapuskan jika tidak Komeng dengan mudah saja akan hilang kuasa dan menjadi spesies yang paling hina di mata Jenang.

Komeng memukul canang ke seluruh belantara mengatakan Murba hendak mengamuk. Ini cuma disebabkan sedikit pertunjukan bunga api yang dipasang oleh Murba di halaman pondoknya dalam kejayaannya menghasilkan senjata baru yang diperbuatnya sendiri itu. Walhal senjata-senjata seperti itu sudah pun berlambak dimiliki oleh rakan-rakan Komeng yang lain, tetapi yang ini Komeng tutup mata dan sumbat ke lubang telinga.

Apa yang Komeng boleh lakukan cuma menari walaupun tariannya itu lebih dari gendang. Dia sekarang tengah sibuk mengatur bunga api di halaman pondok Megat yang kononnya untuk menangkis apa yang akan dilakukan oleh Murba seorang pendekar yang tidak mahu tunduk kepadanya itu.

Komeng benar-benar telah menjadi robot. Jenang pula akan tetap menjadi lanun yang ganas dan akan sentiasa bergaduh serta berbunuh-bunuhan kerana itu baginya cuma satu gurauan rutin hariannya yang direstui oleh Komeng.

Jenang adalah Komeng dan Komeng adalah Jenang. Kalau cuma Murba seorang yang menjadi sateri untuk menentang kejayaan dan keganasan yang ditaja dan dilakukan sendiri oleh Jenang yang bertopengkan Komeng, itu sudah nyata hasilnya akan kosong. Kerana itu Murba harus mencari pendekar tulen jati yang bersemangat waja.

Persoalannya sekarang ...? Desa manakah yang akan sanggup menjadi debu dan padang jarak padang tekukur sebagaimana hancurnya desa Megat enam puluh tahun dulu, seandainya Komeng mengambura ...?

JENANG adalah Komeng dan Komeng adalah Jenang.

Kalau cuma Murba seorang yang menjadi sateri untuk menentang kejayaan dan keganasan yang ditaja dan dilakukan sendiri oleh Jenang yang bertopengkan Komeng, itu sudah nyata hasilnya akan kosong. Kerana itu Murba harus mencari pendekar tulen jati yang bersemangat waja.

KELUARAN SETEM BERSAMA DI ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DENGAN MALAYSIA 'HIDUPAN LAUT YANG UNIK'

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
BRUNEI DARUSSALAM



Malaysia 2006 50 sen



5.2.2007
BIRO FILATELI
Kuala Lumpur
Malaysia 50 sen



Joint Issue Brunei Darussalam-Malaysia



سمفول سورت راسمي هاري قرتام
Official First Day Cover

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Perkhidmatan Pos telah mengeluarkan setem yang tersebut di atas pada 6 Februari 2007.

Dalam hubungan ini sukacita dimaklumkan bahawa keluaran setem ini adalah keluaran bersama Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia, maka jabatan ini akan menjual keluaran setem tersebut yang mana setem Negara Brunei Darussalam dan setem Malaysia disatukan di Sampul Surat Hari Pertama dengan menggunakan cap masing-masing berharga \$3.40 sekeping dan telah dijual mulai 1 Mei 2007.

Berhubung perkara ini orang ramai yang berminat bolehlah mendapatkan keluaran setem berkenaan

bersama Sampul Surat Rasmi Hari Pertama ini semasa waktu bekerja di Cawangan Pejabat Pos seperti berikut :

1. Galeri Setem, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan.
2. Pejabat Pos Lapangan Terbang Lama Berakas.
3. Pejabat Pos Sengkulong.
4. Pejabat Pos Muara.
5. Pejabat Pos Tutong.
6. Pejabat Pos Seria.
7. Pejabat Pos Kuala Belait.

PERADUAN MENCIPTA POSTER 'KECEKAPAN DAN PENJIMATAN TENAGA'

PENGENALAN

KEMPEN kesedaran mengenai Kecekapan dan Penjimatan Tenaga berhubung kait dengan minyak, gas dan elektrik adalah merupakan salah satu inisiatif yang diberikan keutamaan oleh Pejabat Menteri Tenaga, Jabatan Perdana Menteri.

Ianya bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mengenai sumber-sumber tenaga yang ada serta pentingnya kecekapan dan penjimatan dalam penggunaan tenaga.

Bagi memantapkan lagi usaha menyerap kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai akan pentingnya Kecekapan dan Penjimatan Penggunaan Tenaga, Pejabat Menteri Tenaga, Jabatan Perdana Menteri menganjurkan Peraduan Melukis Poster yang menggambarkan konsep dan erti Kecekapan dan Penjimatan Tenaga. Sehubungan dengan ini, tarikh tutup bagi Peraduan Melukis Poster ialah pada **hari Sabtu, 16 Jun 2007.**

SYARAT DAN PERATURAN

1. Terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang **berumur 17 tahun ke atas pada 1 Januari 2007;**
2. Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih dari satu lukisan;
3. Setiap lukisan hendaklah mencerminkan perspektif Brunei dan menggambarkan konsep dan erti Kecekapan dan Penjimatan Tenaga;
4. Ukuran atau saiz poster hendaklah bersaiz minima A2 (420 mm x 594 mm);
5. Setiap peserta hendaklah menerangkan tidak lebih 200 patah perkataan dalam bahasa Melayu atau Inggeris mesej lukisan tersebut.
6. Setiap lukisan mestilah asli dan bukan saduran atau adaptasi daripada mana-mana lukisan hak milik syarikat atau orang

perseorangan di dalam dan luar negeri;

7. Penggunaan alat-alat lukisan poster
 - * Dilukis dengan cara konvensional dengan menggunakan warna air, warna poster, pensel warna, crayon, cat minyak atau campuran kesemua bahan;
8. Setiap lukisan poster yang dihantar akan menjadi hak milik (harta intelek) Pejabat Menteri Tenaga, Jabatan Perdana Menteri; dan,
9. Pihak penganjur berhak secara mutlak untuk memilih lukisan poster yang berjaya untuk penerbitan.

PENGHANTARAN

1. Semua penyertaan hendaklah menyatakan butir-butir seperti berikut dengan menyertakan bersama kad pengenalan:
 - a. Nama
 - b. Alamat
 - c. Nombor Kad Pengenalan
 - d. Nombor Telefon Untuk Perhubungan
2. Semua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat daripada 16 Jun 2007, pukul 3.00 petang;
3. **Taklimat penerangan peraduan akan diadakan pada 7 Mei 2007, pukul 9.00 pagi bertempat Institut Perkhidmatan Awam, Rimba dan peserta yang berminat bolehlah memaklumkan dengan menghubungi melalui nombor telefon 2384488 sambungan 216 atau 2381298;**
4. Lukisan poster hendaklah dihantar kepada:

Bahagian Tenaga,
Jabatan Perdana Menteri,
Tingkat 5,
Bangunan Bahirah,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam.
5. Keterangan lanjut bolehlah didapati dengan menghubungi

Pejabat Menteri Tenaga, Jabatan Perdana Menteri yang beralamat seperti di atas atau melalui nombor telefon 2384488 sambungan 216 atau 2381298.

PENGHAKIMAN

1. Penilaian dan pemilihan bagi pemenang peraduan dibuat berasaskan kepada:
 - * Kesesuaian lukisan dengan konsep Kecekapan dan Penjimatan Tenaga;
 - * Tulen, asli, tersendiri dan perspektif Negara Brunei Darussalam (kebruneian);
 - * Impak dan keberkesananannya (catchy); dan,
 - * Unik.
2. Penilaian dan pemilihan bagi pemenang peraduan akan dilaksanakan oleh satu panel hakim yang dilantik oleh Pejabat Menteri Tenaga, Jabatan Perdana Menteri;
3. Keputusan panel hakim adalah muktamad dan akan dimaklumkan melalui Pejabat Menteri Tenaga, Jabatan Perdana Menteri.

HADIAH

Pemenang melukis poster akan menerima hadiah wang tunai dan sijil penyertaan:

Pemenang pertama	: B\$2,000.00
Pemenang kedua	: B\$1,500.00
Pemenang ketiga	: B\$1,000.00

ANJURAN

Bahagian Tenaga,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.



Diterbitkan dengan kerjasama
Dewan Bahasa dan Pustaka

ISTILAH PERTANIAN PERLINDUNGAN TANAMAN

BAHASA INGGERIS

defective virus
defensive secretion
deficiency disease
definitive host
defoliation
dendrophilus
density-dependent factor

depauperate colony
dependent transmission
dependent virus

deposit

desert locust

diagnosis

diamond back moth

diazoben

dichlofluanid

dichlone

dichttomous key

dicing beetle

die-back

differential host

differential test plant

digonik hermaphrodite

diluent

dilution end-point

disease complex

disease containment

disease curve

disease cycle

disease detection

disease escape

disease forecast

disease gradient

disease incidence

disease intensity

disease losst

disease management

disease outbreak

disease potential

disease prevalence

disease progress

disease pyramid

disease range

disease reservoir

disease resistance

disease scoring

disease severity

disease spread

disease threshold

disease tolerance

disease triangle

disinfectant

disorder

dispersal

dipsal flight

dispersal gradient

dissemination

distitarsus

distortion

dolipore spot

dollar spot

dosage

dose

double guiding ring

double infection

double stranded virus

downy mildew

drift spray

driver ants

drone

drone brood

drone comb

drone fly

drone layer

drone trap

drooping

drop spectrum

droplet size

dry bubble disease

dry rot

dual culture

dung fly

dust

dutch elm disease

dwarfing

ear rot

BAHASA MELAYU

virus defektif
rembesan petahan diri
penyakit kurang zat
perumah tetap
peranggasan
dendrofilus
faktor kepadatan
tertakluk

koloni lemah
penularan bergantung
virus bergantung
deposit

belalang gurun

diagnosis

rama-rama intan

diazoben

diklofluanid

diklon

kekunci diktomi

kumbang selam

mati rosot

perumah pembeza

pokok uji pembeza

hermafrodit digonik

pencair

penghujung kecairan

kompleks penyakit

pembendungan penyakit

lengkuk penyakit

kitar penyakit

pengesanan penyakit

terhindar penyakit

ramalan penyakit

kecerunan penyakit

keberlakuan penyakit

keamatan penyakit

kerugian penyakit

pengurusan penyakit

wabak penyakit

keupayaan penyakit

kelaziman penyakit

perkembangan penyakit

piramid penyakit

julat penyakit

sumber penyakit

ketahanan penyakit

penskoran penyakit

keparahan penyakit

sebaran penyakit

ambang penyakit

toleransi penyakit

segi tiga penyakit

disinfektan

gangguan

penyebaran

penerbangan

penyebaran

kecerunan penyebaran

distitarsus

distitarsus

perubahan bentuk

septum dolipor

bintik deduit

sukatan

dos

cincin penunjuk ganda

jangkitan ganda

virus bebenang ganda

kulapuk kekapas

sembur tempiasan

semut ratus

dron/lebah jantan

anak lebah jantan

kom lebah jantan

lalat dron

penelur lebah jantan

perangkap lebah jantan

terkulai

spektrum titis

saiz titisan

penyakit gelembung

kering

busuk kering

kultur berpasangan

lelat tahi

debu

penyakit elm Belanda

kekerdilan

busuk tongkol jagung

Bersambung

Halaman Puisi... Halaman Puisi...

BILA PURNAMA DILINDUNGI AWAN

Tika ku ada segala-galanya
ramai orang datang padaku
ada yang bertanya khabar
ingin berkawan
menabur janji bukan kepalang
sama ketawa, menangis
sama-sama susah dan senang
tapi semuanya palsu.

Kerbau dipegang pada talinya
manusia dipegang pada janjinya
ku sangka panas hingga ke petang
rupanya hujan di tengah hari.

Tika ku sudah tiada segalanya
ramai orang lari dariku
merek tersenyum sinis
tak mengaku teman
caci dan herdik jadi siulan
umpat jadi penghias bibir
kebencian bertakhta di hati
merek pun berlalu tinggalkanku
aku terkial-kial mencari tempat mengadu
hatiku dilanda pilu dan mentalku terganggu
badan menjadi lesu
walau ia tidak ku pinta
aku pasrah apa yang berlaku.

Begitulah kehidupan sekarang
ibarat purnama mengambang
dipuja bila ia terang
tak siapa memandang bila hilang
dilindungi awan.

Hati-hati mencari teman
bukan harta jadi taruhan
waspada terhadap mereka yang mata duitan
kelak tak jadi sesalan
pilihlah teman yang benar-benar teman
kita senang ia senang kita susah ia susah
itulah sahabat sejati
moga sentiasa berkekalan.

Soffio

SUBOK KETIKA DULU

Dahulunya tempat ini,
sering menjadi kunjungan
tua, muda dan anak-anak.

Di Subok inilah tempat,
penduduk Kampung Ayer berkumpul,
menunggu giliran mendapat air.

Mereka menggunakan perahu
jumpung, gubang dengan membawa
tajau, kutin tempat menyimpan air.

Ketika menunggu giliran,
anak-anak bermain di sini,
mereka mendaki bukit
dan bermain di atas hujung pasir.

Terdapat juga orang menyelam,
mengambil tiram yang lekat di batu,
tiramnya enak dan segar.

Hari ini Subok sudah tidak menjadi
kunjungan,
anak-anak tidak bermain lagi di sini
paip air sudah sampai ke rumah.

Subok sudah dipagari tembok batu,
deretan kereta sepanjang jalan,
lagun-lagun didirikan untuk
mengambau perahu tambang.

Alangkah indahnya masa silam ketika itu,
sekali pun gambaran kemiskinan manusia,
namun mereka tetap bahagia.

JANGAN ENKAU LUPA

Ada orang bertanya
kita milik siapa?
kita milik Allah.
Allah menghidupkan
Allah mematikan
asal tanah pulang ke tanah.

Hidupku,
ibadahku,
matiku,
hanya untuk Allah
itulah jumpa
itulah janji
seorang manusia Muslim.

Harta untuk dunia
harta juga untuk ibadah
dirikanlah masjid-masjid terindah
jangan terlalu kedekut.

harta juga milik Allah
jangan engkau lupa
kematian hanyalah bersama
sehelai kain putih
pembalut tubuh yang tidak bernyawa.

Haji Sulaiman bin Haji Duraman

BUNGA-BUNGA YANG LUKA

Yang menangis di sepanjang jalan itu
bukan lagi anak-anak yang kehilangan
ibu bapa, tapi ...
nenek-nenek tua yang uzur dan lelah
membawa diri yang luka nestapa
angkara peperangan yang kian menggila.

Burung-burung yang jinak bermain
di bibir awan, sesungguhnya
tidak lagi merasakan nikmat itu
kerana angin dan embun paginya
telah rosak dan binasa
dari kecemaran asap-asap keracunan
yang paling pahit dan berbisu.

Demikianlah ruang hidupmu
hari ini ...
bila manusianya mempergadai adab
dan memperjudikan kejujuran
serta meracuni keikhlasan sesama manusia
maka bendunglah keyakinanmu
semoga panji kebenaran dan kebahagiaan
akan bersinar semula
di dada tanah air.

Hanirah

SAHABAT

Sahabat yang budiman
kasih sayang itulah panduan
kasih sayang adalah perpaduan
kasih sayang adalah pengikat
yang kukuh hingga dua insan
yang belum bersua rindu boleh merindui
dan ingin bertemu
kasih sayang adalah tali pengikat
senjata perjuangan yang kuat mencantun
dan menutup
lubang-lubang yang membolehkan musuh
menyelin masuk dalam barisan pejuang
mukmin
kasih sayang adalah harta
yang membolehkan seseorang itu merasa kaya
hidup di dunia
dari itu marilah kita berkasih sayang
kita akan kaya, kuat dan bahagia
kasih sayang yang boleh
membuat seseorang boleh bergembira.

Azmie KRG

BERKASIH NAN BERKASIH

Berkaasih Allah berkaasih
Muhammad kekaasih Allah
kasih-Nya
adalah Nabi Muhammad
Sallallahu Alaihi Wasallam.

Berkaasih Allah berkaasih
di sisi-Nya
insan pilihan
hanya Muhammad.

Satu nama
satu rasa
satu jiwa
menjilwa hati murani
Muslim beriman
kerana Allah
kerana Muhammad.

Nabi segala Nabi
Nabi Muhammad Rasulullah
Nabi pesuruh Allah
Nabi pembawa wahyu Allah
ke langit
ke bumi
umat manusiawi.

KEPERGIAN

Setiap kali aku ketemu
hatiku sedih nan pilu.

Engkau mengerling sayu
hatiku menangis terharu
sedu-sedan itu
dan air basah di kelopak mata
beralunan di dadaku.

Titis-titis
bagaikan gerimis
mata berair menangis
Kini engkau telah pergi
tiada akan bersua lagi.

Mahadi R. S

KEHIDUPAN INI

Kehidupan ini
seperti sebuah novel
kita membintangi nukilan sendiri
tanpa pengarang
kita ialah cantuman cerpen-cerpen spontan
plot dan pergolakan harian
rantai cerpen-cerpen insan lain
tema-tema yang sering berputaran
dan
andainya aku menjadi salah satu watak
dalam novel kehidupanmu
ku harap aku berwarna protagonis.

KEHIDUPAN INI II

Kehidupan ini terlalu singkat
namun manusia saling berkejaran
untuk melakukan terlalu banyak perkara
yang sia-sia
derasnya masa akan meninggalkan segalanya
hanya manusia lewat menyadari
mengharap semula
peluang yang telah berakhir.

Hussaimy

KEREDAAN ALLAH

Seorang ahli sufi wanita
Rabiatul Adawiah telah berkata,
"Tujuan hidupku ialah
mencari keredaan Allah
di mana saja ditempatkan
tetap kuterima dengan senang hati
kerana keredaan Allah itulah saja
sebagai matlamat hidupku."

Wahai insan yang beriman
untuk mendapatkan keredaan Allah
lakukanlah sesuatu itu dengan rela hati
dengan jujur dan penuh tulus ikhlas
pendek kata apa jua perkara
yang bermanfaat lagi berkebahagian
yang dilakukan itu semestinya
diniatkan kerana Allah jua.

Dalam Doa Iftitah ada menerangkan
di antaranya bermaksud:
"sesungguhnya segala sembahyangku
amal ibadatku
hidupku dan matiku
kuserahkan hanya kepada Allah
Tuhan seru sekalian alam.

Wahai insan yang beriman
mudah-mudahan ...
kita sentiasa dalam kebahagiaan
amin!

KENALI DIRI

Yakin dan pastikan
hidup ini harus ada pegangan
bila-bila dan di mana juga berada
kita tak dapat lari
atau ingkar dari tanggungjawab
amar makruf nahi mungkar.

Lihatlah apa sudahnya
orang-orang yang suka mendabik dada
lupa diri, alpa dan tidak tahu
ke mana bahtera hayat dilayari
di mana kiblat yang dihadapi
akhirnya menerima padah
hancur, lebur dan musnah!
kerana keangkuhan dan kesombongannya
yang tiada taranya.

Demikian dan benarlah
betapa pun gahnya
atau hebatnya mereka
selagi namanya makhluk
akan tunduk ia kepada kekuatan
Tuhan seru sekalian alam.

Muslim, mukmin, muhsin!
kenalilah diri kita ini
segala cinta dan kasih dilabuhkan
penuh pasrah kemurahan dipanjatkan
minta dibimbing nafsu hidayat-Nya
jauh dari bisikan nafsu nafsi
dan bangga diri.

Muslim, mukmin, muhsin!
di sini aku berkata
tiada perjalanan selain menuju-Nya
dan kita ini kepunyaan-Nya
Tuhanku
Tuhanku.

Rahim M. S.



ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan



RABU 2 MEI		PETANG		6.45		BICARA IMAN		12.15		JUST FOR LAUGHS GAGS		11.30		DEBBIE TRAVIS:	
										DOA DAN SIARAN TAMAT				PAINTED HOUSE	
														DOA DAN SIARAN TAMAT	
PAGI				MALAM				PAGI		AHAD 6 MEI		PETANG			
6.00	LAGU KEBANGSAAN	1.00	MIND BODY & SOUL	7.00	LIPUTAN SEMASA	6.00	LAGU KEBANGSAAN	12.18	AZAN ZUHUR	10.00	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.00	LAGU KEBANGSAAN	10.45	SUKAN GLOBAL
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	1.30	GUINNESS WORLD RECORDS: ULTIMATE	7.25	SITKOM - 'Tamu' - Ulangan	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	12.24	SUNDAY MATINEE - Sambungan	10.15	GIRL STUFF BOY STUFF	4.02	TILAWAH AL-QUR'AN	11.15	CLOSE TO HOME
6.15	MOTIVASI	2.30	SENARIO - Ulangan	7.39	AZAN ISYAK	6.15	MOTIVASI			10.45	CHUCK FINN	4.15	RANCANGAN HARI INI	11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
6.30	BERITA TERKINI	3.00	RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT	7.41	SITKOM - Sambungan	6.30	BERITA TERKINI			11.15	PADA SUATU HARI	4.20	THE LEGEND OF ZORRO	11.45	
6.35	PEDOMAN	3.36	AZAN ASAR	8.00	BERITA NASIONAL	6.35	PEDOMAN			11.30	BERITA	4.45	GILLETTE WORLD OF SPORT		
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	3.42	RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT - Sambungan	9.00	TRADISI - Ulangan	7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			11.45	SUNDAY MATINEE - 'Ali Baba and The Forty Thieves'	5.45	BERITA		
9.00	BERITA	4.00	SAMBUNGAN	9.30	NERVES OF STEEL	9.00	BERITA					6.00	INSIDE HEALTH		
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.30	SAMURAI X	10.00	NEWS AT 10	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan					6.27	AZAN MAGHRIB		
10.00	RANCANGAN HARI INI	5.00	SILVER BRUMBY - Siri Akhir	10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT	10.00	RANCANGAN HARI INI					6.33	INSIDE HEALTH - Sambungan		
10.05	DRAMA - 'Ada Apa Dengan Cinta?'	5.45	BEYOND 2000 CONTINUITY - Siri Akhir	11.00	TELEDRAMA - 'Restoran Mat Piah'	10.45	DRAMA - 'Ada Apa Denganmu?'					6.45	BIMBINGAN KELUARGA		
11.00	REAL KIDS	6.00	BERITA	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	11.15	WAYANG PILIHAN - 'Radio'								
11.30	REAL ADVENTURES	6.27	COMPLETELY HAMMERED				DOA DAN SIARAN TAMAT								
12.00	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	6.33	AZAN MAGHRIB												
	DOA DAN SIARAN TAMAT	6.45	FILLER												
			INFO MAJLIS												
			UGAMA ISLAM BRUNEI												
		MALAM		SABTU 5 MEI								MALAM			
4.00	LAGU KEBANGSAAN	7.00	MUSLIMAH - Siri Baru	6.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	LAGU KEBANGSAAN	12.18	AZAN ZUHUR	10.00	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.00	LAGU KEBANGSAAN	10.45	SUKAN GLOBAL
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN	7.25	WARTA ISLAM	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	12.24	SUNDAY MATINEE - Sambungan	10.15	GIRL STUFF BOY STUFF	4.02	TILAWAH AL-QUR'AN	11.15	CLOSE TO HOME
4.15	RANCANGAN HARI INI	7.39	AZAN ISYAK	6.15	MOTIVASI	6.15	MOTIVASI			10.45	CHUCK FINN	4.15	RANCANGAN HARI INI	11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
4.20	SHAPIES	7.45	WARTA ISLAM - Sambungan	6.30	BERITA TERKINI	6.30	BERITA TERKINI			11.15	PADA SUATU HARI	4.20	THE LEGEND OF ZORRO	11.45	
4.45	THE LOST WORLD	8.00	BERITA NASIONAL	6.35	PEDOMAN	6.35	PEDOMAN			11.30	BERITA	4.45	GILLETTE WORLD OF SPORT		
5.15	DRAMA MOU (TV12) - 'Dawai Tulang Besi'	9.00	AN-NUUR - 'Masjid Kampung Semabat, Temburong'	7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			11.45	SUNDAY MATINEE - 'Ali Baba and The Forty Thieves'	5.45	BERITA		
5.45	BERITA	10.00	NEWS AT 10	9.00	BERITA	9.00	BERITA					6.00	INSIDE HEALTH		
6.00	DRAMA MOU (TV12) - Sambungan	10.45	DRAMA - 'Ada Apa Denganmu?'	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan					6.27	AZAN MAGHRIB		
6.15	FINGER TIPS	11.45	WAYANG PILIHAN - 'Radio'	10.00	RANCANGAN HARI INI	10.00	RANCANGAN HARI INI					6.33	INSIDE HEALTH - Sambungan		
6.27	AZAN MAGHRIB	1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT	10.15	MONSTER BY MISTAKE	10.15	MONSTER BY MISTAKE					6.45	BIMBINGAN KELUARGA		
6.33	FINGER TIPS - Sambungan			10.45	SCOUT'S SAFARI	10.45	SCOUT'S SAFARI								
6.45	SIRAH NABAWIYAH			11.15	DRAMA - 'Liku-liku Ke Puncak' - Ulangan	11.15	DRAMA - 'Liku-liku Ke Puncak' - Ulangan								
				11.30	BERITA	11.30	BERITA								
				11.45	DRAMA - Sambungan	11.45	DRAMA - Sambungan								
				12.00	AMERICA'S	12.00	AMERICA'S								
				12.19	FUNNIEST HOME VIDEO	12.19	FUNNIEST HOME VIDEO								
				12.25	AZAN ZUHUR	12.25	AZAN ZUHUR								
				12.30	AMERICA'S FUNNIEST	12.30	AMERICA'S FUNNIEST								
					HOME VIDEO - Sambungan		HOME VIDEO - Sambungan								
					PANGGUNG PETANG SABTU - 'Survival On The Mountain'		PANGGUNG PETANG SABTU - 'Survival On The Mountain'								



BERAT sama dipikul, ringan sama dijinjing ... Beramai-ramai membersihkan kawasan Kelab Rekreasi Liang Lumut dan sepanjang jalan kelab berkenaan.

Kebersihan alam sekitar tanggungjawab bersama

LUMUT, Ahad, 8 April. - Kira-kira 200 orang terdiri daripada penduduk Mukim Liang dan Lumut, pegawai-pegawai kerajaan, Syarikat Brunei LNG dan swasta menyertai kempen kebersihan anjuran Majlis Perundingan Mukim Liang dan Syarikat Brunei LNG.

Kempen dilakukan di kawasan persekitaran Kelab Rekreasi Liang Lumut dan sepanjang jalan raya kelab berkenaan yang disertai oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Belait, Awang Haji Sueb Rizal bin Haji Abdul Malek bersama 35 orang anggota Pasukan Pengakap 3030. Mukim Liang yang diketuai Pengerusi pasukan, Awang Mohd. Jayah bin Haji Dullah, anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Sungai Liang, anggota polis Sungai Liang, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi Daerah Belait serta Jabatan

Kerja Raya.

Kempen seumpama itu telah menjadi amalan masyarakat Brunei. Selain merapatkan hubungan silaturahim amalan tersebut sedikit sebanyak menghasilkan manfaat kepada penduduk tempatan antaranya menaikkan taraf dan imej mukim dan kampung, menghindarkan wabak penyakit dan menarik pe-

ngunjung untuk bertandang ke tempat mereka.

Dengan mengadakan kempen seumpama itu bukan sahaja dapat mengekalkan persekitaran yang bersih dan cantik. Suasana yang indah dipandang mata boleh menimbulkan kesejahteraan hidup yang lebih harmoni. Ke arah itu orang ramai berperanan memelihara kebersihan alam sekitar dengan memastikan kawasan tempat tinggal mereka kemas dan teratur bagi kehidupan yang sejahtera dan aman damai.



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran : JDT/3/2007

**TAWARAN BAGI PEMBINAAN JALAN KECIL NONG RAMOK,
KAMPONG BIONG, MUKIM LAMUNIN TUTONG**

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup (sealed) yang bertulis 'TAWARAN BAGI PEMBINAAN JALAN KECIL NONG RAMOK, KAMPONG BIONG, MUKIM LAMUNIN TUTONG' termasuk bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dikembalikan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada **hari Selasa, 8 Mei 2007, jam 2.00 petang** dialamatkan kepada:-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : JDT/4/2007

**TAWARAN BAGI PEMBINAAN JALAN KECIL SUNGAI JAMBU,
KAMPONG TELISAI, TUTONG**

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup (sealed) yang bertulis 'TAWARAN BAGI PEMBINAAN JALAN KECIL SUNGAI JAMBU, KAMPONG TELISAI, TUTONG' termasuk bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dikembalikan ke dalam peti tawaran tidak lewat pada **hari Selasa, 8 Mei 2007, jam 2.00 petang** dialamatkan kepada:-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.

3. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Names Act) Bab 16 & 17 mestilah disertakan.
4. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Yuran Dokumen Tawaran sebanyak \$20.00 bagi setiap satu tawaran di atas hendaklah dijelaskan di Bahagian Kewangan, Tingkat II, Jabatan Daerah Tutong dan wang tersebut tidak akan dikembalikan.



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Keterangan Projek : MENAIKKAN TARAF KAWASAN-
KAWASAN LETAK KERETA JALAN SUNGAI KUALA BELAIT.**
Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam Kelas II dan III sahaja.

Bilangan Tawaran : BBS/K/1/2007/2008

**Keterangan Projek : PEMBINAAN DAN PENINGKATAN
TARAF BAHU JALAN DI KAMPONG MELAYU ASLI KUALA
BELAIT.**

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam Kelas II dan III sahaja.

Bilangan Tawaran : BBS/K/2/2007/2008

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **jam 2.00 petang, hari Selasa 15 Mei 2007.**
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Borang dan dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari:
Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria
Jalan McKerron Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran dokumen adalah dikehendaki sebanyak B\$ 50.00 (Ringgit Brunei Lima Puluh Sahaja) bagi tiap-tiap satu tawaran dan hendaklah dijelaskan di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Jalan McKerron Kuala Belait,

6. Pemborong-pemborong dan syarikat-syarikat adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk meneliti, memeriksa dan mengenal pasti tempat kerja yang ditawarkan sebelum mengemukakan sebarang tawaran, sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
8. Borang-borang tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat II, Jabatan Daerah Tutong.
9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan.



**PUSAT PEMBANGUNAN
KEUSAHAWANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA**

**Bilangan Tawaran : KPSU/EDC/SH/002/2007
Bilangan Tawaran : KPSU/EDC/SH/003/2007**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam bagi tajuk-tajuk berikut:
TAWARAN : KPSU/EDC/SH/002/2006 : MEMBEKAL DAN MENGENDALIKAN MAKAN / MINUM PROGRAM PENEMPATAN MEMBENTUK REBUNG KEUSAHAWANAN BAGI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH SELURUH NEGARA DI PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
KPSU/EDC/SH/003/2007 : MEMBINA TEMPAT LETAK KERETA YANG BARU DI PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan, Km 33 Jalan Tutong, Kampong Sinaut Tutong TB 1741, Negara Brunei Darussalam.
3. Harga Dokumen sebanyak B\$10.00 tunai bagi tawaran di atas adalah dikehendaki untuk dibayar dan tidak akan dikembalikan.
4. Borang tawaran hendaklah dihantar dengan lengkap dengan menyatakan Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menyatakan nama penawar dan tidak menunjukkan identiti penawar.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Tingkat 5, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB 3910, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran tidak lewat dari **hari Khamis, 17 Mei 2007, jam 2.00 petang**
6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.
8. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja seperti berikut :

Pada hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang. Pada hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi dan tutup pada hari Jumaat, hari Ahad dan hari-hari kelepasan .

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki menghadapkan Sijil Pendaftaran yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III dan IV sahaja.

Tarikh Akhir mengambil Dokumen Tawaran pada **14 Mei 2007 (Isnin).**

Tarikh Tutup : **15 Mei 2007 (Selasa)** dialamatkan kepada:-

Pengerusi Lembaga Tawaran Negara
Tingkat 16, Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam.



**PERKHIDMATAN BOMBA
LAPANGAN TERBANG ANTARA BANGSA
JABATAN PENERBANGAN AWAM**

JUALAN LELONG SECARA TERBUKA

PERKHIDMATAN Bomba Lapangan Terbang akan mengadakan jualan lelong secara terbuka bagi alat alat kelengkapan pemadam api, yang telah digunakan (besi buruk) dan yang tidak digunakan lagi yang akan diadakan pada tarikh, waktu dan tempat seperti berikut :-

Tarikh : Hari Selasa, 22 Mei 2007/05 Rabiulakhir 1428

Jam : 9.00 pagi

Tempat : Balai Bomba Utama (Unit Bantuan & Unit Keselamatan Kebakaran)

Syarat-syarat lelongan adalah seperti berikut :-

1. Pembeli-pembeli yang berminat bolehlah menghubungi talian 2330142 Sambungan 1632, 1633 atau 1646.
2. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai pada hari lelongan.
3. Pembeli yang berjaya hendaklah memunggah barang barang tersebut pada hari lelongan, iaitu setelah lelongan selesai dan mestilah menyediakan kelengkapan pengangkutan sendiri termasuk orang yang akan mengangkat barang tersebut.
4. Pembeli yang berjaya yang tidak memunggah barang berkenaan pada hari yang telah ditetapkan, akan dikira tidak memerlukan barang tersebut dan dengan sendirinya barang tersebut akan menjadi milik Perkhidmatan Bomba samada dilelong atau dimusnahkan .

BARANG-BARANG YANG DILELONG

NAMA BARANG
Cylinder - Water Gas, Light Water, Foam , Dry Powder
Cylinder - B.C.F
Cylinder - CO2
CO2 Cartridge - 150Grm (Model Baru), 150Grm (Model Lama), 53 Grm
Cylinder Breathing Apparatus (B.A) - 1800 Psi , Demand Valve B.A
Foam Making Branch Pipe (10X) - Alloy & Fiber Glass
Hose Reel Bracket , Hose Binding , Applicator B.C.F ,
Hose untuk BCF @50 Kaki , Hose Ramp, Hose Pencuci

MAKLUMAN

1. Oleh kerana tempat melelong adalah tempat terkawal , semua pembeli yang berminat, dikehendaki membawa kad Pintar/Kad Pengenalan, dan mendapatkan PAS BADAN SEMENTARA di Balai Polis Lapangan Terbang di Gate 4
2. Pembeli yang berminat yang sudah mempunyai Pas tersebut akan disediakan kenderaan ke tempat lelongan dari jam 7.45 hingga 9.00 pagi.



**KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA**

**TAWARAN MEMBINA PAGAR BARU BAGI KAWASAN
TANAH PERKUBURAN ISLAM KAMPONG BUKIT PANGGAL
(MERALI)**

DIBUKA kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas : II kategori : -

Tarikh terakhir mengambil dokumen pada hari Sabtu 12 Mei 2007.

Tarikh tutup : Hari Selasa, 15 Mei 2007

Bilangan Tawaran : KHEU / LTK / BDP / 01@ / 2007

**Nama Projek : MEMBINA PAGAR BARU BAGI KAWASAN
TANAH PERKUBURAN ISLAM KAMPONG
BUKIT PANGGAL (MERALI).**

Nombor Projek : KHEU/ LTK / BDP / 01@ / 2007

Yuran Projek : \$ 25.00

SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan
<http://www.brunet.bn/news/pelita/2mei/ikerja.htm>
Iklan-iklan tawaran <http://www.brunet.bn/news/pelita/2mei/iiklan.htm>
Iklan-iklan kursus <http://www.brunet.bn/news/pelita/2mei/ikursus.htm>



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Keterangan Projek : MEMASANG FLOODLIGHT DI SEKITAR KAWASAN BANGUNAN TUDUNG SAJI KUALA BELAIT.

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam Kelas II sahaja.

Bilangan Tawaran : BBS/K/5/2007/2008

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran kepada alamat Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa 15 Mei 2007.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Borang dan dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari: Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Jalan McKerron Kuala Belait Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran dokumen adalah dikehendaki sebanyak B\$ 20.00 (Ringgit Brunei Dua Puluh Sahaja) bagi tiap-tiap satu tawaran dan hendaklah dijelaskan di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Jalan McKerron Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja seperti berikut : Pada hari Isnin hingga hari Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 12.15 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang. Pada hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi dan tutup pada hari Jumaat, hari Ahad dan hari-hari kelepasan.
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki menyerahkan Sijil Pendaftaran yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PERATURAN PENGIKLANAN DALAM
EDISI IKLAN PELITA BRUNEI**

1. IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : Penerbit Iklan Pelita Brunei, Bahagian Akhbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Rang iklan hendaklah dimasukkan dalam disket menggunakan Microsoft Word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala persuratan mengenainya boleh dihantar dalam 'hard copy'.
3. Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki.
4. Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi deskripsi iklan yang dibukakan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.
5. Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, itupun jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walaubagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
6. Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari Sabtu sebelum jam 10.00 pagi bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.
7. Sebarang iklan yang hendak ditarik balik (dibatalkan) hendaklah dimaklumkan tidak lewat dari hari Khamis 11.30 pagi iaitu bagi iklan yang akan diterbitkan pada hari Rabu akan datang.
8. Hanya kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan sahaja yang diterima mengiklankan di PELITA BRUNEI.
9. Hanya permohonan iklan-iklan yang mematuhi syarat-syarat dan peraturan ini sahaja yang akan dipertimbangkan.

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II sahaja.

Tarikh Akhir mengambil Dokumen Tawaran pada 14 Mei 2007 (Isnin)

Tarikh Tutup : 15 Mei 2007 (Selasa) dialamatkan kepada :-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Pejabat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan BS8610
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran : DUA/JMB/2007
PEMBELIAN SEBUAH VAN

TAWARAN adalah dipelawa bagi Pembelian Sebuah Van

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Tingkat 1, Ruang Masuk/ Penyambut Tetamu, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan sukan dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran kecil,
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Tingkat 1, (Ruang Masuk. Penyambut Tetamu)
Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BA1210,
Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 29 Mei 2007. Tawaran-tawaran yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran perniagaan dan dokumen lain yang berkaitan ke dalam sampul surat yang ditutup rapi. Manakala di bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk, bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang diiklankan seperti berikut:
**Tawaran Bilangan : DUA/JMB/2007
PEMBELIAN SEBUAH VAN
Tarikh Tutup : 29 Mei 2007**
Tanpa menunjukkan identiti atau pengenalan permohonan dan dialamatkan ke alamat seperti dinyatakan di atas.
4. Penender hendaklah memuatkan kenyataan 'Approved Technical Equivalent' bagi model/ jenis yang ditawarkan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan munasabah.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran : SATU/JMB/2007

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi: "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF THE ARCHIVE SYSTEM TOGETHER WITH RELATED HARDWARE AND SOFTWARE FOR BRUNEI MUSEUMS DEPARTMENT, MINISTRY OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari:
Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran, Tingkat 2, Ibu Pejabat Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Bangunan Arkib Negara, Jalan Menteri Besar BB3910, Bandar Seri Begawan.
3. Bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 (Tidak dikembalikan) dibuat di Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran, Tingkat 2, Ibu Pejabat Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Bangunan Arkib Negara, Jalan Menteri Besar, BB3910, Bandar Seri Begawan.
4. Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Isnin, 5 Jun 2007 jam 10.00 pagi.
5. Tarikh hari maklumat pada hari Khamis, 7 Jun 2007 jam 10.00 pagi bertempat di Teater, Bangunan Arkib Negara, Jalan Menteri Besar BB3910, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-
"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF THE ARCHIVE SYSTEM TOGETHER WITH RELATED HARDWARE AND SOFTWARE FOR BRUNEI MUSEUMS DEPARTMENT, MINISTRY OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM".
Tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran beralamat Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Tingkat 1, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BA1210, Negara Brunei Darussalam pada atau sebelum hari Selasa, 7 Ogos 2007 jam 2.00 petang.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

Pengambilan Pelajar Jun 2007 Sesi Akademik 2007/2009

DIPLOMA PEMBANGUNAN KERJA BELIA

Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Bahasa Pengantar : Inggeris
Tempoh Kursus : 2 Tahun (Sepuluh Masa)

LATAR BELAKANG KURSUS :

KEMENTERIAN Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan selaku agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam Program Pembangunan Belia di negara ini dengan kerjasama pihak-pihak tertentu akan mengadakan Kursus Diploma Pembangunan Belia dalam bidang kebeliaan. Diploma tersebut akan bermula dalam bulan Jun 2007.

Kursus tersebut bertujuan :

1. Untuk memberikan peluang pembelajaran dalam Kerja Pembangunan Belia kepada organisasi atau individu, kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam aktiviti pembangunan belia di negara ini.
2. Untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan kefahaman dalam pengendalian aktiviti-aktiviti kebeliaan.
3. Untuk meningkatkan profesionalisme dalam memberikan perkhidmatan dalam pengendalian aktiviti kebeliaan.

SYARAT KEMASUKAN :

1. Lulus sekurang-kurangnya 5 mata pelajaran G.C.E Peringkat 'O' Level atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya termasuk lulus Bahasa Inggeris.
2. Berumur 18 tahun dan ke atas.
3. Lulus proses pemilihan.
4. Pemohon yang bergiat aktif dalam aktiviti kebeliaan, kesukanan dan kemasyarakatan tidak kurang dari 3 tahun adalah satu kelebihan.

NOTA UMUM :

- i. Pemohon hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ii. Pemohonan untuk mengikuti kursus ini hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan yang boleh didapati di

Bahagian Belia, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, BC3615 Brunei Darussalam.

- iii. Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Belia and Sukan.
- iv. Jabatan Belia dan Sukan hanya akan mempertimbangkan pemohon yang memegang sijil kelulusan yang diperolehi dari universiti / institusi / Lembaga Peperiksaan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- v. Pemohon hendaklah lulus tapisan keselamatan yang dikehendaki oleh Jabatan Belia dan Sukan.
- vi. Pemohon-Pemohon yang terpilih / berjaya sahaja yang akan dihubungi.
- vii. Jabatan Belia dan Sukan berhak menolak permohonan yang tidak lengkap, diterima lewat atau mengandungi maklumat palsu.
- viii. Borang permohonan boleh mula diperolehi pada 19 April 2007.
- ix. Borang yang telah lengkap diisi beserta salinan sijil dan dokumen-dokumen berkenaan yang telah disahkan hendaklah diserahkan kepada Bahagian Belia, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, BC3615 Brunei Darussalam tidak lewat daripada 12 Mei 2007
- x. Borang permohonan dari pegawai kerajaan dan swasta hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan, Kementerian atau syarikat masing-masing.

PERMOHONAN DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

- i. Pemohon hendaklah berumur sekurang-kurangnya 20 tahun semasa pendaftaran.
- ii. Memperolehi sekurang-kurangnya kredit 3 mata pelajaran dalam GCE Peringkat 'O'.
- iii. Mempunyai pengalaman tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan tersebut.
- iv. Pemohon hendaklah mendapatkan kebenaran dan sokongan ketua jabatan masing-masing.



**JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

TAWARAN UNTUK :-
"MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN DAN
KAWASAN JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN
KEBANGSAAN DAN JABATAN BURUH,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM"

BILANGAN TAWARAN : 1/IMMB/4/2007

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi kerja-kerja membersihkan dan memelihara bangunan dan kawasan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan

Buruh, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

2. PENENDER hendaklah menyatakan sebut harga bagi kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan termasuk peralatan dan 'detergent' yang digunakan. PENENDER hendaklah juga menyenaraikan kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan secara harian atau berkala dalam masa seminggu, sebulan dan sebagainya.
3. PENENDER bolehlah mendapatkan dokumen tawaran di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan pada bila-bila masa waktu pejabat.
4. PENENDER adalah juga dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$200.00 semasa mengambil dokumen tawaran berkenaan. Wang Cagaran akan dikembalikan kepada penender yang tidak berjaya.
5. Tawaran hendaklah dihantar dalam dua (02) salinan berserta dengan borang pengakuan, salinan Pendaftaran Per-

niagaan (Business Registration) dan juga katalog (gambar) yang berkaitan dengan tawaran dengan menggunakan sampul surat yang bertutup rapat tanpa menunjukkan identiti penender dengan menulis di luar sampul surat berkenaan seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN : 1/IMMB/4/2007

"TAWARAN UNTUK MEMBERSIH DAN MEMELIHARA
BANGUNAN DAN KAWASAN JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN & JABATAN BURUH,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM",

TARIKH TUTUP :

6. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat yang tersebut di bawah tidak lewat pada hari Selasa, **8 Mei 2007, jam 2.00 petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan BS8610
Negara Brunei Darussalam.

7. Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

... JUALAN LELOG ... JUALAN LELOG



**JABATAN
PERKHIDMATAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Jualan Lelong peralatan / perkakas akan diadakan pada tempat, hari, tarikh, masa dan keterangan barang-barang yang dinyatakan seperti berikut :

BIL.	NAMA PERLATAN	BANYAK	TEMPAT LELONG	TARIKH DAN MASA
1.	Mesin Pencuci Kain	2	Klinik Kesihatan Pekan Bangar	12 Mei 2007 Jam : 10.30 pagi
2.	Seterika (Iron)	1		
3.	Digital Weighing (Standing)	1		
4.	Digital Weighing (Baby)	1		

2. Jualan lelong berkenaan mempunyai syarat-syarat berikut:-

1. Barang-barang yang dilelong bolehlah dilihat di tempat yang disediakan.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai pada hari jualan lelong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat dua (2) hari dari tarikh pembayaran tersebut kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Jualan Lelong Peralatan Pejabat akan diadakan seperti berikut:-

Tarikh : **Hari Sabtu, 5 Mei 2007**
Jam : **8.30 pagi**
Tempat : **Di Kompleks Pendaratan Ikan, Muara NBD.**

Jualan Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang-barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas dan dilelong semula.

KETERANGAN BENDA

- 1 UNIT - PHOTOCOPY MACHINE XEROX VIVACE 555
- 1 UNIT - PRINTER XEROX DOCUPRINT 4517
- 1 UNIT - PRINTER LEXMARK OPTRA M410
- 1 UNIT - COMPUTER HP BRIO BRAND BA600



**JUALAN LELOG HARTA BENDA KERAJAAN, JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa Jualan Lelong barang-barang yang tersebut akan diadakan pada masa, tarikh dan tempat seperti dinyatakan dalam jadual yang disertakan:-

Lelong ini ada mengandungi beberapa syarat seperti berikut:

Syarat-syarat jualan lelong:

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara tunai dan memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.
2. Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan dalam masa tempoh 7 hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas dan akan dilelong semula.
3. Pembeli yang berjaya hendaklah membayar wang pendahuluan (deposit) sebanyak 10% daripada harga lelong. Wang pendahuluan (deposit) tidak akan dikembalikan jika membatalkan tawaran lelong tersebut.

BIL.	NAMA SEKOLAH	JENIS BARANG DAN BANYAK	TARIKH DAN JAM MELELONG	TEMPAT LELONG
1.	Sekolah Ugama PAP Majeedah Nurul Bulqiah, Kilanas, Brunei III	Peralatan Perabot Sekolah (147)	17 Mei 2007 Jam 8.30 pagi (Khamis)	Sekolah Ugama PAP Majeedah Nurul Bulqiah, Kilanas, Brunei III
2.	Sekolah Ugama PAP Masna, Brunei III	Perabot Sekolah (Kursi dan Meja Guru/Murid dan rak Besi (151) Peralatan Pejabat dan Perkebunan (11)	19 Mei 2007 Jam 8.30 pagi (Sabtu)	Sekolah Ugama PAP Masna, Brunei III
3.	Sekolah Ugama Beribi, Gadong, Brunei III	Peralatan Pejabat (Mesin Stencil) (1)		
4.	Sekolah Ugama Lumapas, Brunei IV	Perabot Sekolah (Kursi/Meja guru dan murid) (231) Peralatan Pejabat (mesin Penggambar) (1)	21 Mei 2007 Jam 8.30 pagi (Isnin)	Sekolah Ugama Lumapas, Brunei IV
5.	Sekolah Ugama PAP Hafizah Sururul Bolqiah Berakas, Brunei II	Peralatan Perabot Sekolah (147) Peralatan Pejabat (printer) (1)	24 Mei 2007 Jam 8.30 pagi (Khamis)	Sekolah Ugama PAP Hafizah Sururul Bolqiah, Berakas, Brunei II
6.	Sekolah Ugama Lambak, Jalan Bedil Berakas, Brunei II	Peralatan Pemadam Api (2)		
7.	Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Jalan Tutong	Peralatan Pejabat (13)	26 Mei 2007 Jam 8.30 pagi (Sabtu)	Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Jalan Tutong
8.	Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan	Peralatan Asrama (20)	26 Mei 2007 Jam 9.30 pagi (Sabtu)	Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan



**UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM**

UBD/E8/07/2007

**KERJA-KERJA PEMELIHARAAN ALAT HAWA DINGIN
DI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(UNTUK KONTRAK 3 TAHUN).**

Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$ 250.00
(Tidak dikembalikan)

Syarat-syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan (Kelas IV atau V) serta mempunyai pekerja yang mahir dan berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam dalam kategori 5j dan 5o bagi KERJA-KERJA PEMELIHARAAN ALAT HAWA DINGIN DI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (UNTUK KONTRAK 3 TAHUN).
2. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Bendahari, Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam mulai **7 Mei 2007 hingga 17 Mei 2007**.

ISNIN - KHAMIS : 8.30 pagi - 11.00 pagi
1.30 petang - 2.30 petang
SABTU : 8.00 PAGI - 10.00 pagi

3. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran berjumlah BS 250.00 (tidak dikembalikan) hendaklah dibayar dengan wang tunai.
3. Dan mestilah menghadiri penerangan lanjut (briefing) yang akan diadakan pada 19 Mei 2007 jam 9.00 pagi bertempat di Main Chiller Yard, Universiti Brunei Darussalam. Penender yang tidak menghadiri "Briefing" berkenaan akan ditolak.
4. Tawaran ini akan berjalan selama 3 tahun dan tarikh pemberian tawaran (Award Letter).
5. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang serta tidak mengelirukan jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran sahaja, tanpa menunjukkan identiti Pembekal / Pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1,
Bangunan Kementerian Pendidikan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan sijil-sijil yang berkaitan tidak lewat **jam 2.00 petang, hari Selasa, 22 Mei 2007** ke alamat di atas. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
10. Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
11. Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>



JABATAN PENTABIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN PEMELIHARAAN DAN PEMBAIKAN BANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :

MOE/LTK/29/2007 (JPPE-MEI-07):

SPALLED CONCRETE REPAIR TO BLOCK E1, E2, E3 AND E4 AT ANGGEREK DESA PRIMARY SCHOOL FLAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. KELAS : III. KATEGORI : 4(A) & 5(G). Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran B\$ 50.00 (Tidak dikembalikan).

Tarikh Tutup dan Waktu : 15/05/2007, tidak lewat jam 2.00 petang.

BILANGAN TAWARAN :

MOE/LTK/30/2007 (JPPE-MEI-07):

UPGRADING AND MAINTENANCE WORKS AT KIARONG PRIMARY SCHOOL NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KELAS: IV. KATEGORI: 4(A). Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran B\$ 250.00 (Tidak dikembalikan).

Tarikh Tutup dan Waktu : 15 / 05/2007, tidak lewat jam 2.00 petang.

BILANGAN TAWARAN MOE/LTK/31/2007

(JPPE-MEI-07).

DESIGN AND CONSTRUCT SOCCER FIELD AND TENNIS / FUTSAL COURT AT LUMUT PRIMARY SCHOOL, BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. KELAS : IV. KATEGORI : 4(A) & 7(A). Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran B\$ 250.00 (Tidak dikembalikan).

Tarikh Tutup dan Waktu : 15/05/2007, tidak lewat jam 2.00 petang.

BILANGAN TAWARAN MOE/LTK/32/2007

(JPPE-MEI-07):

DESIGN AND CONSTRUCT SOCCER FIELD AND TENNIS / FUTSAL COURT AT PSN PG MOHD YUSOF PRIMARY SCHOOL LORONG 3, SERIA, BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. KELAS : IV. KATEGORI : 4(A) & 7(A). Bayaran Yuran/Dokumen Tawaran B\$ 250.00 (Tidak dikembalikan).

